

Buletin UNISZA

ISSN 2180-0235 | APRIL 2021 | BL.33



HERO UNISZA
BANTU MASYARAKAT
TANPA SEMPADAN

PENGURUSAN TERTINGGI

Prof. Dato' Dr. Hassan Basri Awang Mat Dahan
Naib Canselor

Prof. Dr. Kamarul Shukri Mat Teh
Timbalan Naib Canselor
(Akademik dan Antarabangsa)

Prof. Dr. Fadzli Adam
Timbalan Naib Canselor
(Penyelidikan dan Inovasi)

Prof. Dr. Mohd Afandi Salleh
Timbalan Naib Canselor
(Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)

Prof. Dr. Hafizan Juahir
Penolong Naib Canselor
(Projek Khas)

En. Ismail Musa
Pendaftar

Pn. Shakimah Endut
Bendahari

Dr. Mohd Badrol Awang
Penasihat Undang-undang

Ir. Mohd Yasim A. Ghani
Pengarah Pusat Pengurusan Harta Benda

Pn. Norulhuda Makhtar
Ketua Pustakawan
(Menjalankan Fungsi)

Prof. Dr. Mohd Nordin Abdul Rahman
Pengarah Kampus Besut

SIDANG EDITOR

Dr. Wan Hishamudin Wan Jusoh
Penerbit UniSZA

En. Cornelius Anuar Abdullah Mc Afee
Pusat Antarabangsa

Cik Nazilah Mohamad
Fakulti Bahasa dan Komunikasi

En. Mohd Faradi Mohamed Ghazali
Fakulti Bahasa dan Komunikasi

Dr. Siti Hajar Abdul Rauf
Fakulti Sains Sosial Gunaan

Dr. Mohd Nasir Mat Nor
Fakulti Perubatan

En. Muhammad Hafizi Rozalin
Fakulti Pengajian Kontemporari Islam

Pn. Zurina Mansor
Penerbit UniSZA

En. Kaswadi Yusoff
Pusat Pengurusan Infostruktur dan Rangkaian

Pn. Siti Naqiah Saad
Penerbit UniSZA

En. Wan Mohd Fadzli W. Samsudin
Penerbit UniSZA

SENARAI PENYUMBANG

1. Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)
2. Pejabat Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)
3. Pusat Pengarah Kampus Besut
4. Perpustakaan al-Wathiqu Billah
5. Fakulti Sains Kesihatan
6. Fakulti Informatik dan Komputeran
7. Fakulti Pengajian Kontemporari Islam
8. Fakulti Biosumber dan Industri Makanan
9. Fakulti Bahasa dan Komunikasi
10. Fakulti Perubatan
11. Fakulti Undang-Undang dan Hubungan Antarabangsa
12. Fakulti Farmasi
13. Institut Penyelidikan Alam Sekitar Pantai Timur
14. Pusat Komunikasi Korporat & Pengurusan Perhubungan
15. Pusat Antarabangsa
16. Pusat Pengurusan Kecemerlangan dan Inovasi Akademik
17. Pusat Asasi Sains dan Perubatan UniSZA
18. Pusat Sukan dan Rekreasi
19. Unit Kaunseling
20. Dr. Hamdy Abdullah, Pejabat Bendahari
21. Dr. Mohd Nasir Mat Nor, Fakulti Perubatan

HAK CIPTA

Hak Cipta Terpelihara © 2021. Tidak dibenarkan mengeluarkan ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buletin ini dalam apa jua bentuk dan dengan cara apa sekalipun sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman, atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Pengarah Penerbit UniSZA, Universiti Sultan Zainal Abidin, Kampus Gong Badak, 21300 Kuala Nerus, Terengganu, MALAYSIA.

Buletin UniSZA diterbitkan tiga kali setahun, mulai Ogos 2009 sebagai buletin rasmi Universiti Sultan Zainal Abidin.

Hak Cipta © 2021
Pengarah, Penerbit UniSZA
Universiti Sultan Zainal Abidin
Kampus Gong Badak
21300 Kuala Nerus
Terengganu, MALAYSIA.
Tel: 09-668 8282, Faks: 09-668 7867
Laman Web: <http://www.penerbit.unisza.edu.my>



Kandungan

Utama	4
Malim Sarjana	7
Seminar/Bengkel/Kursus/Mesyuarat	10
Tokoh	22
Rencana	28
Pencapaian	32
UniSZA Bersama Komuniti Setempat	50
UniSZA dan Hubungan Antarabangsa	54
Sukan dan Ko-Kurikulum	56
Terbitan UniSZA	59

Hero Komuniti Perdana: UniSZA Cakna

Seramai 1,500 orang sukarelawan siswa UniSZA menjalankan program komuniti yang dikenali sebagai 'Hero Komuniti Perdana: UniSZA Cakna' di seluruh Malaysia dan antarabangsa iaitu Indonesia, Mauritius, Palestin, Nigeria, Thailand dan Kemboja. UniSZA mengambil pendekatan kreatif dan proaktif dengan menjadikan keberadaan pelajar di kampung halaman masing-masing sebagai peluang untuk membolehkan mereka berbakti kepada masyarakat setempat. Setiap 14 buah negeri di Malaysia dan negara luar diketuai oleh seorang pelajar yang membentuk beberapa buah kumpulan sukarelawan di setiap negeri. Khidmat komuniti ini dijalankan berdasarkan keperluan setempat seperti mengecat, membaik pulih kawasan, menyantuni staf barisan hadapan dan membahagikan pelitup muka. Program Hero Komuniti ini melaksanakan khidmat komuniti berdasarkan pembahagian enam kluster iaitu Kluster Adab dan Kerohanian, Kluster Kemanusiaan dan Kesukarelawan, Kluster Kepimpinan dan Patriotik, Kluster Keusahawanan, Kluster Sukan serta Kluster Kesenian.



Program yang dianjurkan bersama oleh Majlis Perwakilan Pelajar, Majlis Kolej Kediaman dan Perwakilan Pelajar Beruniform serta Pejabat Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) ini diadakan bermula 19 Disember 2020 sehingga 8 Januari 2021. Program ini turut mendapat kerjasama daripada Majlis Pengurusan Komuniti Kampung, NGO serta beberapa wakil rakyat seperti YB Norhizam di Melaka dan YB Nizar di Parlimen Parit.

Program ini dirasmikan oleh Menteri Pengajian Tinggi, Dato' Dr. Noraini Ahmad secara talian menerusi platform *Webex* dan *Facebook Live* di Kementerian Pengajian

Tinggi dan secara langsung di Dewan Al-Muktafi Billah Shah, UniSZA pada 8 Januari. Turut hadir ialah Ketua Setiausaha Kementerian Pengajian Tinggi, Datuk Seri Dr. Mazlan Yusoff; Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar), Dr. Mohd Zabri Yusoff; dan Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi (Penyelidikan dan Antarabangsa), Jabatan Pengajian Tinggi, Prof. Dr. Mohd Cairul Iqbal Mohd Amin.

Dato' Dr. Noraini amat mengalu-alu program sukarelawan yang digerakkan oleh pelajar dalam usaha membentuk jati diri mereka agar terdedah dengan peluang yang ada terutamanya dalam menguruskan organisasi atau program yang berimpak tinggi. Program ini sejajar dengan inisiatif daripada KPT iaitu *Service Learning Malaysia – University for Society (SULAM)*, sebuah jaringan kerjasama antara Institusi Pengajian Tinggi, industri, agensi kerajaan dan komuniti dalam memperkasa SULAM di peringkat nasional. Program yang julung-julung kali diadakan ini akan diteruskan pada masa yang akan datang dan tidak terhenti setakat ini.



Knowledge for the Benefit of Humanity:

UniSZA Community Heroes around the World

Education has never been only about classroom time. Homework and assignments, publishing or presenting, these are important parts of a good education, but learning is also about something much more. UniSZA, throughout its 40 year history has held fast to its motto: Knowledge for the Benefit of Humanity.

UniSZA believes that education must go beyond the classroom. Education does not end with the acquisition of knowledge alone. It involves how we use that knowledge for the benefit of others. As a direct result of our increasing international student enrollment, UniSZA Community Heroes took on a more international role this year. In January 2021 eight humanitarian projects were carried out by UniSZA international students and alumni in six countries; Indonesia, Thailand, Cambodia, Mauritius, Nigeria and Palestine.



Each project was selected based on the ability of the UniSZA student or alumni to identify a pressing need in their local community back home, and to use the skills and knowledge gained at UniSZA, to assist their local community. Each project was awarded a grant of RM5,000.

In Indonesia, UniSZA students and alumni supported two projects of great value. First, in Jakarta, the BeasiswaQu education centre received support for reading and Quranic study activities in the form of much needed renovations allowing for a mini library to be set up. Reading materials and multimedia materials were provided by UniSZA, as well as some scholarships for the young learners at the centre. In Medan, Sanggar Pendidikan

Silaturrahmi received minor renovations to their centre making the facilities more conducive to learning. Books and copies of al-Quran were provided as well as a host of other learning materials to ensure the needs of the local community were met.

Our Thailand project was headed by Dr. Nitorn Wongchestha, a 2020 graduate was on sabbatical from his teaching position at university. He had recently joined a monastery to serve as a Buddhist monk for six months, committing himself to charity work. As a UniSZA Community Hero he designed and taught an intensive English class to the rural children living near the monastery in Lumphon, Thailand.

In Cambodia, Yep Hamtann, a graduate from the Faculty of Islamic Contemporary Studies, surveyed his village in Kampong Cham to see where he could best help out. He identified several schools, homes and suraus in need of repairs. He quickly set to work with the locals in fixing roofs and replacing doors so all the facilities could be used to their full extent.



In Mauritius, our current students went to work on preparing a training course for social workers in the country. This programme, led by Joomun Mahmad Fayaz and Hashim Khodabacus, also involved 18 undergraduate UniSZA students currently taking their degree in Arabic Language Studies. The short course developed offered free training to social workers, enhancing their skills in order for them to better serve the community. The course was run at the *L'Etoile du Berger*, a shelter for abused children. 25 social workers participated in the UniSZA Community Heroes programme.

Similarly in Nigeria, UniSZA Community Heroes was present in the city of Kano where our graduate, Nasiru Bello Abubakar, was able to carry out extensive repairs to the homes of the poorest residents of the city including orphans, widows and the elderly. Things as simple as a public drainage in the streets were desperately needed in certain quarters, and Nasiru saw to it that UniSZA funds were able to get the necessary work done. Young children also received motivation and support for their studies by way of goodie bags that provided some of the supplies that would assist with their studies. This is in addition to providing prayer mats at several suraus and Islamic schools in the city.

Two programmes were run simultaneously in Palestine. Dr. Musab Iqtait, a recent graduate from the Faculty of Informatics and Computing, put the finishing touches on a local community centre in Hebron. By supplying and installing proper window and door coverings at the Raboud Village Diwan Hall, women and young girls are now able to make full use of the facilities in comfort and safety. This small gesture has made a positive impact on the lives of the community in Hebron. The second project in Palestine was in Jenin, West Bank. Here Dr. Islam Hasan Tazaza and his students planted 100 olive trees on a hill overlooking Jenin. Once mature, the produce from these trees will serve to benefit the needy in the local community.

UniSZA Community Heroes reflects who we are as an institution. Not only are we concerned with maintaining high academic standards, but we also strive to ensure our students and graduates, from around the world, become valuable members of their community. Today we can see that the UniSZA community is growing. In addition to touching communities in Malaysia, we have also reached beyond our borders. With international students from forty different countries, the UniSZA community remains strong.

Sukarelawan Jururawat UniSZA ke Misi Bantuan COVID-19 Kementerian Kesihatan Malaysia

Seramai 25 orang sukarelawan jururawat UniSZA bakal terlibat dengan Misi Bantuan COVID-19 Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). Seramai 19 orang sukarelawan akan melaporkan diri di Pusat Kuarantin Rawatan COVID-19 (PKRC) Terengganu dengan pecahan seramai 12 orang sukarelawan ditempatkan Universiti Teknologi Mara (UiTM) Chendering dan baki seramai tujuh orang di Institut Latihan Kementerian Kesihatan Malaysia (ILKKM).

Seterusnya, baki seramai enam orang lagi sukarelawan jururawat UniSZA akan bertolak ke Pusat Kuarantin Malaysia di Agro Exposition Park Serdang (MAEPS) bagi menjayakan misi bantuan tersebut. Naib Canselor UniSZA, Prof. Dato' Dr. Hassan Basri Awang Mat Dahan, telah mengadakan satu sesi taklimat bersama sukarelawan-sukarelawan terlibat di Bangunan Canselori UniSZA sebelum mereka memulakan misi masing-masing. Semoga sukarelawan jururawat UniSZA yang terlibat dapat menjalankan tugas dengan sebaik mungkin dan sentiasa dilindungi daripada jangkitan virus COVID-19.

Kepentingan Tarekat dalam Ilmu Tasawuf

Muhammad Hafizi Rozali, M.A.
hafizirozali@unisza.edu.my

Seminar merupakan satu proses perjumpaan untuk berbincang atau bertukar-tukar pendapat tentang perkara-perkara tertentu. Ia melibatkan perkongsian idea dalam bentuk lisan yang dihadiri oleh para sarjana, pemikir, pelajar dan individu yang berminat dalam sesuatu topik yang diketengahkan. Penganjuran sesebuah seminar adalah untuk menyuburkan pemikiran, mengetengahkan idea dan mencuba untuk merungkai suatu permasalahan yang lazim berlaku dalam kalangan masyarakat. Sehubungan itu, Pusat Pengajian Usuluddin, Fakulti Pengajian Kontemporari Islam (FKI) dengan kerjasama Jabatan Mufti Kerajaan Negeri, Negeri Sembilan (JMKNS) telah mengambil inisiatif menganjurkan Seminar Tasawuf Dalam Masyarakat Kontemporari 2020 (STAF2020) pada 14 November 2020. Ia berlangsung selama empat jam dan diadakan secara dalam talian menerusi aplikasi Cisco Webex. Seminar dwi tahunan ini mengangkat tema ‘Memartabatkan Ilmu Tasawuf Secara Komprehensif dalam Masyarakat Global’. Ia mendapat sambutan yang sangat menggalakkan dengan 277 penyertaan dari dalam dan luar UniSZA. Antara tetamu undangan yang turut hadir memeriahkan seminar ini ialah Dekan FKI, ahli akademik, wakil Majlis Agama Islam Dan Adat Melayu Terengganu (MAIDAM), wakil JMKNS, peserta dari agensi luar, masyarakat awam serta pelajar peringkat pra dan pasca siswazah.

Salah seorang pembentang yang dijemput bagi menjayakan seminar kali ini ialah ahli Panel Pakar Tasawuf Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) merangkap Ahli Majlis, Jilsah Turuq Sufiyah, Kerajaan Negeri Sembilan Darul Khusus, Tuan Guru Dr. Hj. Jahid Hj. Sidek al-Khalidi. Pihak penganjur telah memilih beliau sebagai pembentang untuk seminar ini berdasarkan pengalamannya yang cukup luas sebagai seorang agamawan dan pakar rujuk bidang tasawuf dan perubahan Islam di Malaysia. Tajuk kertas kerja yang dibentangkan ialah ‘Kedudukan dan Kepentingan Tarekat dalam Islam’. Inti pati utama kertas kerja ini membincangkan berkenaan konsep sebenar tarekat dalam Islam dari sudut pandang tokoh ulama muktabar. Beberapa definisi daripada tokoh ulama seperti Syeikh Mohammad Zakaria al-Kandahlawi, Syeikh Ahmad Zarruq, Ibn Khaldun dan lain-lain lagi telah dikupas dengan mendalam oleh beliau. Di akhir pembentangannya, beliau menerangkan pula berkenaan kedudukan dan kepentingan amalan bertarekat dari sudut pandang Islam.

Tarekat merupakan satu disiplin pengamalan dan keilmuan Islam yang sering tidak diberikan perhatian oleh umat Islam sejak dahulu lagi. Maka disebabkan itu, tidak pelik jika mutakhir ini banyak tohmahan yang dilemparkan terhadap institusi tarekat dan pengamalannya. Ada yang memandang bahawa tarekat ini hanya menyeru kepada sifat negatif, malas, meminggirkan diri dan sebagainya. Bahkan terdapat tuduhan bahawa amalan bertarekat ini sesat, mempunyai unsur batiniyah dan ada yang menyamakannya dengan syiah. Tambahan pula terdapatnya beberapa golongan pengamal tarekat itu sendiri yang mengambil sikap berlebih-lebihan dan melampau, dalam pengamalan mereka sehingga pada akhirnya telah mencacatkan hakikat sebenar amalan tarekat ini.



Menurut Tuan Guru Dr. Hj. Jahid, terdapat dua definisi popular mengenai tarekat. Definisi pertama adalah seperti yang diutarakan oleh Syeikh Mohammad Zakaria al-Kandahlawi di dalam kitabnya *al-Syariah wa al-Tariqah* yang mendefinisikan bahawa tarekat ialah jalan (syariat agama Islam) yang menyampaikan seseorang Mukmin ke darjat ihsan atau hakikat. Definisi ini didasarkan kepada tiga asas agama Islam yang dimaklumi iaitu Islam rukunnya lima, iman rukunnya enam dan ihsan. Sabda Nabi s.a.w., “Ihsan itu adalah apabila anda beribadah kepada Allah, seolah-olah anda melihat-Nya; jika anda tidak merasa melihat-Nya, sesungguhnya Allah sentiasa melihat dan memantau anda”.

Tuan Guru Dr. Hj. Jahid juga menjelaskan bahawa tarekat berperanan sebagai sebuah jambatan yang menghubungkan syariat dengan hakikat. Syariat yang dimaksudkan adalah merujuk kepada dua asas agama Islam iaitu rukun Islam dan iman manakala hakikat pula adalah merujuk kepada ihsan. Beliau memetik kenyataan Syeikh Najmuddin al-Kubra yang menggambarkan bagaimana peranan tarekat yang berfungsi sebagai jambatan penghubung antara syariat dengan hakikat dengan ungkapan: “Syariat itu seperti kapal, tarekat seperti lautan dan hakikat seperti mutiara di tengah-tengah lautan. Siapa yang mahu mutiara tersebut, wajiblah ia naik kapal syariat, lalu belayar di lautan tarekat, Allah akan sampaikan kepadanya mutiara hakikat”. Justeru, ihsan dianggap hakikat kerana apabila seseorang sampai di peringkat ihsan, ia akan dikurniakan oleh Allah s.w.t. peningkatan ilmu tauhid daripada mengenal Allah secara *samaie* menggunakan dalil naqli dan aqli kepada mengenal Allah s.w.t. secara *zawqi* iaitu ke tingkat makrifah di dalam hati. Oleh kerana makrifah hanya boleh diterima oleh hati, maka kerana itulah makrifah itu ialah ilmu hakikat.

Kemudian, Tuan Guru Dr. Hj. Jahid beralih pula kepada definisi kedua bagi tarekat. Beliau mengambil definisi yang diutarakan oleh Syeikh Jirjani dalam kitabnya al-Ta’rifat. Syeikh Jirjani mendefinisikan tarekat sebagai sebuah metod mujahadah khusus yang merangkumi kedua-dua aspek mujahadah zahir dan batin bagi golongan salikin, menuju Allah s.w.t. iaitulah menuju kepada hakikat dan makrifat-Nya, yang dimestikan untuk sampai kepada-Nya melepasi pelbagai cabaran seperti nafsu, syaitan, akal, hati, roh dan *sirr*. Ia pada akhirnya membolehkan pelbagai perubahan dalam aspek keadaan hati (*ahwal qalbiyyah*) dan sifat-sifat hati (*maqamat qalbiyyah*). Berdasarkan definisi ini, Tuan Guru Dr. Hj. Jahid merumuskan bahawa seorang yang melakukan mujahadah menerusi disiplin tarekat, perjalanan aspek rohaninya akan melalui pelbagai destinasi iaitu destinasi nafsu dan syaitan, destinasi akal, destinasi hati, destinasi roh dan berakhir di destinasi *sirr*. Apabila seseorang bermujahadah, berzikir dan berjaya sampai ke destinasi *sirr*, maka *ahwal qalbiyyahnya* pun menjadi bersih dan baik. Sifat hatinya (*maqamat qalbiyyah*) juga akan dipenuhi dengan pelbagai sifat mahmudah. Maka apabila kedua-dua aspek ini berjaya dibaiki dan dibersihkan sehingga tercapai *ahwal qalbiyyah* dan *maqamat qalbiyyah* yang terpuji, maka hati pada ketika itu hanya mahukan Allah dan memandang Allah semata-mata.

Tuan Guru Dr. Hj. Jahid seterusnya menyatakan bahawa amalan tarekat ini sememangnya telah disyariatkan oleh Allah s.w.t. baik di dalam al-Quran mahupun al-Hadith. Malahan, menurut sebahagian ulama tasawuf, tarekat merupakan ilmu dan amalan yang mula-mula sekali disyariatkan oleh Allah s.w.t.. Hal ini berdasarkan lima ayat pertama daripada surah al-‘Alaq yang disampaikan oleh Jibril a.s. kepada Nabi Muhammad s.a.w.. Ayat-ayat ini secara hakikatnya mengandungi perintah yang menyentuh perkara berkaitan ilmu dan amalan *zikrullah*, khususnya dalam ayat pertama dan ketiga. Selain itu, terdapat juga hadis yang menyentuh secara umum berkenaan amalan *zikrullah* dan tarekat antaranya adalah *hadith musalsal* yang diriwayatkan oleh Saidina Ali r.a. dengan sanad yang hasan. Dalam hadis tersebut, Saidina Ali meminta kepada Rasulullah s.a.w. untuk diajarkan kepadanya satu tarekat yang mana apabila diamalkan mudah untuk sampai kepada Allah s.w.t.. Rasulullah s.a.w. menjawab “Ya ‘Ali (jika engkau mahu satu tarekat seperti yang engkau maksudkan itu) maka wajiblah di atas engkau sentiasa kekal berzikrullah secara *sirr* (dalam hati tanpa suara) dan secara jihar (bersuara).” Maka berdasarkan dalil-dalil yang telah dikemukakan, jelaslah disini bahawa amalan tarekat ini ada sandarannya di dalam al-Quran bahkan disyorkan lagi oleh Nabi s.a.w. dalam sunnahnya.

Seterusnya, Tuan Guru Dr. Hj. Jahid telah merumuskan beberapa kepentingan tarekat dalam mengukuh dan menyempurnakan pelbagai aspek agama zahir dan batin atau syariat dan hakikat. Antara kepentingannya adalah:

1. Tarekat memudahkan tercapainya taubat nasuha – Taubat nasuha ialah taubat seorang hamba yang memenuhi dua elemen penting iaitu benar (*al-sidq*) dan ikhlas (*al-ikhlas*). Taubat ini mudah dicapai dalam tarekat kerana adanya bimbingan syeikh yang berterusan.

2. Allah mudah *mengkasyafkan* pelbagai hijab hati ahli tarekat – Menurut ahli sufiyah ada lima hijab besar yang melindungi pandangan hati dan roh. Hijab yang dimaksudkan ialah seperti Hijab Syaitan, Hijab Syahwat, *Hijab al-Kawn* (makhluk), *Hijab al-Ghaflah* dan Hijab Maksiat. Setelah taubat individu yang bertarekat itu diterima, maka hijab-hijab yang disebutkan tadi akan diangkat oleh Allah s.w.t..
3. Tarekat membolehkan seseorang berada dalam keadaan *tazakkur* – Dalam amalan tarekat, terdapat tiga hubungan dalam amalan zikrullah iaitu zikir, tafakur dan *tazakkur*. Zikir dan tafakur ialah dua amalan yang mesti dilakukan serentak. *Tazakkur* pula merupakan natijah daripada kedua-duanya.
4. Tarekat akan memudahkan individu mencapai hati yang *mutmainnah* – Seruan untuk bertaubat daripada semua dosa atau maksiat zahir dan batin, menguatkan iman, beramal soleh dan terus berzikrullah adalah perkara yang sangat ditekankan di dalam tarekat. Perkara-perkara ini dilakukan bertujuan mencapai hati yang *mutmainnah*.
5. Tarekat memudahkan terbentuknya akhlak mulia - Tarekat membentuk akhlak yang mulia daripada limpahan akhlak Rasulullah s.a.w.. Hal ini kerana tarekat itu sendiri adalah akhlak Rasulullah s.a.w.. Syeikh Abdul Wahab Sya'rani dalam kitabnya *al-Anwar al-Qudsiyah* menyebutkan “Sesungguhnya tarekat sufiyah itu merupakan akhlak Nabi Muhammad s.a.w. zahir dan batinnya”.

Sebagai kesimpulannya, Tuan Guru Dr. Hj. Jahid menegaskan bahawa tarekat merupakan sebahagian daripada ajaran agama Islam. Ia adalah wasilah bagi mencapai *maqam* ihsan. Tarekat mempunyai amalannya yang tersendiri yang secara keseluruhannya merupakan pelaksanaan terhadap segala perintah agama yang dilakukan secara bersungguh-sungguh dengan niat untuk mengejar keredaan Allah s.w.t.. Namun begitu, tidak dinafikan terjadi beberapa penyimpangan dan ketaksuban dalam kumpulan pengamal tarekat berpunca daripada kejahilan ahlinya, namun ini tidak boleh dijadikan sebagai hujah untuk menafikan kewujudan, keaslian dan hakikat sebenar tarekat itu.



Bengkel Penulisan dan Penerbitan Artikel dalam Jurnal Berimpak Tinggi


Sejajar dengan hasrat kementerian dan universiti dalam meningkatkan jumlah penerbitan jurnal yang berimpak tinggi dan berkualiti, Fakulti Undang-Undang dan Hubungan Antarabangsa (FUHA) telah mengadakan Bengkel Penulisan dan Penerbitan Artikel dalam Jurnal Berimpak Tinggi pada 17 Januari 2020 secara dalam talian.

Bengkel ini dikendalikan oleh Felo Wakaf Akademik UniSZA, Prof. Dr. Hj. Mustafa Mamat yang berpengalaman dan berpengetahuan luas dalam penerbitan artikel berimpak tinggi. Bengkel ini mendapat sambutan yang baik dari kalangan pensyarah.

Bengkel ini dianjurkan untuk mendedahkan para pensyarah tentang pengetahuan dan teknik dalam penulisan serta penerbitan artikel jurnal berimpak tinggi berdasarkan hasil kajian yang dijalankan. Bengkel ini juga memberi pendedahan mengenai tips dan strategi dalam menghasilkan penulisan artikel yang berkualiti dan menepati kriteria yang ditetapkan oleh jurnal berimpak tinggi. Selain itu, para peserta juga diajar tentang aspek berkaitan proses penerbitan artikel seperti pemilihan jurnal yang bersesuaian, teknik menangani komen penilai, cara meningkatkan sitasi serta H-Index dan sebagainya.

Semua peserta sangat teruja dan mengambil peluang dengan mengajukan soalan kepada penceramah bagi memudahkan mereka menghasilkan penulisan yang berkualiti untuk diterbitkan dalam jurnal berimpak tinggi.

Penganjuran bengkel seperti ini telah memberikan suntikan baharu kepada pensyarah; khususnya pensyarah FUHA dan merupakan medium yang amat baik sebagai penyebaran ilmu berkaitan dengan penerbitan kepada pensyarah UniSZA.



Syarahan Akademik *Preparing For Legal Career*

Pada 16 Disember 2020, Fakulti Undang-Undang dan Hubungan Antarabangsa (FUHA) telah mengadakan syarahan akademik yang bertajuk *Preparing for Legal Career* kepada pelajar UniSZA khususnya para pelajar undang-undang tahun akhir secara dalam talian. Bagi menjayakan program ini, seorang penceramah yang berpengalaman telah dijemput. Beliau merupakan Pengamal Undang-Undang iaitu Datuk Baljit Singh.

Syarahan akademik ini menjadi satu medium pendedahan kepada para pelajar tentang kemahiran asas yang perlu ada untuk menempuh kerjaya undang-undang. Antara perkara asas yang penting ialah kemahiran berkomunikasi dengan pelanggan, kemahiran pengurusan diri terutamanya dari segi menguruskan masa dalam kerjaya dan keluarga.

Selain itu, mempunyai kemahiran dalam penyelidikan, kemahiran dalam teknologi digital, seorang yang berkerja keras, dan mempunyai pengetahuan tentang undang-undang. Para pelajar turut ditekankan agar mengambil peluang mempelajari setiap perkara dan proses undang-undang sepanjang latihan dalam kamar. Penceramah juga menekankan agar para pelajar membuat kajian secara teliti dalam memilih firma guaman mengikut kesesuaian bidang yang diminati.

Sebelum sesi berakhir, penceramah berharap agar setiap pelajar memahami sebaiknya dan mengambil tahu tentang kepentingan persediaan untuk menjadi seorang peguam. Sesi syarahan akademik ini telah mendapat maklum balas positif dalam kalangan peserta dan berharap agar syarahan seperti ini diteruskan pada masa akan datang.



Bengkel Perancangan Pelan Tindakan Akademik UniSZA 2021-2025

Pada 28-29 Disember 2020, Pusat Pengurusan Kecemerlangan dan Inovasi Akademik (CoMAE-i) dengan kerjasama Pejabat Timbalan Naib Canselor Akademik dan Antarabangsa (PTNCAA) telah mengadakan Bengkel Perancangan Tindakan Akademik UniSZA bagi Tahun 2021-2025 bertempat di Dewan Perdana, UniSZA Kampus Gong Badak. Bengkel ini telah dipengerusikan oleh Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) UniSZA, Prof. Dr. Kamarul Shukri Mat Teh. Dalam ucapan tersebut, beliau menyentuh tentang Penguatkuasaan Semula Elemen Pembangunan Pelan Tindakan Akademik (PTA) UniSZA 2021-2025 yang menekankan tentang kepentingan PTA dalam merealisasikan hala tuju dan transformasi akademik di UniSZA. Penglibatan dekan, timbalan dekan, pengarah, timbalan pengarah dari Pusat Tanggungjawab (PTj) dan pentadbiran adalah amat penting bagi mendapatkan input dan sumbangan idea berkenaan perkara tersebut dalam usaha memperhalusi dan memantapkan lagi pelaksanaan PTA.

Perbincangan dan percambahan fikiran dalam bengkel ini adalah melibatkan tiga perkara utama iaitu pertama, perancangan dan pelaksanaan pembangunan PTA UniSZA sepanjang tahun 2021 hingga 2025; kedua, memastikan hala tuju akademik UniSZA dapat difahami dan analisis SWOT dapat dilaksanakan oleh setiap pusat tanggungjawab yang terlibat; dan ketiga, menyemak semula aktiviti yang dirancang dari tahun 2015-2020 sama ada masih relevan dan memenuhi keperluan dan tuntutan semasa.

Komitmen dan keprihatinan semua peserta dalam bengkel ini telah menjana input yang sangat berguna, selain perkongsian idea dan pengalaman oleh pensyarah jemputan dari Fakulti Informatik dan Komputeran, Dr. Ellissa Nadia Madi tentang penggunaan kaedah *Fuzzy Delphi Analysis* bagi memantapkan lagi pembangunan PTA yang dirancang bagi tahun 2021-2025.

Bengkel ini adalah rentetan daripada perancangan yang telah diadakan pada setiap tahun bermula tahun 2015 sehingga 2020 serta persediaan pelaksanaan penilaian semula pembangunan PTA yang telah dirancang pada tahun 2015-2020. Ini adalah untuk meningkatkan aktiviti yang akan dilaksanakan pada tahun 2021-2025 sentiasa berdaya saing.

Perancangan PTA adalah asas kepada kecemerlangan akademik UniSZA dan sebagai bukti komitmen tinggi UniSZA untuk menjadi pusat pengajian yang unggul di negara ini selaras dengan panduan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (2015-2025) dalam menghasilkan sesuatu aktiviti dan membangunkan PTA 2021-2025 sebagai hala tuju transformasi akademik di UniSZA yang lebih mantap.



Fakulti Farmasi Anjur Pharminar Celik Ubat



Dalam situasi negara berhadapan dengan krisis pandemik COVID-19, pihak Fakulti Farmasi (FF) telah mengambil langkah proaktif untuk melaksanakan program celik ubat yang memfokuskan kepada ubat anti COVID-19 melalui program Pharminar (Pharmacy Webinar) Celik Ubat secara dalam talian pada 1 Julai 2020. Tujuan program ini diadakan adalah untuk berkongsi maklumat dan pengetahuan umum berkaitan ubat anti COVID-19 di samping memberikan kefahaman kepada warga UniSZA mengenai penggunaan ubat dengan cara yang betul. Seramai lima orang ahli panel yang mewakili keseluruhan disiplin di FF telah dijemput untuk berkongsi ilmu dan kepakaran masing-masing.

Ahli panel pertama iaitu Dr. Norsyafikah Asyilla Nordin membentangkan kertas kerja bertajuk Ubat Anti COVID: Perbezaan Ubat, Kit dan Vaksin. Menurut beliau, ubat merupakan bahan untuk mencegah, mengawal dan merawat penyakit. Ubat am (OTC) boleh dibeli tanpa preskripsi doktor, manakala ubat terkawal hanya boleh diperolehi dengan preskripsi doktor. Kit ujian merupakan pakej sistem yang terdiri daripada komponen utama dalam kaedah analisis. Ia terbahagi kepada dua jenis iaitu kit ujian pantas antibodi dan kit ujian pantas antigen dan digunakan untuk mengesan kehadiran bahan tertentu. Manakala vaksin mengandungi antigen yang diperolehi daripada sebahagian atau keseluruhan virus/bakteria yang telah dimatikan atau dilemahkan dan merangsang sistem imuniti untuk menghasilkan antibodi untuk mencegah dan menghalang penyakit.

Ahli panel yang kedua pula membentangkan kertas kerja berjudul Ubat Anti COVID-19: Indikasi Ubat yang Digunakan untuk Rawatan COVID-19 di Malaysia. Dr. Syaliza Omar memberi penerangan berkaitan beberapa jenis ubat sedia ada yang digunakan untuk merawat simptom COVID-19. Setiap ubat yang digunakan seperti *hydrochloroquine*, *chloroquine*, *favipiravir* dan *lopinavir/ritonavir* pada asalnya adalah untuk indikasi yang berbeza, namun digunakan dalam rawatan COVID-19 kerana mekanisme tindakannya.

Dalam penerangannya yang bertajuk Ubat Anti COVID-19: Bagaimana Ubat-ubat Ini Bertindak, ahli panel ketiga iaitu Dr. Zalina Zahari menerangkan bahawa ubat-ubatan yang sedang dinilai untuk merawat pesakit koronavirus adalah termasuk *hydroxychloroquine*, *chloroquine*, *lopinavir/ritonavir*, *favipiravir*, *remdesivir*, *ribavirin* dan *interferon beta*. *Hydroxychloroquine* dan *chloroquine* adalah selamat untuk digunakan sebagai ubat anti-malaria dan penyakit autoimun. Ubat ini juga berpotensi bertindak sebagai ubat antiviral spektrum-luas yang berupaya menghalang virus daripada memasuki sel dan merencatkan pembentukan virus dalam sel yang sudah dijangkiti.

Lopinavir/ritonavir, *favipiravir*, *remdesivir* dan *ribavirin* pula ialah ubat antivirus yang boleh menghalang virus daripada mengalami proses replikasi maklumat genetik dan seterusnya menghalang virus daripada membiak setelah memasuki tubuh, manakala *interferon* ialah protein yang dirembeskan oleh sistem imun badan sebagai respon kepada jangkitan virus. *Interferon beta* seperti *interferon beta 1b* dan *interferon beta 1a* boleh menghalang sel hos normal daripada dijangkiti virus dan membantu sel-sel sihat dalam tubuh untuk melawan jangkitan virus.

Dr. Mulham Alfatama yang membentangkan kertas kerja bertajuk Ubat Anti COVID-19: *Dosage Form for Anti COVID-19 Drug* menyatakan bahawa *Dosage form of COVID-19 drugs used hydroxychloroquine sulphate and chloroquine phosphate* berpotensi bertindak sebagai ubat antiviral yang berupaya menghalang virus daripada memasuki sel dan merencatkan pembentukan virus dalam sel yang sudah dijangkiti. Sementara itu, ahli panel terakhir iaitu Prof. Dr. Lua Pei Lin membentangkan kertas kerja bertajuk Ubat Anti COVID-19: Regimen Penggunaan dan Kos. Menurut beliau, harga ubat-ubatan merangkumi daripada harga semurah RM5 sehinggalah kira-kira RM2,500 bergantung kepada tempoh regimen, jenis ubat dan jenis administrasinya. Kebanyakannya adalah ubat-ubat sedia ada di pasaran yang digunakan sebagai antiviral. Tempoh rawatan pula adalah dari 5-14 hari, tetapi ia bergantung juga kepada jenis ubat.

Program dalam talian yang dilaksanakan melalui aplikasi *Cisco Webex* ini mendapat sambutan daripada kira-kira 100 orang daripada warga UniSZA. Perkongsian ini sedikit sebanyak dapat memberikan kefahaman yang lebih jelas mengenai ubat anti COVID-19.

FIK-ORACLE-UPNVJ

Kongsi Kepakaran Ilmu

Fakulti Informatik dan Komputeran (FIK) UniSZA Kampus Besut telah mengadakan Program Webinar bertemakan ‘Embracing IR4.0’ yang merupakan sesi perkongsian ilmu antara FIK, Oracle Malaysia dan Universitas Pembangunan Nasional ‘Veteran’ Jakarta (UPNVJ), Indonesia. Webinar ini diadakan pada 24 November 2020.


Objektif utama program adalah untuk berkongsi kepakaran ilmu antara FIK-Oracle-UPNVJ, menyatukan pelajar Malaysia – Indonesia dalam satu aktiviti dan membincangkan isu terkini yang berkaitan dengan elemen IR 4.0.

Profesor Adjung FIK yang juga wakil Oracle, Encik Fitri Ibrahim telah membenteng dan membincangkan tajuk ‘Preparing The Next Generation Computer Scientist’. Tajuk ini menyentuh ciri-ciri utama yang perlu ada pada setiap pelajar untuk menjadi seorang ahli sains komputer yang berjaya.

Manakala Cik Ika Nurlaili yang merupakan pensyarah daripada UPNVJ telah membawakan perbincangan yang amat menarik mengenai ‘Political Informatics: Information Retrieval Cases on Political Trends’ yang berkaitan dengan trend politik dunia masa kini.

Pensyarah FIK, Prof. Madya Ts. Dr. Fatma Susilawati Mohamad merupakan panel terakhir telah membincangkan tajuk ‘IR 4.0: From Zero to Hero’. Beliau telah membentangkan perubahan yang berlaku sejak konsep Revolusi Industri 1.0 diperkenalkan sehingga kini.

Program ini berjaya menyatukan dua buah negara dan mengumpul sebanyak 150-200 peserta pada setiap sesi. Mereka terdiri dari kalangan pensyarah, pelajar FIK dan UPNVJ serta peserta luar. Medium ini juga diharap dapat diteruskan pada masa hadapan bagi meningkatkan lagi kerjasama antara Malaysia – Indonesia.



FSK Anjur Global Health Sciences Conference 2020


Hampir seluruh negara di dunia sekarang menghadapi masalah kesihatan. Cabaran ini adalah berikutan wabak penyakit berjangkit iaitu COVID-19 yang telah melanda sejak September 2019. Di samping itu prevalen bagi penyakit kronik seperti kanser, sindrom metabolik dan sebagainya turut meningkat. Faktor gaya hidup dan genetik turut memainkan peranan dalam penyakit berjangkit (*communicable*) atau tidak berjangkit (*non-communicable*). Cabaran yang besar adalah bagaimana untuk menangani masalah kesihatan, mengekalkan dan meningkatkan tahap kesihatan manusia sejagat melalui strategi intervensi yang berkesan. Walaupun pihak kerajaan dan badan bukan kerajaan telah mengambil inisiatif dalam langkah pencegahan dan pengurangan kadar masalah kesihatan negara bagi mengurangkan kos perubatan, kadar tersebut masih tinggi yang harus diambil cakra bagi setiap individu. Berikutan daripada statistik kadar penyakit yang tinggi juga telah menggalakkan penyelidik merungkai faktor penyakit pada peringkat molekular mahupun faktor persekitaran. Hasil dapatan kajian secara saintifik ini dapat menyediakan maklumat kesihatan penduduk untuk jangka masa panjang bagi membendung penyakit seperti kanser, penyakit berjangkit, obesiti dan sebagainya. Strategi dalam mengawal tahap kesihatan dan perkhidmatan kesihatan yang disediakan oleh pihak kerajaan memerlukan sokongan daripada penyelidik dalam pelbagai bidang kepakaran. Seiring dengan perkembangan teknologi dalam penyelidikan, mekanisme pembentukan penyakit dapat dikenal pasti. Maklumat ini dapat membantu pihak kerajaan dan bukan kerajaan dalam membendung masalah kesihatan dengan lebih berkesan.

Sejajar dengan perkembangan isu kesihatan, Fakulti Sains Kesihatan (FSK) telah mengambil inisiatif untuk menganjurkan persidangan antarabangsa bagi berkongsi maklumat

hasil penyelidikan berkaitan masalah kesihatan. Global Health Sciences Conference 2020 (GHSC 2020) telah menyediakan platform bagi penyelidik menyampaikan data penyelidikan dari pelbagai bidang sains kesihatan dan dapat membincangkan cabaran dalam menangani masalah kesihatan. Ia memberi peluang kolaborasi antara kesemua institusi yang terlibat. Tema GHSC 2020, *Pandemic Challenges in Health Sustainability* amat bersesuaian dengan objektif penganjurannya yang telah diadakan pada 12 Disember 2020 secara dalam talian. Penganjuran ini juga dilaksanakan bagi merealisasikan pelan strategik UniSZA 2020-2022 dalam S03: *World Class Research* dan S04: *Globally-Recognized University* bagi memperkenalkan UniSZA, khususnya FSK di peringkat antarabangsa. GHSC 2020 telah melibatkan beberapa institusi antarabangsa yang mempunyai memorandum persefahaman dengan FSK iaitu Rajamangala University of Technology Thanyaburi, Thailand (RMUTT) dan beberapa institusi dari Indonesia seperti Politeknik Kesehatan Yogyakarta (POLKESYO), Sekolah Tinggi Ilmu Kesehatan, Syedza Sainika Padang (STIKES), Universitas 'Aisyiyah, Yogyakarta (UNISA) dan Universitas Teuku Umar, Aceh (UTU) sebagai penganjur bersama.

Ucuptama persidangan ini disampaikan oleh Prof. Dr. Tony Merriman dari University of Otago, New Zealand. Beliau merupakan penyelidik tersohor dalam bidang molekular bagi penyakit gout dalam kalangan Maori. Kepakaran beliau telah diiktiraf melalui penganugerahan beberapa pingat kecemerlangan dalam penyelidikan. Beliau juga telah ditawarkan untuk menjalankan kajian tentang molekular gout dari kalangan African-American oleh University of Alabama, Birmingham, USA. Beliau telah menyampaikan ucuptama bertajuk *The Role of the Environment in Gout Onset and Outcomes*. Antara inti pati ucuptama beliau adalah

pengaruh persekitaran kepada individu yang mempunyai profil genetik yang berisiko. Beliau menyatakan bahawa setiap individu mempunyai gabungan genetik variasi yang berbeza antara satu sama lain yang dicirikan dengan fenotip berbeza. Hal ini juga memberi kesan kepada mekanisme fisiologi badan yang telah dikodkan oleh profil genetik. Oleh itu mekanisme di peringkat molekular telah dikenal pasti dapat mempengaruhi fisiologi sistem badan.



Beliau turut mengulas tentang beberapa gen yang berpotensi mempunyai asosiasi dalam penyakit gout. Pengenalpastian keseluruhan gen pada kesemua kromosom melalui teknologi tinggi seperti *genomewide scanning* telah menyediakan maklumat profil genetik pada peringkat *single nucleotide polymorphisms* (SNPs). Kadar risiko seseorang individu juga dapat ditentukan oleh profil genetik pada peringkat haplotip iaitu gabungan SNPs pada gen yang mempunyai asosiasi dengan gout. Hasil penyelidikan molekular beliau melalui kajian *in vivo* (kajian menggunakan haiwan makmal) dan *in vitro* (kajian menggunakan sel) telah membuktikan fungsi gen-gen tersebut dalam mekanisme tapak jalan fisiologi berkaitan pembentukan gout. Salah satu gen iaitu gen *SLC2A9* bertanggungjawab dalam mengkodkan protein pengangkut bagi asid urik

di tubul proksimal pada ginjal atau buah pinggang. Sekiranya perubahan nukleotida pada gen tersebut berlaku, maka serapan semula asid urik ke dalam salur darah yang diangkut oleh *SLC2A9* pada dinding tubul tersebut terjadi. Aras asid urik akan meningkat dalam salur darah yang dikenali sebagai *hyperuricaemia*. Hal ini menyebabkan pengumpulan asid urik sebagai *monosodium urate* dalam bentuk kristal di sendi-sendi yang mengakibatkan inflamasi (keradangan) dan erosi (hakisan) pada sendi.

Prof. Merriman juga menyatakan bahawa genetik variasi adalah berbeza antara populasi dunia di samping variasi antara individu. Maklumat kajian genetik populasi ini harus diketengahkan bagi memberikan rawatan yang khusus dengan lebih berkesan berdasarkan profil genetik

bagi individu tersebut. Ini dibuktikan dengan rawatan allopurinol yang kurang berkesan bagi etnik Maori berbanding *Caucasians* yang disebabkan oleh mutasi pada gen *SLC2A9* walaupun kadar pengambilan diet berasaskan purin adalah kurang oleh pesakit Maori.

Secara rumusan, faktor genetik telah menyumbang lebih kurang 60 peratus dalam penyakit gout kerana profil genetik individu menentukan mekanisme fisiologi dalam metabolisme asid urik. Maklumat ini membantu pihak Kementerian Kesihatan dalam menentukan rawatan yang khusus dikenali sebagai *personalized medicine* berdasarkan profil genetik pesakit.

FUHA Menganjurkan Ceramah Perundangan untuk Komuniti

Ceramah perundangan untuk komuniti diadakan bagi menyampaikan perkongsian berhubung isu perundangan yang berkaitan dengan hak anak dan isteri kepada masyarakat setempat. Program ini diadakan secara tahunan oleh Fakulti Undang-Undang dan Hubungan Antarabangsa (FUHA). Pada kali ini, ceramah yang diadakan pada 26 November 2020 diadakan di Baitul Qanun FUHA dengan tajuk 'Nafkah Anak dan Isteri di bawah Undang-undang Keluarga Islam di Malaysia'.

Program ini dilihat berupaya menjadi platform kepada masyarakat untuk mendapatkan maklumat yang jelas mengenai Undang-undang Keluarga Islam di Malaysia dan kepentingannya. Ia menjadi satu medium untuk memberi pendedahan kepada masyarakat dalam memahami pengertian sebenar istilah nafkah di bawah Undang-undang Keluarga Islam serta jenis nafkah yang perlu dititikberatkan dalam Islam yang menjadi kewajipan seorang suami dan bapa.

Penceramah jemputan merupakan seorang Peguambela, Peguamcara dan Peguam Syarie iaitu Tuan Haji Mukhtar bin Abdullah. Beliau merupakan mantan Pengerusi Persatuan Peguam Syarie Terengganu serta dilantik sebagai Ahli Jawatankuasa Undang-Undang Syariah di Majlis Peguam. Program ini memberi kefahaman yang jelas mengenai penyelesaian terhadap isu semasa yang melibatkan nafkah yang sering menjadi isu utama dalam institusi keluarga.

**NAFKAH ANAK & ISTERI
DIBAWAH UNDANG-UNDANG
KELUARGA ISLAM DI MALAYSIA**

Tarikh : 26hb. November 2020
Masa: 2.30 – 4.00 petang
Untuk pelajar Undang-Undang UNISZA
& Orang Awam



Tuan Haji Mukhtar bin Abdullah
Peguambela & Peguamcara
Peguam Syariah

Kem Bina Insan Guru Pelajar Diploma Pasca Siswazah Pendidikan UniSZA



Perkembangan pesat dalam bidang teknologi dan perubahan sikap masyarakat menjadikan tugas seorang guru pada hari ini menjadi semakin mencabar. Selain pencapaian akademik yang baik, kekuatan mental dan kecergasan fizikal merupakan antara elemen penting bagi seseorang guru dalam menjalankan tugas supaya dapat mendidik dengan baik dan berkesan.

Menyedari hal ini, seramai 48 orang guru pelatih yang mengikuti Program Diploma Pascasiswazah Pendidikan, Fakulti Pengajian Kontemporari Islam (FKI) telah mengikuti Kem Bina Insan Guru yang telah diadakan pada 5-7 Januari bertempat di Peladang Setiu Agro Resort. Program anjuran Pusat Penjana



an Pendapatan, Pelaburan dan Jaringan Industri (P4P) dengan kerjasama FKI ini diadakan bagi tujuan meningkatkan lagi semangat kerja berpasukan, pengurusan masa serta memantapkan lagi mental dan fizikal para peserta.

Sepanjang program tersebut para peserta yang merupakan guru-guru sekolah di bawah kelolaan Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu, telah mengikuti pelbagai aktiviti lasak seperti kembara malam, ikhtiar hidup di hutan, *flying fox* dan aktiviti keyakinan diri di dalam air. Pada hari kedua program, para peserta telah dibawa ke Laguna Setiu untuk menjalankan aktiviti berakit. Di samping aktiviti luar, para peserta juga telah mengikuti aktiviti dalam kumpulan.

Program ini turut melibatkan pihak pemegang taruh dalam bidang pendidikan; iaitu Ketua Penolong Pengarah Jabatan Pendidikan Negeri Terengganu, Tuan Haji Wan Mohd Fauzi Wan Mahmood. Beliau dijemput untuk menyampaikan ceramah bertajuk Profesionalisme dan Etika Perguruan.

Program penutup telah disempurnakan oleh Prof. Madya Dr. Mohd Adzim Khalili Rohin. Dalam ucapannya, beliau menegaskan bahawa pihak UniSZA akan berusaha sebaik mungkin untuk menjadikan graduan pendidikan UniSZA sebagai guru-guru yang hebat dan mampu memberi sumbangan yang bermakna kepada masyarakat.

Salah seorang peserta program tersebut, Saudari Nurhanani Kamaruzzaman, yang sedang berkhimat di Sekolah Rendah Islam Darul Iman (SRIDI) Ajil turut melahirkan rasa bertuah kerana telah terpilih menyertai program tersebut yang dirasakan sangat mencabar kekuatan mental dan fizikal memandangkan jadual aktiviti yang begitu padat serta terpaksa dijalankan dalam keadaan hujan lebat memandangkan musim tengkujuh yang sedang melanda Terengganu. Manakala, Guru Penolong Kanan Hal Ehwal Murid SRIDI Pengkalan Berangan, Encik Zulkifli Taib, 52 tahun, yang merupakan peserta tertua dalam program ini berharap agar semua peserta dapat melakukan muhasabah diri setelah melalui semua aktiviti yang telah dilaksanakan.




Latihan Memperkasa Motivasi Pengurusan dan Kepimpinan Mahasiswa

Pejabat Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) melalui Unit Latihan dan Kepimpinan Pelajar menganjurkan Latihan Memperkasa Motivasi Pengurusan dan Kepimpinan Mahasiswa kepada Majlis Perwakilan Pelajar dan Majlis Kolej Kediaman Sesi 2019/2020 pada 18-19 Disember 2020 di Dewan Perdana, UniSZA. Sesi latihan ini telah disertai oleh kira-kira 20 orang peserta.

Objektif utama pelaksanaan latihan ini adalah bagi membina dan mengekalkan motivasi diri yang tinggi sebagai pemimpin pelajar dan mampu memberi impak positif dalam kepimpinan organisasi, diri dan UniSZA amnya. Input dan modul latihan ini disampaikan secara pembelajaran pengalaman yang membolehkan para peserta berbincang dan memberi respon terhadap isu dan cabaran sebagai pemimpin pelajar.

Pelaksanaan latihan ini merangkumi perbincangan dua hala, sumbang saran secara berpasukan, sesi pembentangan, kajian kes serta analisis SWOT dan pelan bertindak. Para peserta berbincang secara terbuka tentang segala isu yang dihadapi sepanjang menjadi pemimpin pelajar bagi membentuk seorang pemimpin pelajar yang seimbang dan cemerlang selaras dengan tonggak adab, patriotik, dan manusiawi. Sesi latihan ini dikendalikan oleh Konsultan Profesional dari DTE Consult Sdn. Bhd., Datuk Dr. Tengku Naufal Tengku Mansor.

Secara keseluruhannya, peserta amat berpuas hati dengan sesi latihan tersebut kerana pelbagai aktiviti menarik diadakan di samping cara penyampaian oleh konsultan sangat menarik, kreatif dan berkesan.



Pelajar FF Turun Padang Menyampaikan Ceramah Komuniti Bersama Pelajar SMK Manir

Pada 17 November 2020, Fakulti Farmasi (FF) dengan kerjasama SMK Manir telah mengadakan program Ceramah Komuniti bertajuk Penggunaan Rawatan Tradisional dan Komplimentari dalam Penjagaan Berat Badan secara dalam talian menggunakan aplikasi *Google Meet*. Program dilaksanakan secara dalam talian ekoran krisis pandemik COVID-19 yang melanda negara pada masa ini. Matlamat utama program ini dilaksanakan adalah untuk meningkatkan pengetahuan mengenai obesiti dan sebagai refleksi kepada para peserta mengenai kepentingan mengamalkan gaya hidup sihat untuk menghindari obesiti. Selain itu, program ini juga bertujuan berkongsi tentang kaedah alternatif seperti hipnoterapi untuk mengawal obesiti.

Sesi ceramah ini disampaikan oleh pelajar siswazah FF, Cik Nurul Afieda Roslim yang melibatkan seramai 101 orang peserta, terdiri daripada pelajar dan guru SMK Manir serta warga Fakulti Farmasi. Sesi penyerahan cenderamata dilaksanakan secara ringkas (mengikut SOP yang ditetapkan) yang disampaikan oleh Dekan FF, Prof. Dr. Lua Pei Lin dan Timbalan Dekan HEPA FF, Dr. Syaliza Omar kepada Pengetua SMK Manir.

Penganjuran program ini telah mendapat sambutan dan maklum balas yang sangat memberangsangkan daripada pihak SMK Manir dan diharapkan semoga program seumpama ini dapat dilaksanakan pada masa akan datang.




Program Hubbul Quran Bagi Pelajar Program Asasi Sains dan Perubatan Sesi 2020/2021

Pusat Asasi Sains dan Perubatan UniSZA (PUSPA) dengan kerjasama Fakulti Pengajian Kontemporari Islam (FKI) telah mengadakan program Hubbul Quran kepada pelajar PUSPA Sesi Akademik 2020/2021 pada 15 Oktober 2020 - 6 Mei 2021 setiap hari Khamis bertempat di Dewan Ibnu Khaldun, Kolej Kediaman UniSZA.

Program yang disertai oleh 40 orang pelajar PUSPA ini menghafaz tujuh surah pilihan iaitu surah as-Sajdah, Yasin, ad-Dukhan, ar-Rahman, al-Waqiah, al-Mulk serta al-Insan. Peserta program ini mendapat bimbingan daripada dua orang guru tasmi' yang bertauliah iaitu pensyarah FKI, Dr. Mohd A'ttarahim Mohd Razali dan Dr. Aman Daima Md. Zain. Seramai tiga orang ketua dilantik dalam kalangan pelajar PUSPA, iaitu mereka yang telah menghafaz 30 juzuk al-Quran semasa di peringkat sekolah menengah.

Tujuan program ini diadakan adalah sejajar dengan hasrat PUSPA yang menginginkan pelajarnya menjadi insan yang seimbang dari segi akhirat dan duniawi supaya para pelajar dapat menjana kecemerlangan, lebih berkualiti di samping dapat meneguhkan konsep amal dalam diri masing-masing. Selain itu, program ini dapat memantapkan lagi bacaan al-Quran serta melahirkan pelajar yang dapat menjadikan al-Quran sebagai pendamping hidup serta merupakan satu platform bagi mewujudkan bi'ah hasanah (suasana yang baik) dalam kalangan pelajar.

Pada penghujung program yang berlangsung selama 30 minggu ini, para peserta akan dinilai. Pelajar yang lulus serta berjaya menghabiskan hafazan akan ditauliahkan oleh FKI. Sambutan yang diterima daripada pelajar amat menggalakkan. Justeru, PUSPA akan terus menganjurkan program Hubbul Quran ini kepada pelajar-pelajar sesi akademik yang datang.



Unit Kaunseling Giat anjur Program Pembangunan Diri kepada Mahasiswa, Staf dan Masyarakat dalam Talian Semasa Pandemik COVID-19

Unit Kaunseling dengan kerjasama Pejabat Pengarah Kampus Besut, telah mengadakan program Kesejahteraan Emosi, Tanggungjawab Bersama pada 22 Oktober 2020 melalui platform atas talian melibatkan 117 orang peserta.

Program ini diadakan bertujuan mempromosi dan memberi pendedahan tentang peranan Unit Kaunseling dalam mendidik mahasiswa agar celik akal dalam menguruskan masalah serta mengurus emosi dengan baik agar dapat merealisasikan aspirasi mahasiswa yang berdaya saing dan holistik. Penceramah iaitu Pakar Perubatan Psikiatri dari Kompleks Psikiatri, HSNZ iaitu Dr. Husni Zaim Ab Latiff. Beliau mengupas tajuk Emosi Sihat, Fizikal Cergas tentang tip-tips mengendalikan emosi yang berkesan agar mahasiswa menjadi individu yang seimbang dari segi fizikal dan mental.

Selain itu, Unit Kaunseling dengan Kerjasama Kor Sukarelawan Polis Siswa/Siswi (Kor-SUKSIS) telah mengadakan Program Urus Stres Belajar Semasa Pandemik COVID-19 pada 10 Disember 2020. Program ini telah dilaksanakan secara dalam talian menggunakan platform Webex. Seramai 250 peserta yang telah mengikuti program tersebut.

Pengisian program tersebut merangkumi tiga slot iaitu yang pertama ialah Teknik Belajar Berkesan Norma Baharu yang disampaikan oleh Pengarah Pusat Pengurusan Kecemerlangan dan Inovasi Akademik, Prof. Dr Harny Mohamed Yusoff. Beliau berkongsi teknik bagi meningkatkan motivasi untuk menjadi pelajar cemerlang di samping menguasai teknik minda separa sadar agar lebih fokus dalam pembelajaran. Slot kedua bertajuk Musibah COVID-19: Aku Teguh atau Rebah disampaikan oleh Prof. Madya Dr. Mohd Shafiee Hamzah yang merupakan Pengarah Kolej Kediaman dan Kesihatan Pelajar. Beliau banyak menyentuh berkaitan keseimbangan rohani dan fizikal agar mahasiswa dapat memupuk kesedaran dan merasa syukur atas segala ujian melanda. Slot terakhir disampaikan oleh Ketua Pegawai Psikologi di Unit Kaunseling, Puan Rosni Mohammad. Beliau berkongsi teknik dan petua mengendalikan emosi dan mengurus kesihatan mental semasa Pandemik COVID-19. Beliau juga banyak berkongsi pelbagai tip seperti gaya bernafas yang sihat dan gaya berfikir *Cognitive Behavior Therapy*.

Seterusnya Unit Kaunseling dan Pejabat Pengarah Kampus Besut, bekerjasama dengan Persatuan Mahasiswa Usuluddin UniSZA (PMUS) dan Kelab Kaunseling, Universiti Malaysia Terengganu (PEKA) menganjurkan Webinar Sayangi Kesihatan Mental, Cegah Bunuh Diri pada 25 November 2020. Seramai 797 peserta terdiri daripada warga UniSZA, UMT dan orang awam seluruh Malaysia telah menyertai webinar ini.

Objektif keseluruhan webinar ini adalah untuk meningkatkan kesedaran mengenai isu kesihatan mental dan mendorong kepada usaha mendapatkan rawatan awal sebelum menjadi lebih parah, merangkumi pendekatan secara klinikal, psikologi dan spiritual.

Sesi Webinar ini dilaksanakan dengan dua pengisian utama. Slot pertama memberi pendedahan tentang mengenali penyakit mental dan kaedah rawatan secara klinikal dan psikologi yang disampaikan oleh Pakar Perunding Psikiatri HSNZ, Dr. Tuan Sharifah Tuan Hadi. Slot kedua pula memberi pendedahan berkaitan pencegahan bunuh diri melalui pendekatan spiritual disampaikan oleh Pensyarah UniSZA, Prof. Madya Dr. Syed Hadzrullathfi Syed Omar. Menurut beliau, dalam usaha membantu pesakit pendekatan Islam adalah alternatif yang boleh dijadikan paradigma dengan al-Quran dan al-Sunnah dijadikan asas pengaplikasiannya. Menurut Pakar Perunding Psikiatri Hospital Sultanah Nurzahirah (HSNZ), gangguan kesihatan mental mempunyai pelbagai jenis dan kategori, antaranya, seperti gangguan panik/keimbangan (*anxiety disorder*), gangguan obsesif kompulsif (OCD), kemurungan, bipolar, gangguan tekanan pos-traumatik (PTSD), skizofrenia dan sebagainya.

Webinar ini telah berlangsung selama tiga jam bermula 9.30 pagi sehingga 12.30 tengah hari. Ia adalah suatu kejayaan kerana mampu menghubungkan ramai peserta dari seluruh Malaysia bagi mendidik masyarakat agar sayang dan cakna terhadap kesihatan mental.

Rata-rata, program ini mendapat maklum balas positif dan peserta berharap agar program ini diteruskan lagi pada masa akan datang.

Sambutan Hari Bahasa Arab Sedunia (SHABAS 5.0)



Sambutan Hari Bahasa Arab Sedunia telah berjaya diadakan oleh Fakulti Bahasa dan Komunikasi (FBK) bertarikh 18 Disember 2020 yang lalu. Sambutan ini diadakan secara dalam talian melalui platform *Live Streamyard*, *Facebook*. Bukan suatu perkara yang mudah untuk mengadakan program secara dalam talian, namun keadaan sekarang yang tidak mengizinkan untuk bersemuka, telah memberikan satu pengalaman yang luar biasa buat pihak penganjur dalam menjayakan program ini. Program ini telah melibatkan semua pelajar UniSZA serta terbuka kepada komuniti luar yang tertarik untuk turut bersama.

Program ini merupakan program tahunan Unit Bahasa Arab, Persatuan Mahasiswa FBK. Tujuan program ini diadakan adalah untuk mempromosikan Sambutan Hari Bahasa Arab Sedunia yang jatuh pada tanggal 18 Disember setiap tahun. Program ini mendapat sambutan ramai pihak, terutama dalam kalangan pencinta bahasa Arab.

Selain itu, program ini dapat mengasah bakat dan kemahiran berbahasa Arab melalui aktiviti dan pertandingan yang dijalankan. Antaranya ialah pertandingan mencipta poster, melukis komik, membaca berita, dan pidato Arab. Bukan itu sahaja, turut diadakan satu forum bersama panel antarabangsa yang terdiri daripada pensyarah dari Brunei dan Thailand. Peserta yang menyertai semua pertandingan yang dianjurkan adalah seramai 69 orang. Semua karya yang dihantar sangat kreatif sehinggakan para juri sukar untuk membuat pilihan yang terbaik dalam kalangan yang terbaik. Pertandingan pidato Arab pula telah disiarkan secara langsung menerusi aplikasi Google Meet pada awal pagi 18 Disember 2020.

Selain para pelajar UniSZA, program ini turut mendapat sambutan daripada pelajar Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Universiti Islam Antarabangsa (UIAM) dan Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI). Komuniti luar turut memeriahkan lagi program ini sehinggakan tontonan di *Live Streamyard*, *Facebook* telah mencecah tiga ribu.

Program sebegini dapat menyuntik semangat dan keterujaan dalam kalangan pelajar untuk menjadikan bahasa Arab sebagai bahasa yang wajib dipelajari. Hal ini kerana kebanyakan penonton sangat teruja dengan perkongsian yang telah disampaikan oleh tetamu jemputan antarabangsa. Begitu juga dengan komuniti luar, mereka bertambah yakin bahawa bahasa Arab ialah bahasa yang penting dan perlu dipelajari oleh semua peringkat umur. Oleh itu, pihak penganjur telah mendapat permintaan daripada ramai pihak supaya menganjurkan lebih banyak program yang boleh memartabatkan bahasa Arab.

TAHNIAH
kepada semua pemenang

PERKADANGAN BACA BERITA

- 1) NUR SYAZHAN BEE BINTI ABUS ENAN (GRADUAN USIM)
- 2) NOR SYIRAH BINTI MOHD KHOSR (UNSHAM)
- 1) NOK SYAFIRA BINTI AB AZIZ (UNISZA)

Sepuh!

- 1) NURUL NA'IMAH BINTI OK MOHAMAD PRUZ (UNISZA)
- 2) MOHAMMAD HAFITH BIN RAZI (USIM)

PERKADANGAN MELUKIS KOMIK

- 1) NUR NUSARAH BINTI MOHD BAFOI (UNISZA)
- 2) SAFFERA AZZAHRA BINTI ZOOHLUMY (UNISZA)
- 3) SITI SOFIYAH BINTI BEISHAM (MMP KOTA BHARU)

Sepuh!

- 1) HAFFIZ BINTI HARUN (USIM)
- 2) WAN NUR UZZATI HAZWAN BINTI KASHI (UNISZA)

PERKADANGAN MENCIPTA POSTER

- 1) NUR AINA SYAHIRAH BINTI AZIZ (UNISZA)
- 2) NURIN DISTINA BINTI MOHD GHAZALI (USIM)
- 3) HUSNA AQILAH BINTI KAMARUSZAMMAN (UNISZA)

Sepuh!

- 1) NURUL MUSLIMAH BINTI MUSTAFFA (UNISZA)
- 2) MOHAMMAD HILMI BIN HAMAT (USIM)

PERKADANGAN PIDATO ARAB

- 1) MOHAMMAD NAZEM BIN ROSZAM (USIM)
- 2) NURUL IMAN BINTI HALIM (SM AGAMA HIDAYAH (LAMPAH)
- 3) AYESAH HANAN BINTI MEDU RAHMAN (USIM)

Sepuh!

- 1) MUHAMMAD ARIYAD BIN AWANG @ NARMAZ (USIM)
- 2) SHARRIFA HANNA BINTI DEO MOHD AL-AMIN (MTC)

ubafalcom

Seminar Tasawuf

Dalam Masyarakat Kontemporari 2020

Tasawuf adalah satu disiplin ilmu asas dalam Islam. Ia termasuk dalam perbahasan usuluddin yang mencakupi pelbagai aspek lain seperti akidah, ilmu kalam, pemikiran, falsafah dan perbandingan agama. Semua aspek ini bersumberkan dalil yang sahih dari al-Quran dan al-Sunnah yang dapat menjamin keselamatan dan keharmonian kehidupan manusia di dunia dan akhirat. Berpandukan asas tasawuf yang betul, hubungan manusia dengan Allah s.w.t. dan sesama makhluk tidak tergugat dengan isu dan cabaran globalisasi yang mencabar keimanan masyarakat Islam pada hari ini.

Pada era globalisasi ini, penyelewengan banyak berlaku dalam isu tasawuf dan penolakan terhadap ilmu tasawuf itu sendiri. Sedangkan semua permasalahan ini boleh diselesaikan sekiranya masyarakat Islam kembali kepada teras ilmu tasawuf yang bersumberkan al-Quran, al-Sunnah dan berlandaskan syariat. Sehubungan dengan itu, demi memartabatkan ilmu tasawuf dalam kehidupan masyarakat pada era globalisasi, Pusat Pengajian Usuluddin, Fakulti Pengajian Kontemporari Islam (FKI) dengan kerjasama Jabatan Mufti Kerajaan Negeri, Negeri Sembilan (JMKNS) telah menganjurkan Seminar Tasawuf dalam Masyarakat Kontemporari 2020 (STAF 2020) pada 14 November 2020. Seminar ini diadakan secara dalam talian menerusi aplikasi Cisco Webex

dan mendapat sambutan yang sangat menggalakkan dengan 277 penyertaan dari dalam dan luar UniSZA.

Penganjuran STAF 2020 yang bertemakan Memartabatkan Tasawuf Secara Komprehensif dalam Masyarakat Global telah dipengerusikan oleh Dr. Muhammad Rashidi Wahab dan menampilkan empat ahli panel utama yang terdiri daripada Mufti Kerajaan Negeri, Negeri Sembilan iaitu Sahibus Samahah Dato' Haji Mohd Yusof Haji Ahmad; Mufti Negeri Pahang, Sahibus Samahah Dato' Sri Dr. Haji Abdul Rahman Haji Osman; Ahli Panel JAKIM, Tuan Guru Dr. Hj. Jahid Hj. Sidek al-Khalidi; dan wakil daripada Pusat Pengajian Usuluddin, Dr. Engku Ibrahim Engku Wok Zin untuk membentangkan kertas kerja masing-masing.

Objektif penganjuran seminar ini adalah untuk membincangkan isu-isu kontemporari yang berkait dengan permasalahan tasawuf di Malaysia khususnya dan dunia Islam amnya. Ia secara tidak langsung menjadi platform pertambahan lebih banyak idea, maklumat dan pandangan bagi mencari jalan penyelesaian kepada isu tersebut. Seterusnya, ia dapat menerapkan kesedaran tentang tasawuf yang berpandukan pegangan Ahli Sunnah Wal Jama'ah yang sebenar kepada masyarakat Islam. Pada masa yang sama, seminar ini dapat memberi pendedahan tentang

penyelewengan tasawuf yang bertopengkan tarekat-tarekat yang sesat.

Sepanjang program ini berlangsung, para peserta amat teruja dan tekun mendengar perkongsian daripada barisan panel jemputan. Banyak pertanyaan yang telah diajukan kepada barisan panelis berkaitan kertas kerja yang dibentangkan. Para peserta juga tidak berganjak dari talian mendengar perkongsian yang dibentangkan oleh para panelis. Maklum balas yang diterima daripada peserta amat menggalakkan dan positif.

Penganjuran seminar seperti ini merupakan satu medium yang amat baik bagi para peserta untuk lebih mendalami ilmu tasawuf dan sekali gus dapat memberi input yang berguna dalam menggariskan sebanyak mungkin penyelesaian terhadap isu-isu tasawuf berlandaskan pegangan Ahl Sunnah wa al-Jama'ah sebagai asas kepada kehidupan beragama dalam masyarakat Malaysia khususnya dan antarabangsa amnya. Memandangkan penyertaan yang menggalakkan daripada para peserta dan banyak input yang diperoleh daripada pembentangan para panelis, maka program ini akan dijadikan sebagai program dwi tahunan Pusat Pengajian Usuluddin, Fakulti Pengajian Kontemporari Islam (FKI) demi memartabatkan ilmu tasawuf dalam kehidupan masyarakat.

Sejenak Bersama **Timbalan Naib Canselor** (Penyelidikan dan Inovasi) **Prof. Dr. Fadzli Adam**



Pertama sekali, terima kasih diucapkan kepada YBhg. Prof. kerana sudi meluangkan masa untuk ditemu bual. Sebagai pembuka bicara, boleh YBhg. Prof. berkongsi serba sedikit tentang latar belakang YBhg. Prof.?

Assalamualaikum w.b.t.. Saya asalnya dari Terengganu. Dari segi pendidikan, saya mendapat ijazah pertama di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) dalam bidang *Islamic Revealed Knowledge and Heritage*, dalam Fiqh and Usul al-Fiqh. Kemudian saya melanjutkan pengajian ke peringkat sarjana dan PhD di Universiti of Leeds, United Kingdom (UK). Dari segi perkhidmatan, saya pernah berkhidmat di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) sebagai tutor. Pada tahun 1997, saya mula berkhidmat dengan Universiti Putra Malaysia (UPM) dan terus ditawarkan biasiswa untuk melanjutkan pengajian di peringkat PhD tahun 1997. Apabila saya kembali daripada pengajian di peringkat PhD pada tahun 2001, saya terus berkhidmat di UPM Cawangan Terengganu, yang dikenali sebagai Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia (KUSTEM). Pada waktu tu, semua kakitangan diberi pilihan untuk memilih sama ada ingin berkhidmat di UPM Cawangan Terengganu ataupun kekal di UPM Cawangan Serdang. Jadi, saya membuat keputusan untuk meneruskan perkhidmatan di KUSTEM pada masa itu yang sekarang ini dikenali sebagai Universiti Malaysia Terengganu (UMT).

Dari segi kerjaya pula, bolehkah YBhg. Prof. kongsi pencapaian dan pengalaman sebagai ahli akademik sehingga melayakkan YBhg. Prof. dilantik sebagai Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)?

Saya rasa ramai lagi yang layak. Cuma, mungkin saya ada sedikit pencapaian dan pengalaman dalam pentadbiran akademik. Saya pernah dilantik sebagai Timbalan Dekan (Penyelidikan dan Siswazah) dalam tempoh tiga tahun. Kemudian, saya dilantik pula sebagai Timbalan Pengarah di Pusat Pengurusan Penyelidikan (RMIC) UMT. Pengalaman semasa menjadi Timbalan Dekan dan Timbalan Pengarah RMIC merupakan satu pengalaman yang begitu berharga bagi saya. Hal ini kerana pada masa itu, kita menguruskan penyelidikan untuk fakulti dan penyelidikan untuk universiti. Situasi tersebut memberikan saya satu ilmu baharu terutama berkait dengan ilmu penyelidikan. Pengalaman pentadbiran berkait penyelidikan memang penting sebagai asas untuk saya berkembang dengan lebih jauh lagi. Saya bukan sahaja belajar mengurus, tetapi belajar bagaimana cara untuk meningkatkan lagi keupayaan diri sebagai seorang ahli akademik terutamanya dalam penyelidikan. Dari situlah bermulanya penglibatan secara lebih agresif dalam penyelidikan melalui projek-projek yang saya sendiri mohon secara personal dengan pemberi dana, kementerian dan agensi-agensi luar.

Kemudian, pada tahun 2014, saya mula berkhidmat di UniSZA dan terus dilantik sebagai Pengarah Institut Penyelidikan Produk dan Ketamadunan Melayu Islam (INSPIRE). Fokus INSPIRE pun lebih kepada penyelidikan. Jadi, penglibatan saya dalam penyelidikan berterusan dari tahun 2004 sebagai Timbalan Dekan Penyelidikan dan Siswazah, 2007 sebagai Timbalan Pengarah Pusat Penyelidikan dan kemudiannya 2014 dilantik sebagai pengarah untuk sebuah pusat penyelidikan. Jadi, kesinambungan kerjaya akademik saya berterusan dalam bidang penyelidikan. Contohnya, dulu kita berjaya dapatkan geran daripada kementerian, geran daripada kerajaan negeri dan geran daripada ECR sewaktu saya berada di UMT. Di sini

pun sama. Kita mendapat geran daripada kerajaan negeri, daripada agensi dan daripada industri. Akhirnya, pengalaman mengendalikan geran-geran penyelidikan dan mengurus penyelidikan ini membantu saya sehingga ke tahap ini untuk menjawat jawatan sebagai Timbalan Naib Canselor (TNCPI) Penyelidikan dan Inovasi.

Penyelidikan dan pembangunan merupakan agenda penting bagi setiap universiti di seluruh dunia. Pada pandangan YBhg. Prof., apakah cara yang boleh dilakukan untuk memperkasa penyelidikan dan inovasi dalam kalangan ahli akademik?

Pandemik COVID-19 yang melanda di seluruh dunia telah menyebabkan semua aktiviti penyelidikan pada tahun 2020 menjadi agak perlahan. Aktiviti kerja di lapangan dan makmal untuk eksperimen juga ada sedikit sekatan. Malahan, nak masuk ke kampus pun tak boleh. Walau bagaimanapun, kita masih menggalakkan proses pencarian dana diteruskan kerana permohonan dana kebanyakannya dibuat secara dalam talian dan dihantar melalui emel. Pencarian dana antarabangsa juga digalakkan. Untuk dana antarabangsa, tiada sebarang isu yang timbul. Hal ini kerana, semua permohonan adalah secara dalam talian dan tidak memerlukan kita untuk ke sana bagi menghantar borang dan sebagainya. Pencarian dana sehingga ke peringkat antarabangsa menjadi satu keutamaan kepada UniSZA kerana proses pembudayaan penyelidikan telah berlaku seawal tahun 2010 lagi. Walaupun UniSZA ditubuhkan pada tahun 2006, namun kapasiti tenaga akademik kita agak terbatas sehingga tahun 2009 kerana ramai antara staf kita dihantar untuk menyambung pengajian. Jadi, pada tahun 2010, ahli akademik yang menyambung pengajian di peringkat PhD mula kembali ke UniSZA. Pada peringkat awal iaitu dalam tiga empat tahun, proses memberi pengetahuan dan membiasakan dengan penyelidikan telah berlaku iaitu pada tahun 2010 hingga 2014. Pada tahun 2015, saya perhatikan ahli-ahli akademik UniSZA sudah mula membiasakan diri. Budaya itu telah berada dalam diri ahli akademik atau penyelidik di UniSZA bermula pada tahun 2015. Pada detik itulah institut penyelidikan mula ditubuhkan di UniSZA dengan kepakaran penyelidik yang berada di fakulti. Fokus kita bermula dari beberapa tahun dahulu dan kita akan pergiatkan pada tahun ini. Kita akan fokuskan dana penyelidikan dengan kerjasama daripada pihak industri dan kerjasama antarabangsa tanpa meninggalkan dana-dana daripada kementerian dan agensi-agensi di dalam negara. Ini adalah proses transformasi yang akan kita laksanakan.



Proses mewujudkan budaya penyelidikan yang kondusif adalah sesuatu yang amat mencabar apatah lagi dalam suasana dunia diuji dengan penularan COVID-19. Apakah pendekatan terbaharu dan dinamik yang dirancang oleh pihak YBhg. Prof. bagi memastikan keutuhan penyelidikan dan inovasi ini terus mekar di UniSZA.

Saya sudah berbincang dengan Pusat Pengurusan Kecemerlangan dan Inkubator Penyelidikan (CREIM) untuk membantu pencarian maklumat tentang dana-dana yang boleh kita mohon sehingga ke peringkat antarabangsa. Segala maklumat yang diperoleh akan kita uar-uarkan. Kita sampaikan dan salurkan kepada pihak fakulti dan institut untuk dipohon oleh para penyelidik. Kita juga mendapat beberapa maklumat mengenai dana yang ada berkaitan dengan MOSTI, yang menyelaraskan beberapa dana antarabangsa dan kita juga tidak melepaskan peluang keemasan ini. Kita juga telah membuat penghantaran permohonan. Dana-dana yang sedia ada juga kita teruskan. Contohnya Sumitomo Foundation, Toyota Foundation, UNESCO dan macam-macam lagi. Semua ini mempunyai dana tersendiri yang kita perlu fokuskan bermula pada tahun ini. Walaupun sudah berlaku sebelum ini, tetapi kita akan pergiatkan lagi.

Pada masa yang sama juga, untuk mempergiatkan lagi penyelidikan antarabangsa dan sebagai latihan dalaman, kita berikan dana dalaman untuk membantu kerjasama antarabangsa. Kita sediakan geran yang dipanggil sebagai Special Research Grant Scheme International Collaboration (SRGSIC). Kemudian, kita laksanakan juga *matching grant*. *Matching grant* ini melibatkan beberapa universiti. Kita galakkan kerjasama UniSZA dengan tiga universiti luar; iaitu melibatkan universiti dari luar negara dan pihak industri. Ini antara beberapa usaha yang kita laksanakan untuk pembudayaan aktiviti penyelidikan



di UniSZA dengan harapan penyelidik yang ada di UniSZA bukan sahaja diiktiraf di peringkat lokal, malahan sehingga ke peringkat antarabangsa. Antara platform lain yang akan dilibatkan adalah dengan menggalakkan ahli penyelidik UniSZA berdaftar dengan *research association* yang ada di peringkat antarabangsa contohnya, ARMA, Publons, ORCID dan Researchgate. Platform-platform ini membolehkan kita sebagai ahli penyelidik di UniSZA boleh diakses sehingga ke peringkat dunia. Dengan mendaftar ke dalam platform secara dalam talian ini, kita boleh tunjukkan keupayaan UniSZA dan keupayaan kepakaran penyelidik-penyelidik kita.

Bukan itu sahaja, saya juga ingin tekankan bahawa kita juga akan meneropong dan perhalusi produk-produk sedia ada dan dapatkan prototaip dengan kerjasama pihak industri untuk dikomersialkan. Produk-produk yang dihasilkan melalui projek penyelidikan inilah yang akan diteliti untuk usaha sama dengan industri bagi membawa UniSZA ke persada dunia. Jadi, inilah antara perancangan yang bakal kita perhalusi untuk membudayakan lagi aktiviti penyelidikan di UniSZA.

Bagi meningkatkan kolaborasi penyelidikan antara universiti dengan industri, apakah pelan tindakan yang dilaksanakan oleh pihak YBhg. Prof. sehingga pakar-pakar UniSZA diiktiraf di peringkat lokal dan global?

Di UniSZA, kita ada satu sahaja pelan strategik berkait dengan penyelidikan iaitu “*world class research*”. Kita mahu menjadi universiti yang mempunyai kapasiti penyelidikan bertaraf dunia. Jadi, untuk mencapainya, kita ada tiga operasional objektif. Yang pertama untuk menjadi *internationally referred researcher*. Jadi, apa yang perlu kita lakukan? Pertamanya, kita laksanakan *research talent grooming* terutamanya kepada penyelidik yang baharu. Ini bermakna, staf akademik yang baru saja menamatkan PhD, dan telah kembali bertugas di UniSZA akan diberi pendedahan dan latihan penyelidikan. Kita buat dalam konteks *mentoring* iaitu ada penyelidik yang senior, yang berpangkat Profesor Madya dan juga Profesor, yang akan memberi latihan dan membuat *mentoring* kepada penyelidik muda ini. Proses *mentoring* yang berlaku ini membolehkan penyelidik-penyelidik kita, khususnya penyelidik-penyelidik muda terlibat dalam aktiviti penyelidikan sehingga ke peringkat antarabangsa. Dalam masa yang sama, penyelidik yang sedia ada, yang dalam kategori yang agak senior seperti Pensyarah Kanan, Profesor Madya mahupun Profesor pula terlibat dalam penerbitan secara usaha sama dengan universiti dan penyelidik dari luar negara dan industri. Ini merupakan KPI yang perlu dicapai oleh mereka. Pada masa yang sama, projek penyelidikan diletakkan sebagai KPI setiap ahli akademik untuk dicapai oleh mereka berasaskan kepada gred jawatan. Kedua, kita juga ingin mengembangkan penyelidikan di UniSZA kepada *industrial collaborative research*. Kalau suatu ketika dahulu, pada peringkat awal kita banyak memfokuskan kepada pihak kerajaan pusat, geran-geran kementerian dan kerajaan negeri, tetapi untuk tahun ini kita akan bergerak dengan lebih agresif untuk kita buat kerjasama dengan pihak industri. Ini bermakna, pihak industri yang akan memberikan kita dana untuk penyelidikan. Kita akan cuba untuk mendapatkannya nanti. Sehingga kini, terdapat beberapa projek penyelidikan yang telah diperolehi. Contohnya projek yang telah dilaksanakan oleh pihak ESERI dengan NAHRIM. Projek usaha sama dengan industri ini tidak semestinya dengan pihak kerajaan sahaja. Mungkin juga daripada GLC. Begitu juga dengan INSPIRE. INSPIRE juga ada melaksanakan beberapa projek penyelidikan dengan beberapa agensi kerajaan di peringkat persekutuan dan peringkat negeri. Contohnya projek pendigitalan manuskrip. Usaha sama telah dilakukan dengan Perpustakaan Negara, Arkib Negara dan juga Muzium Negeri Terengganu di samping kerjasama antarabangsa iaitu dengan Durham University, UK. Jadi, penglibatan sehingga ke peringkat antarabangsa ini akan meningkatkan *ranking* universiti di peringkat Asia. Walau bagaimanapun, pada masa yang sama kita tidak lupa bahawa kita juga mesti menekankan kerjasama penyelidikan yang memberi manfaat kepada kerajaan negeri dan kerajaan persekutuan. Banyak kerjasama dengan kerajaan negeri yang boleh kita laksanakan. Terdapat beberapa perkara yang perlu kita laksanakan, yang mungkin tidak diberi pendedahan serius selama ini sebagai pengkhususan untuk dilaksanakan penyelidikan. Contohnya, pihak universiti sedang merancang untuk menubuhkan sebuah pusat penyelidikan untuk penyakit berjangkit rentetan pandemik COVID-19 yang melanda seluruh dunia. Kita juga dalam proses untuk menubuhkan sebuah pusat kajian berkaitan gerontologi yang bukan hanya dalam konteks sosial semata-mata. Tetapi, turut menggabungkan elemen sains kesihatan dan sains sosial.

Terdapat beberapa projek penyelidikan lagi yang dikenali sebagai *flagship research program* kepada universiti. Projek penyelidikan ini menjadi tumpuan universiti iaitu kajian herba dan ketum yang merupakan satu alternatif rawatan yang boleh dibuat secara dalam makmal yang akhirnya memberi satu produk baharu yang bertindak sebagai alternatif rawatan

melalui FBIM dan beberapa Pusat Tanggungjawab (PTj). Proses kerjasama yang kedua ialah UniSZA dengan kerajaan negeri iaitu projek pelancongan Islam dan pendigitalan Negeri Terengganu yang sedang diusahakan melalui kerjasama. Projek ini juga akan melibatkan beberapa PTj di UniSZA; iaitu melibatkan Fakulti Pengurusan dan Perniagaan (FPP), Fakulti Sains Sosial Gunaan (FSSG), Fakulti Pengajian Islam (FKI), Fakulti Reka Bentuk Inovatif dan Teknologi (FRIT) dan INSPIRE. Ketiga adalah melalui pusat pengurusan makmal berpusat. UniSZA cuba tingkatkan keupayaan makmal-makmal penyelidikan yang sedia ada. Kita mempunyai makmal halal (*halal lab*). Tetapi, sayangnya, kita masih belum kembangkan. Disebabkan itu, UniSZA sedang mengusahakan untuk mendapatkan akreditasi bagi makmal halal dan dalam proses untuk mendapatkan kebenaran daripada pihak JAKIM untuk menjadikan UniSZA sebagai satu daripada sumber atau pusat untuk uji kaji berkaitan dengan produk halal seperti makanan halal. Jika kita perasan, pada masa sekarang, semuanya pihak JAKIM yang kawal. Justeru, kita berhasrat untuk menjadi rakan kerjasama JAKIM untuk kawasan pantai timur. Ini merupakan salah satu alternatif yang masih di peringkat perbincangan dengan pihak JAKIM. Ketiga-tiga projek besar ini sedang dalam perancangan untuk diusahakan dengan mengambil kira semua kekuatan yang dimiliki oleh UniSZA. Selain itu, ada beberapa projek lain lagi yang akan diberi perhatian oleh UniSZA seperti kursus pra perkahwinan secara dalam talian dan projek bank susu.

Keempat ialah output. Output yang dimaksudkan ialah output yang berimpak tinggi. Jadi, bagaimana kita ingin menentukan output berimpak tinggi seperti yang kita ingini? Hal ini, kita akan fokuskan kepada artikel-artikel yang diterbitkan oleh penyelidik iaitu meningkatkannya kepada jurnal yang bertaraf Scopus dan ISI yang berada pada tahap Q1 hingga Q4. Kita juga akan menggalakkan ahli akademik untuk menerbitkan artikel dalam jurnal yang tidak berbayar. Tetapi terdapat juga jurnal-jurnal yang berada pada tahap yang tinggi seperti Q1 yang mempunyai yuran penerbitan. Namun begitu, kita masih mengambil kira artikel berkenaan selagi berada pada kualiti yang terbaik. Proses berkenaan mungkin mengambil masa selama setahun atau dua tahun. Kita faham dan terima keadaan ini. Tetapi, pada tahun kedua dan tahun ketiga insya Allah keadaan akan menjadi normal. Saya beranggapan, pada peringkat awal pelaksanaannya, memang akan sedikit terkesan. Walau bagaimanapun, kita perlu lakukan satu transformasi terhadap artikel dan output penyelidikan supaya kualitinya dapat ditingkatkan dalam bentuk penerbitan. Bukan itu sahaja, kita juga sedang tingkatkan kesan penyelidikan ke atas komuniti hasil daripada kajian yang dijalankan. Contohnya, produk penyelidikan mestilah boleh memberi kesan kepada komuniti hasil daripada geran yang dilaksanakan yang memberi manfaat kepada pengguna akhir iaitu komuniti. Saya yakin dengan kapasiti penyelidik yang terdiri daripada ahli akademik yang sudah mencecah lebih kurang hampir 50 peratus keupayaan dalam penyelidikan akan membuah hasil. Saya sasarkan kapasiti ahli akademik yang terlibat dalam penyelidikan mencecah sehingga 60 peratus. Ini antara strategi yang akan dilaksanakan bagi meningkatkan output penyelidikan yang lebih berkualiti di UniSZA.

Dalam usaha memperkasa penyelidikan dalam kalangan ahli akademik UniSZA, apakah cabaran utama yang dihadapi oleh YBhg. Prof. agar hasil penyelidikan yang dijalankan itu berupaya menjana hasil untuk universiti dan memberi impak positif kepada komuniti?

UniSZA Holdings ditubuhkan bertujuan membantu proses penjanaan pendapatan dan mengkomersialkan hasil produk penyelidikan yang telah dihasilkan oleh para penyelidik. Seperti mana yang kita ketahui, penyelidik tahu menjalankan penyelidikan. Mereka mencari dana untuk melaksanakan penyelidikan, tapi apabila sampai ke tahap untuk mengkomersialkan produk, tidak semua individu yang mempunyai kepakaran kerana mereka adalah ahli akademik. CREIM adalah satu unit yang dikenali sebagai *business mathing collaboration* yang mereka laksanakan dengan kerjasama beberapa agensi dan industri. Kemudian, jika terdapat produk yang dilihat mempunyai nilai komersial yang agak tinggi, usaha sama mungkin dilaksanakan dengan UniSZA Holdings. Tetapi UniSZA Holdings biasanya akan memfokuskan kepada projek yang berskala besar. Tetapi, apa yang cuba kita lihat sekarang ini adalah cabaran pendapatan dan mengkomersialkan sesuatu produk. Kadang-kadang tidak semua industri berminat dengan produk yang dihasilkan daripada penyelidikan di samping memikirkan tentang keuntungan yang bakal diperoleh. Dengan kata lain, produk berkenaan mestilah produk yang boleh dijual. Disebabkan itu, usaha sama dengan industri sangat penting dan di UniSZA, penglibatan CREIM dan UniSZA Holdings adalah sebagai entiti utama yang boleh membantu. Pada masa yang sama, UniSZA juga tidak menghalang sekiranya terdapat mana-mana penyelidik yang ingin memasarkan produk mereka sendiri dengan mewujudkan atau menubuhkan *spin-off company*.

Sesebuah universiti, khususnya universiti awam sentiasa terikat dengan kegiatan penyelidikan dan penerbitan kerana kedua-dua perkara ini amat berkait rapat antara satu sama lain dalam usaha melahirkan pakar dan sarjana di universiti. Justeru, apakah bentuk insentif atau galakan yang diberikan kepada ahli akademik UniSZA bagi meningkatkan tahap penyelidikan dan penerbitan mereka?

Saya rasa semua PTj di UniSZA sekarang tahu bahawa bajet mengurus memang mengalami penyusutan yang begitu ketara pada tahun 2021. Begitu juga dengan bajet khusus di bawah pusat untuk meningkatkan infrastruktur dan keupayaan makmal-makmal yang ada di dalam UniSZA. Walau bagaimanapun, dengan bajet yang terbatas itu, di peringkat TNC(PI), kita cuba untuk menyediakan sebahagian daripada peruntukan mengurus ini untuk aktiviti penyelidikan. Sebagai contoh, sekiranya ada permohonan daripada mana-mana projek penyelidikan yang telah selesai untuk pra pengkomersialan, insya Allah akan diberikan dalam lingkungan RM5,000 dengan harapan produk berkenaan dapat dipasarkan dalam industri. Pada masa yang



sama, mereka juga perlu memberikan pulangan hasil daripada bantuan dana yang diberikan.

Strategi kedua dan telah diluluskan oleh pihak Pengurusan Universiti ialah program sokongan penyelidikan 2.0 yang berjumlah sebanyak RM2 juta. Perbincangan secara terperinci telah dilaksanakan dengan pihak CREIM berkenaan dengan penyaluran dana sebanyak RM2 juta ini untuk pemberian dana-dana menyokong untuk SRGSIC, *matching grant* dan pra pengkomersialan kerana ini merupakan tumpuan utama UniSZA. Dana RM2 juta ini adalah untuk tempoh dua tahun. Dana berkenaan juga akan digunakan untuk pembayaran artikel

jurnal yang berkualiti. Tetapi, kita sudah tetapkan jumlah bayaran tertentu yang boleh dituntut. Pada masa yang sama, kita juga berikan insentif kepada penyelidik iaitu sebanyak RM1000 bagi penyelidik yang menerbitkan artikel bersama dengan penyelidik antarabangsa yang berada pada *ranking* universiti 300 pada peringkat Asia dan *ranking* 500 pada peringkat dunia. Kita juga memberikan insentif sebanyak RM1000 bagi penyelidik yang menerbitkan sekurang-kurangnya tujuh artikel jurnal setahun yang diindekskan dalam Scopus dan tidak disenaraikan atau berunsur *predatory* jurnal. Ini satu pengiktirafan atas sumbangan yang diberikan untuk menerbitkan lebih daripada tujuh artikel untuk tahun semasa.

Sejak kebelakangan ini timbulnya isu berkaitan dengan *predatory* jurnal. Oleh demikian, apakah langkah-langkah yang diambil oleh Pejabat (TNC P&I) untuk menangani masalah ini?

Ini merupakan satu isu yang sangat menarik. Pihak pengurusan UniSZA juga mengambil serius isu ini. Begitu juga dengan Ahli Lembaga Pengarah UniSZA. Saya sebagai TNC(PI) telah diminta untuk membuat satu analisis dan laporan tentang penglibatan ahli akademik kita dalam penerbitan jurnal Scopus ini. Alhamdulillah kita melalui CREIM dan SPAQM telah berjaya mengeluarkan data dari tahun 2011 sehingga tahun 2021. Dalam tempoh masa berkenaan kita dapati terdapat sebanyak 323 artikel yang diterbitkan oleh ahli akademik dikategorikan sebagai *predatory* jurnal. Bukan bermaksud artikel itu tidak diindekskan dalam Scopus, tetapi semasa artikel itu diterbitkan, artikel berkenaan masih diindekskan dalam Scopus. Jadi, kita terima sebagai Scopus. Cuma mungkin dalam tempoh tertentu selepas itu, setahun ke dua tahun, jurnal berkenaan terkeluar daripada Scopus atas beberapa faktor. Ada faktor politik dan mungkin juga ada faktor pengurusan yang menyebabkan mereka terkeluar dari Scopus. Oleh kerana jurnal berkenaan terkeluar daripada Scopus, maka jurnal berkenaan tersenarai dalam artikel *predatory*. Daripada jumlah tersebut, hanya lima artikel sahaja yang diterbitkan dalam *predatory* jurnal pada tahun 2020. Untuk tahun ini walaupun baru sahaja tiga bulan, kita telah ada dua artikel yang diterbitkan dalam *predatory* jurnal. Disebabkan itu, kita telah memberikan peringatan kepada semua PTj untuk memastikan penerbitan pada tahun ini tidak melibatkan *predatory* jurnal kerana isu ini juga dititikberatkan sehingga di peringkat kementerian. Jadi, semua universiti perlu memantau setiap penerbitan yang dibuat oleh setiap penyelidik. Rentetan daripada perkara berkenaan, maklumat telah diuar-uarkan di UniSZA untuk memastikan perkara ini tidak berlaku. Bukan setakat itu sahaja, kita juga telah mengambil inisiatif dengan mengeluarkan senarai *predatory* jurnal dan pada masa yang sama, jurnal-jurnal putih atau dipanggil juga sebagai *white list* juga telah dikeluarkan dan dibuat hebahan. Namun begitu, senarai *white list* yang dikeluarkan itu bersifat dinamik dan fleksibel. Oleh itu, dinasihatkan agar ahli akademik dan penyelidik-penyelidik UniSZA agar menerbitkan artikel mereka ke jurnal-jurnal yang baik, yang mempunyai kualiti yang tinggi walaupun kadang kala mengambil masa yang agak lama.

Di samping penyelidikan, penerbitan dan inovasi, YBhg. Prof. juga bertanggungjawab untuk pembangunan UniSZA. Jadi, dari aspek pembangunan, apakah status terkini pembangunan UniSZA?

Ya. Pembangunan universiti juga berada bawah saya. Dari aspek pembangunan, kita akan fokus kepada pembangunan yang memberi manfaat kepada pelajar. Kita akan fokus kepada pembinaan asrama pelajar di Kampus Tembila. Hal ini kerana tidak semua pelajar di Tembila tinggal di asrama kerana kekangan bilik penginapan. Tambahan pula, di sana juga kekurangan rumah atau bilik-bilik untuk disewa. Selain itu, kita juga menitikberatkan aspek keselamatan pelajar. Kalau di Kampus Gong Badak, terdapat banyak taman perumahan dan pelajar juga mempunyai banyak pilihan berbanding dengan Kampus Tembila. Keberadaan pelajar di luar Kampus Tembila juga kurang terjamin dari segi keselamatan disebabkan oleh

faktor persekitaran. Justeru, besar harapan saya agar kita dapat tempatkan semua pelajar yang berada di Tembila di asrama. Untuk merealisasikan hasrat ini, kita sedang usahakan untuk mendapatkan dana bagi menampung kapasiti seramai 500 orang pelajar di Kampus Tembila.

Pada masa yang sama kita juga sedang menambah baik fasiliti di Kampus Gong Badak. Bangunan-bangunan lama yang ada di Kampus Gong Badak akan ditambah baik dengan mengekalkan ciri-ciri bangunan asal. Hal ini kerana, bangunan yang ada di UniSZA sejak zaman KUSZA semuanya bercirikan Terengganu. Jadi, kita akan kekalkan bersama dengan landskap dan pembinaan Kampus Gong Badak yang lebih terancang dan bersistem. Penambahbaikan itu sangat perlu. Sekarang ini kita menambah baik empat blok asrama untuk kegunaan pelajar dan insya Allah tahun depan akan siap sepenuhnya. Selain itu, kita juga akan membina kompleks sukan. Kompleks sukan merupakan projek baharu dan kontraktor pun sudah dilantik. Mesyuarat pertama dengan JKR pun telah dibuat. Pembinaan kompleks sukan akan mengambil masa lebih kurang tiga tahun. Seterusnya, hospital UniSZA. Bangunan hospital ini akan diserahkan sepenuhnya kepada UniSZA pada 30 Ogos 2021 dan kita menjangkakan dalam tempoh masa berkenaan, kita akan membuat sedikit pengisian kepada peralatan dalaman hospital. Jadi, kita menjangkakan hospital UniSZA akan mula beroperasi pada awal tahun 2022. Insya Allah.

Sebagai pengakhiran temu bual ini, apakah harapan YBhg. Prof. untuk memaju dan membangunkan lagi penyelidikan di UniSZA?

Aktiviti penyelidikan di UniSZA sekarang ini sudah menjadi satu rutin. Hal ini bermakna penyelidikan bukanlah satu perkara yang perlu dipaksa dalam kalangan staf akademik. Disebabkan itu, apabila pemakluman tentang geran penyelidikan dan penerbitan dilakukan, masing-masing sudah menganggapnya satu tanggungjawab. Walau bagaimanapun, kita masih dalam usaha untuk meningkatkannya ke satu tahap kualiti yang lebih tinggi iaitu meningkatkan tahap penyelidikan ke peringkat antarabangsa di samping meningkatkan tahap penerbitan kepada jurnal-jurnal tahap Q1 hingga Q4. Dalam pada itu, produk-produk penyelidikan yang dihasilkan akan dikomersialkan. Agenda ini juga menjadi tumpuan di peringkat kementerian. Dalam Mesyuarat Jawatan Kuasa Timbalan-timbalan Naib Canselor Penyelidikan, setiap universiti perlu memastikan setiap produk penyelidikan 'bukan mati di situ sahaja' dan bukan sekadar untuk dimasukkan ke dalam resume untuk kenaikan pangkat. Sekurang-kurangnya produk berkenaan dapat memberi manfaat kepada komuniti, negara dan universiti melalui penghasilan produk yang boleh dikomersialkan.

Di samping jurnal, kita juga tidak lupa tentang penerbitan buku terutamanya hasil penyelidikan dan buku untuk pengajaran. Dalam konteks penerbitan buku, Penerbit UniSZA juga memainkan peranan yang sangat penting. Walaupun kita tahu peruntukan menjadi isu untuk menerbitkan buku, tetapi itu bukannya satu isu yang besar kerana penerbitan merupakan salah satu nadi kepada universiti di samping penyelidikan, pengajaran dan pembelajaran. Selain itu, kita juga menggalakkan penyelidik menjalankan memorandum perjanjian (MoU) dan memorandum persefahaman (MoA) sebagai rentetan daripada kajian yang telah dijalankan dengan pihak industri. Tambahan lagi, pihak kementerian juga berharap agar setiap projek penyelidikan yang dilaksanakan mempunyai MoA. Penyelidikan berasaskan MoU dan MoA memberi impak yang besar terhadap pencapaian MyRA. Trend penyelidikan semakin mencabar kerana penyelidikan kini bukan sekadar membuat penyelidikan semata-mata. Trend ini akan memberi kesan terhadap suntikan dana untuk penyelidikan yang akan berlaku secara berterusan dan memberi pulangan kepada setiap penyelidik.

Berkait dengan pemerksaan UniSZA pula, saya berharap agar kita dapat melipatgandakan usaha untuk mendapatkan QS Asia Ranking University. Hal ini kerana, pada masa sekarang, kita berada pada kedudukan atau kelompok 451-500. Oleh itu, saya berhasrat untuk penilaian pada tahun hadapan dan tahun-tahun berikutnya kita dapat meningkatkan kedudukan kita pada kedudukan 251-300 di peringkat QS Asia ini. Insya Allah kita akan pergiatkan strategi untuk mencapai target yang kita impikan pada tahun 2022.

NATIONAL TOURISM POLICY 2020-2030: Ready, Set, Go!

Hamdy Abdullah CA(M), PhD
Email: hamdy@unisza.edu.my

Government policy basically expresses a sequence of accomplishment, producing an initial purpose for revolution. Although policies are not laws, they can initiate laws. Tourism industry has recorded significant contribution of 15.9 per cent to Gross Domestic Product of RM240.2 billion in 2019. Meanwhile, workforce in the tourism industry recorded 3.6 million people contributing nearly 23.6 per cent to the total national workforce. This indicates that for every four employments in Malaysia, one of them is affiliated with the tourism industry. A total of 5.3 million tourists visited Terengganu during 2019, an increase of 9.8 percent compared to the previous year which recorded a visit of 4.8 million tourists. Various agencies and institutions including UniSZA have played their active roles especially by providing their knowledge and know how in promoting the beauty of Terengganu in the eyes of the world (Afthanorhan, Awang & Fazella, 2017). Apart from oil and gas, Terengganu is rich in a variety of tourism products based on the richness of nature, the uniqueness of the arts culture and heritage of the government need to maximize everything more effectively. This article aims to briefly elaborate the new policy announced by the Prime Minister Tan Sri Muhyiddin Yassin for a new direction of tourism industry in ensuring the nation's wealth sustainability for the next ten years.

Issues can generally move into the public attention and be required onto the policy agenda by the amount of attention and public outcry they receive. At the end of 2019, the world is surprised by the spread of the COVID-19 outbreak and economic activities associated with the tourism industry, for instance accommodation, carriage, shopping, food and beverages as well as event organizations are forced to deal with the most challenging moments (Sigala, 2020). The estimated loss of Malaysia's tourism industry during 2020 exceeds RM100 billion. The third wave of the Covid-19 pandemic, which once again spread to the country at the end of September 2020, affected the Terengganu tourism sector with a 20 percent decrease in tourist arrivals. The Government is also concerned with huge challenges in industrial relations issues. The execution of serial phases of the Movement Control Orders to restraint the spread of the COVID-19 outbreak has critically made a huge influence on the country's tourism industry (Foo, Chin, Tan & Phuah, 2020). The United Nations World Tourism Organisation envisages that global recovery of tourism sector will take up to four years. Undoubtedly, this period is a quite extensive and certainly provides great sufferings to many parties involved. Despite of the efforts to end this COVID-19 outbreak, the opportunity is still open to overcome faintness through improving the quality of both service and delivery (Sigala, 2020). Optimising the use of advanced and flexible technologies such as the use of video conferences and contactless transactions allows us to cultivate new norms without compromising the potential of the tourism industry. The country's tourism industry is regenerated again by boosting domestic tourism activities, while the borders are still closed and restoring people's confidence to travel locally.

Formulation of policy consists of policymakers deliberating and signifying approaches to correcting complications that have been raised as part of the agenda (Hansson-Forman, Reimerson, Bjärstig & Sandström, 2021). The government is aware of the need of a dynamic and strategic direction in restoring the tourism industry. As a result, the National Tourism Policy (NTP) 2020 – 2030 is formulated assigned by the government to guarantee the survival of the country's tourism industry and make Malaysia back as a preferred tourist destination globally. This will be achieved through a major approach that includes Strengthening Competitiveness, Sustainable and Inclusive Tourism Sector Development, as well as Disaster Driving Readiness in the future. The new policy will be implemented through six key strategic thrusts, namely governance transformation, creating an inclusive tourism investment zone, intensifying tourism digitalisation, enriching tourist experience and satisfaction, strengthening commitment to sustainable tourism and increasing human capital capacity in all tourism sub-sectors.

In this regard, the growth of digital technology-based tourism industry is crucial to ensure that the objectives of this policy can be accomplished. Furthermore, technological advancement can also strengthen inter-industry networking and pave the way for new ground-breaking sub-sectors in the tourism industry that will establish commercial and employment opportunities. With this in fact, technology-centred tourism investment is encouraged. Through this new formulated policy, Malaysia will create an investment zone for tourism projects to enhance public-private collaboration and thus attract more local and international investment. In addition, a balanced development and preservation and conservation of national treasures is also important. The goalmouth is to position Malaysia as the top choice of the Mind Ecotourism Destination of the World. Sustainability of resources can drive new economic growth as well as creating job opportunities. To ensure the development of tourism offerings is always justifiable, viable and inclusive as set out in the NDP, this effort is also in line with Malaysia's commitment to the 17 Sustainable Development Goals as stipulated by the United Nations.

As early 2020, NTP have to be accepted by many governmental institutions in order to be put into effect. Acceptance can be concerned by the same influences that inspire what issues move into the point of agenda construction (Yeganeh, McCoy & Schenk, 2020). Media can also play an important function in policy adoption. Whilst reporting besides commentary is unprejudiced, it can provide a forum where deliberation over numerous cases for policy adoption takes place.

Like other policies, NTP may be measured along with a number of standards (Dwyer et al, 2020). They may be unofficially appraised as stated by uncritical analysis. This policy may also be applicably evaluated through cautious, truthful reaction from those affected by the NTP. Formal research may provide empirical indication concerning on the effectiveness of NTP. Finally, scientific research provides both comparative and statistical evaluations of whether policies produce clear causal results. The evaluation will take place at different times. Public servants seeking to improve operations may assess NTP as they are being implemented. After been implemented, NTP can be further evaluated to understand their overall success.

To conclude, this new National Tourism Policy 2020 – 2030 is the country's agenda. It is hoped the efforts of the Government in implementing strategies contained in this policy will receive full support and cooperation from all parties. Under the best conditions, policies are excellent directions for making the lives of everyone towards communal betterment.

References

- Afthanorhan, A., Awang, Z., & Fazella, S. 2017. Perception of tourism impact and support tourism development in Terengganu, Malaysia. *Social Sciences*, 6(3), 106.
- Foo, L. P., Chin, M. Y., Tan, K. L., & Phuah, K. T. 2020. The impact of COVID-19 on tourism industry in Malaysia. *Current Issues in Tourism*: 1-5.
- Hansson-Forman, K., Reimerson, E., Bjärstig, T., & Sandström, C. 2021. A view through the lens of policy formulation: the struggle to formulate Swedish moose policy. *Journal of Environmental Policy & Planning*: 1-15.
- Sigala, M. (2020). Tourism and COVID-19: Impacts and implications for advancing and resetting industry and research. *Journal of business research*, 117: 312-321.
- Yeganeh, A. J., McCoy, A. P., & Schenk, T. 2020. Determinants of climate change policy adoption: A meta-analysis. *Urban Climate*, 31: 100547.

Sistem Imun

Menyerang Sel Saraf

Mohd Nasir Mat Nor, PhD
nasirmnor@unisza.edu.my

Sistem keimunan badan memainkan peranan penting bagi melindungi tubuh manusia daripada jangkitan virus atau bakteria yang seterusnya boleh mengakibatkan seseorang dijangkiti penyakit berjangkit. Namun apabila sistem keimunan menyerang sistem saraf pusat membabitkan otak, saraf tunjang dan saraf optik dikenali sebagai sklerosis berbilang atau *multiple sclerosis*. Di Malaysia, purata umur serangan sklerosis berbilang biasanya bermula pada usia 29 tahun dengan hampir 2.73 orang daripada 100,000 menghidapi sklerosis berbilang manakala populasi di seluruh dunia menghidap penyakit ini adalah sebanyak 2.3 juta. Mengikut bangsa pula, bangsa Melayu menduduki tempat pertama iaitu hampir 60 peratus diikuti India sebanyak 20.5 peratus, Cina 16.6 peratus dan lebih tinggi berbanding lelaki selain faktor hormon yang juga memainkan peranan sebagai penyebab perkara ini terjadi.

Punca yang dikenal pasti adalah apabila sistem imun badan menyerang struktur saraf yang dikenali myelin iaitu lapisan yang menyaluti akson yang berfungsi menghantar trasmisi isyarat saraf ke seluruh badan seperti Gambar 1. Serangan awal menyebabkan saraf mengalami radang dan sistem mengalami gangguan perantaraan trasmisi maklumat dari atau ke otak. Jika serangan oleh sistem imun ini berterusan, ia akan menyebabkan myelin mengalami kerosakan dan menyebabkan ia akan berparut. Lama-kelamaan, myelin ini tidak lagi dapat berfungsi dengan baik dan akan mencetuskan gangguan kepada maklumat yang disampaikan melalui saraf-saraf otak, tulang belakang dan saraf optik yang akhirnya pesakit ini akan didiagnosis dengan sklerosis berbilang.

Tanda awal sklerosis berbilang adalah apabila seseorang itu mengalami kerisauan terlampau terhadap sesuatu dan mengalami tekanan. Selain itu, perasaan yang sering terganggu dan mengalami kualiti hidup yang rendah juga sering dikaitkan dengan tanda awal sklerosis berbilang. Sklerosis berbilang ialah sejenis penyakit yang jarang berlaku berbanding penyakit darah tinggi, jantung atau kencing manis tetapi jika tidak ditangani dengan baik sklerosis ini boleh menyebabkan buta dan lumpuh.

Penyakit sklerosis berbilang itu sendiri tidak menyebabkan kematian namun ia boleh menjejaskan kualiti hidup dan hubungan sosial dalam kalangan manusia. Jadi, orang sekeliling boleh mengenal pasti tanda awal penghidap sklerosis berbilang melalui mata sendiri. Jika tidak ditangani dengan baik dan cepat, seseorang boleh atau cuba membunuh diri seperti kajian yang telah dijalankan oleh Rintala dari Belgium pada tahun 2019 di dalam artikel jurnal bertajuk "*Emotional Outcomes in Clinically Isolated Syndrome and Early Phase Multiple Sclerosis: A Systematic Review and Meta-Analysis*".

Selain itu, tanda awal juga boleh dikenal pasti apabila memandang sesuatu objek, ia menampakkan objek tersebut menjadi dua atau 'bergoyang' tanpa kawalan. Seterusnya, mata penghidap sklerosis sering bergerak-gerak dengan tidak normal yang dikesan berlaku hampir 40 sehingga 76 peratus ke atas pesakit sklerosis berbilang. Pergerakan mata yang tidak normal dan seakan juling padahal pesakit sebelum ini tidak mengalami juling ditunjukkan dalam Gambar 2. Ini disebabkan oleh pangkal otak atau cerebral mengalami inflamasi menyebabkan proses memandang sesuatu menjadi penat, pandangan yang kabur dan objek yang dilihat tidak boleh fokus dengan baik.

Di samping ujian fizikal dan psikologi, tanda awal sklerosis berbilang boleh dikenal pasti melalui ujian darah. Ujian darah lebih tepat berbanding ujian fizikal atau psikologi kerana memberikan bacaan konsisten mengenai paras kandungan sesuatu bendasing yang tinggi atau tidak normal di dalam darah. Kajian ini telah diterbitkan di dalam Jurnal *Multiple Sclerosis and Related Disorders* pada Oktober 2018 oleh penyelidik daripada Universiti Birjand, Iran. Tajuk kajian ini ialah *Blood Lead Levels and Multiple Sclerosis: A Case-Control Study*. Kajian mendapati bacaan purata kandungan plumbum di dalam darah bagi pesakit sklerosis berbilang ialah 75.3 mikrogram per liter berbanding 33.8 mikrogram per liter bagi bacaan normal. Kajian ini turut mendedahkan peluang untuk terjadi sklerosis berbilang ialah sebanyak 1.17 lebih tinggi per satu mikrogram per desiliter kenaikan kandungan plumbum di dalam darah. Sesiapa sahaja berisiko jika menghidu pembakaran bekas bateri atau bekas cat yang mengandungi plumbum. Pencemaran plumbum juga boleh terjadi jika tinggal di kawasan yang sesak dengan kenderaan yang melepaskan plumbum hasil pembakaran minyak berplumbum di dalam enjin.

Sklerosis berbilang disebabkan keimunan yang aktif menyerang sel saraf dan mengakibatkan inflamasi terutamanya ke atas sel saraf otak, tulang belakang dan saraf mata menyebabkan kerosakan kepada myelin seterusnya kecederaan kepada akson. Sehingga kini, tiada ubat atau penawar untuk sklerosis berbilang. Ubatan yang dibekalkan hanya menghalang sementara keadaan berulang dan membolehkan pesakit menguruskan simptom tersebut. Selanjutnya, ia turut menghalang

kereaktifan sel imun ini tanpa merangsang pemulihan myelin. Namun ia masih mempunyai harapan kerana banyak kajian saintifik telah dijalankan oleh para saintis. Ekstrak tumbuhan berupaya menjadi rawatan alternatif kerana ia bukan hanya merencatkan kereaktifan sel imun malah merawat myelin pada akson.

Dalam satu kajian menggunakan ekstrak Daun Seribu ke atas pesakit sklerosis berbilang, pada peringkat awal kajian, pesakit dibahagikan kepada tiga kumpulan dan penyedia ekstrak tidak mengetahui dos mana yang akan dibekalkan kepada tiga kumpulan ini demi menjaga kebolehpercayaan kajian ini bagi tempoh selama setahun. Selanjutnya, kumpulan pertama menerima dos 250 mg/kg, kumpulan kedua menerima 500 mg/kg dan kumpulan ketiga hanya menerima placebo iaitu bahan menyerupai kumpulan satu dan dua tetapi tidak memberikan sebarang kesan kepada pesakit sklerosis berbilang. Pelbagai ujian dilakukan ke atas pesakit ini termasuk Pengimejan Resonan Magnet (MRI) iaitu menggunakan gelombang magnet dan radio untuk menghasilkan gambaran imej tiga dimensi. Kajian ini telah dijalankan oleh Fatemeh Ayoobi dari Universiti Rafsanjan, Iran dan telah diterbitkan pada Januari 2019. Keputusan kajian mendapati pesakit yang menerima ekstrak Daun Seribu menunjukkan pemulihan sklerosis berbilang berbanding kumpulan placebo. Kajian turut menunjukkan min kecederaan akibat sklerosis berbilang kepada saraf turut berkurangan. Kajian mencadangkan ekstrak ini boleh diberikan kepada pesakit sklerosis berbilang sebagai makanan tambahan.

Kajian menggunakan ekstrak pokok diteruskan oleh saintis lain bernama Ting Zhou dari Universiti Manitoba, Kanada menggunakan ekstrak minyak cannabinoid yang baru diterbitkan pada bulan Jun 2019. Ekstrak ini dipencilkan daripada pokok cannabis sativa atau lebih dikenali sebagai pokok ganja. Ganja berpotensi dijadikan bahan alternatif dalam perubatan yang bertindak sebagai psikoaktif jika mengikut sukatan yang diberikan di dalam bidang perubatan. Dalam kajian ke atas haiwan ini yang telah diaruhkan mengalami keaktifan sistem imun sebagai model sklerosis berbilang. Dua ekstrak minyak cannabinoid telah digunakan dengan campuran dua ekstrak minyak cannabinoid iaitu dengan nisbah 10:10 dan 1:20 kombinasi minyak tetrahydrocannabinol dan cannabidiol. Keputusan menunjukkan campuran ini mampu bertindak dengan mengurangkan kereaktifan imun dan seterusnya mengurangkan kadar kerosakan sel saraf akibat sklerosis berbilang. Ini mungkin langkah awal bagi mencari rawatan alternatif terhadap rawatan sklerosis berbilang.

Jelaslah di sini bahawa penyakit sklerosis berbilang mampu mengancam kualiti hidup manusia dan jika tidak ditangani dengan baik ia akan meningkatkan risiko tekanan dan akhirnya pesakit akan menderita sepanjang hidupnya. Banyak lagi rahsia mengenai tumbuhan herba lain yang terdapat di Malaysia dan dunia yang masih belum dieksploitasi dengan sepenuhnya oleh para penyelidik tempatan yang mampu menjadi sumber rawatan alternatif bagi mengurangkan atau mencegah sklerosis berbilang. Segala usaha perlu diteruskan agar usaha separuh jalan ini tidak sia-sia sehingga penyakit ini berada di bawah kawalan dan akhirnya meningkatkan kualiti hidup pesakit sklerosis berbilang.

Rujukan

- A. Rintala, F. Matcham, M. Radaelli, G. Locafaro, S. Simblett, C. Barattieri di San Pietro, V. Bulgari, P. Burke, J. Devonshire, J. Weyer, T. Wykes, G. Comi, M. Hotopf, I. Myin-Germeys. 2019. Emotional outcomes in clinically isolated syndrome and early phase multiple sclerosis: a systematic review and meta-analysis. *Journal of Psychosomatic Research*, 124.
- Ayoobi F, Bidaki R, Shamsizadeh A, Moghadam-Ahmadi A, Amiri H. 2019. Impact of opium dependency on clinical and neuropsychological indices of multiple sclerosis patients. *Neurol Sci*.
- Dehghanifiroozabadi M, Nofereesti P, Amirabadizadeh A, Nakhaee S, Aaseth J, Noorbakhsh F, Mehrpour O. 2019. Blood lead levels and multiple sclerosis: A case-control study. *Mult Scler Relat Disord*.
- Francisco Pérez-Miralles, Daniel Prefasi, Antonio García-Merino, José Ramón Ara, Guillermo Izquierdo, Virginia Meca-Lallana, Francisco Gascón-Giménez, María Luisa Martínez-Ginés, Lluís Ramió-Torrentà, Lucienne Costa-Frossard, Óscar Fernández, Sara Moreno-García, Nicolás Medrano, Jorge Maurino, Bonaventura Casanova. 2021. Short-term data on disease activity, cognition, mood, stigma and employment outcomes in a cohort of patients with primary progressive multiple sclerosis (UPPMS study). *Multiple Sclerosis and Related Disorders*, 50.
- Mohammad Alirezaei, Seyed Mohammad Forouzannia, Pourya Yarahmadi, Mohammad Ali Sahraian, Mahsa Owji, Maryam Bidadian, Fereshteh Ghadiri, Abdorreza Naser Moghadasi. 2021. Demographic features, behavioral measures, and clinical factors as predictors of cognitive function in patients with multiple sclerosis. *Multiple Sclerosis and Related Disorders*, 49.
- Zhou T, Ahmad TK, Alrushaid S, Pozdirca M, Ethans K, Intrater H, Le T, Burczynski F, Kong J, Namaka M. 2019. Therapeutic impact of orally administered cannabinoid oil extracts in an experimental autoimmune encephalomyelitis animal model of multiple sclerosis. *Biochem Biophys Res Commun*.

Astrofotografi: Mencerap Keindahan Alam Semesta



Astrofotografi merupakan sesuatu yang tidak asing lagi bagi para peminat astronomi. Teknik penggambaran yang digunakan untuk mengambil gambar objek samawi ini memerlukan kemahiran yang cekap serta peralatan yang bersesuaian. Di samping pemilihan tempat yang strategik, para peminat astrofotografi juga perlu mengetahui tarikh bagi kejadian tertentu.

Terdapat pelbagai peralatan yang boleh digunakan untuk mencerap dan mengambil imej fenomena astronomi, sama ada yang selalu ada di langit seperti galaksi, bulan, bintang atau yang berlaku mengikut tarikh tertentu. Pengamal astrofotografi boleh bermula dengan menggunakan telefon pintar sehinggalah peralatan yang digunakan oleh ahli profesional termasuk kamera *DSLR* (*digital single lens reflex*), kamera *DSLM* (*digital single lens mirrorless*) dan bantuan optik tambahan seperti teleskop yang dilengkapi dengan lekapan *mounting*.

Antara kemahiran asas yang mesti dikuasai dalam menggunakan peralatan fotografi ini ialah pengetahuan mengenai tetapan kamera iaitu kelajuan pengatup, apertur dan kawalan *ISO* yang sesuai, di samping menggunakan aksesori pengukuhan seperti tripod.

Sepanjang tahun 2020, terdapat beberapa imej astrofotografi yang telah dirakam di Balai Cerap, KUSZA ESERI, UniSZA, Merang, Setiu, Terengganu iaitu Galaksi Bima Sakti, Komet Neowise dan Juraian Meteor Geminids. Semoga pada tahun 2021 lebih banyak imej astrofotografi yang dapat dirakam di balai cerap ini.

FBIM Lancar Facebook FBIM SHOPEE untuk Pasarkan Produk

Fakulti Biosumber dan Industri Makanan (FBIM) di bawah seliaan Jawatankuasa Janaan Hasil telah melancarkan medium *Facebook* FBIM Shopee bermula Julai 2020. Medium *Facebook* FBIM Shopee ini merupakan *gateway* kepada pemasaran produk dan hasil dari ladang FBIM serta produk dari syarikat luar secara dalam talian kepada warga UniSZA khususnya.

Terdapat pelbagai produk terkini hasil penyelidikan FBIM yang telah dijual melalui *Facebook* FBIM Shopee di bawah jenama NutriSZA mengikut kategori berbeza. Antaranya ialah *NutriSZA Food* iaitu kerepek ubi keledek, produk dari roselle seperti kordial, jem, teh, halwa, ais krim, kek keju; *NutriSZA Fertiliser* iaitu Baja Superb Agromedia; *NutriSZA Beauty* iaitu sabun susu kambing, sabun aloe vera, sabun herba, set kosmetik dan losen propoplus; *NutriSZA Fresh* yang terdiri daripada susu kambing, ubi keledek, betik, Melon Manis Terengganu, dan madu kelulut; *NutriSZA Farm* iaitu jualan binatang ternakan seperti kambing dan lembu; dan *NutriSZA Grow* yang terdiri daripada biji benih, Pokok Lidah Mertua, Halia Bara, Kunyit Hitam, Strawberi, Tetulang, Durian Musang King dan lain-lain.

Karnival Jualan FBIM 2020 telah dilaksanakan pada 13-17 Disember 2020 untuk memperkenalkan medium *Facebook* FBIM Shopee dan juga Kiosk FBIM Shopee kepada umum di samping meningkatkan lagi janaan hasil fakulti melalui jualan produk FBIM, Karnival selama lima hari ini telah berlangsung secara dalam talian melalui laman *Facebook* FBIM Shopee dan secara fizikal di Kiosk FBIM Shopee, UniSZA Kampus Besut dan Laman Selera, Kampus Gong Badak.

Karnival ini telah berjaya menarik ramai warga UniSZA untuk mencuba dan membeli produk-produk berkualiti tinggi yang telah dijual oleh unit Janaan Hasil FBIM. Kiosk dan FBIM Shopee ini akan terus beroperasi sepanjang tahun dan sebarang maklumat berkaitan jualan akan sentiasa dimaklumkan melalui medium *Facebook* FBIM Shopee. Terdapat juga perancangan untuk menghasilkan lebih banyak produk baharu yang akan dihasilkan sepanjang tahun 2021 ini. Diharapkan agar perniagaan dalam talian dan secara fizikal ini akan terus berkembang maju dan menjadi pemangkin kepada aktiviti keusahawanan dalam kalangan staf dan pelajar.



FBIM Tawar Dua Program Baharu pada Tahun 2021

Fakulti Biosumber dan Industri Makanan (FBIM) akan menawarkan dua program baharu iaitu ISM Teknologi Pemiakbakaan Tumbuhan dengan Keupujian dan ISM Pembangunan Makanan Halal. Kedua-dua program ini akan membuat pengambilan sulung pelajar pada bulan September 2021. Pihak FBIM telah mendapatkan kelulusan daripada Kementerian Pendidikan Tinggi untuk membuat penawaran bagi kedua-dua program tersebut.

Penawaran program ISM Teknologi Pemiakbakaan Tumbuhan dengan Keupujian adalah selaras dengan hasrat Jabatan Pendidikan Tinggi (JPT) dalam melaksanakan transformasi program akademik bidang pertanian di Universiti Awam. Transformasi program akademik ini bertujuan memperkasa bidang pertanian negara melalui penghasilan graduan yang berkemahiran teknologi terkini serta berpengetahuan dalam ilmu pengurusan perniagaan dan kewangan.

Program ini akan dilaksanakan selama tiga tahun setengah iaitu tujuh semester, dan graduan program akan memperoleh ijazah dalam bidang Teknologi (BTech) yang diiktiraf oleh Lembaga Teknologis Malaysia (MBOT) dan Malaysian Qualification Agency (MQA). Melalui program ini, konsep Akademik– Industri diterapkan dengan pelaksanaan pengajaran dua tahun enam bulan di universiti dan setahun dalam industri (Mod Industri 2u2i). Program ini yang sepenuhnya berdasarkan latihan pekerjaan mempunyai matlamat utama iaitu untuk menggabungkan pembelajaran akademik dan pembelajaran industri kepada pelajar dalam hampir segenap proses pembelajaran. Program ini akan mendedahkan pelajar kepada industri secara langsung apabila mereka memulakan pengajian. Pelajar akan didedahkan kepada pembelajaran berasaskan masalah

(*Problem-based Learning*) dan pembelajaran berasaskan tugas (*Task-based Learning*). Para pelajar bukan sahaja diajar tetapi dilatih untuk menguasai ilmu teras dan praktikal dalam industri. Secara tidak langsung, pelajar akan lebih bersedia untuk menghadapi cabaran alam pekerjaan pada masa akan datang.

Teknologi Pemiakbakaan Tumbuhan merupakan bidang yang penting bagi meningkatkan kepelbagaian dan hasil serta kualiti tumbuhan melalui manipulasi kepelbagaian genetik tumbuhan. Penghasilan klon dan varieti tanaman baharu akan memberi impak yang signifikan kepada pembangunan dan ekonomi negara khususnya. Oleh itu, program ini merupakan satu program yang bersifat transdisiplinari yang menerapkan penggunaan teknologi terkini dalam pembangunan pertanian melalui penghasilan baka tumbuhan elit yang mampu memenuhi keperluan pasaran pertanian negara. Peratus kursus yang mempunyai elemen teknologi yang tinggi (70 peratus) dan memberi penekanan kepada penggunaan big data dan *Internet of Things* (IoT) adalah selari dengan usaha Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) untuk mengintegrasikan *Industrial Revolution 4.0* (IR4.0) melalui Program Pendidikan 4.0.

Berdasarkan Laporan Teknikal 2019/2020 oleh *TalentCorp*, bidang pertanian, perhutanan dan pengeluaran ternakan telah tersenarai sebagai bidang pekerjaan berasaskan pengetahuan yang diperlukan secara kritikal oleh negara. Graduan dalam program ini juga akan memenuhi keperluan organisasi masa kini serta sejajar dengan Teras Rancangan Malaysia ke-11 (RMK-11) iaitu melahirkan pekerja yang berkemahiran tinggi melalui program latihan yang diterajui industri. Selain itu, graduan dalam program ini berpotensi untuk menjadi pemiak

baka tumbuhan, pengurus ladang, agronomis, agropreneur, perunding pertanian, bioteknologis, pegawai pertanian dan pegawai sains.

Demi menyahut aspirasi Malaysia sebagai hub halal dunia pula, pihak FBIM telah mengorak langkah dengan merancang penawaran program ijazah sarjana muda baharu berkaitan pembangunan makanan halal sejak 2014. Menyedari bahawa program berkaitan pengurusan halal (bidang pengurusan) dan konsep halal dalam pengeluaran makanan (bidang agama) telah sedia ditawarkan di beberapa universiti lain, program baharu ini dirancang supaya lebih berfokus kepada aplikasi sains dan teknologi dalam pembangunan produk makanan yang berstatus *halalan toyyiban*.

Secara rasminya, program ini bermatlamat melahirkan graduan yang berupaya mengguna, menguasai serta mengaplikasi dengan baik pengetahuan dan kemahiran dalam bidang pembangunan makanan halal dan seterusnya menjana pekerjaan dan bersaing dalam pasaran bagi memenuhi keperluan tenaga kerja semasa di dalam dan luar negara. Matlamat ini disokong oleh objektif dan hasil pembelajaran program yang jelas dan merangkumi segenap aspek seperti kognitif, teknikal, komunikasi, berpasukan, profesionalisme dan keusahawanan.

Tempoh minimum pengajian adalah lapan semester atau empat tahun dan tempoh maksimum pengajian adalah sepuluh semester atau lima tahun. Antara subjek teras yang akan diajar ialah Kimia Makanan, Fiqh Islami dan Makanan Halal, Pengenalan kepada Industri Makanan Halal, Piawaian Halal, Bahan Makanan Halal, Pemprosesan Makanan, Pembungkusan Makanan, Pengurusan Rantai Bekalan Makanan, Analisa Makanan Halal, Latihan Industri dan Pembangunan Produk Makanan Halal. Selain itu,

terdapat subjek elektif yang akan ditawarkan, antaranya Makanan Tradisional Malaysia, Produk Makanan Berfungsi, Pengurusan Operasi Pelan Makanan, Teknologi Produk Tenusu, Teknologi Produk Sejuk Beku dan lain-lain.

Program ini akan dilaksanakan sepenuhnya di UniSZA Kampus Besut yang mempunyai fasiliti pengajaran dan penyelidikan yang lengkap dalam bidang sains dan teknologi. Pelbagai jenis makmal berkaitan pembangunan produk makanan yang terdapat di sini, antaranya Makmal Pemprosesan Makanan, Makmal Bakeri, Makmal Analisa Makanan, Makmal Pemprosesan Air Minuman, Makmal Daging dan Makmal Peralatan Sensitif (berteknologi tinggi). Lokasi kampus ini juga strategik kerana dikelilingi oleh pelbagai jenis perusahaan berasaskan makanan tempatan yang sedia dibantu dan dibangunkan.

Berdasarkan hasil kajian pasaran yang telah dibuat, didapati program

ISM Pembangunan Makanan Halal ini mampu menghasilkan graduan yang bersesuaian dengan keperluan pasaran. Keperluan untuk tenaga manusia dalam bidang pembangunan makanan halal adalah sangat tinggi bagi menghasilkan produk makanan baru yang halal, berkhasiat dan bersih. Graduan yang dihasilkan akan turut dilengkapi dengan ilmu keusahawanan agar graduan bukan hanya golongan yang mencari kerja (*job-seeker*) tetapi juga mampu berdikari dan mewujudkan peluang pekerjaan (*job-creator*). Jenis-jenis pekerjaan yang berkaitan dengan graduan program ini ialah Pegawai Eksekutif Halal, Pegawai Pembangunan Produk Baru, Pegawai Penyelidikan dan Pembangunan Produk Baru, Eksekutif Kawalan Kualiti (QC), Pengurus Pengeluaran, Pegawai Penyelidik, Pegawai Teknologi Makanan, Pensyarah/Tutor bidang Teknologi Makanan, Pegawai Sains dan Teknologi Makanan, Penyelia Kilang Pengeluaran dan Perunding

Nutrisi Pemakanan. Bidang-bidang perkhidmatan yang memerlukan graduan Sarjana Muda Pembangunan Makanan Halal (Kepujian) adalah seperti Pemprosesan Makanan, Jaminan Kualiti, Penyelidikan dan Pembangunan Produk Makanan Baru, Pendidikan (Universiti/Kolej/Politeknik) dan Keusahawanan.

Pusat Pengajian Industri Makanan, FBIM UniSZA sangat mengalu-alukan pertambahan ahli baharu terutama daripada program ISM Pembangunan Makanan Halal pada Oktober 2021 nanti. Ambilan sulung ini pastinya akan melalui pengalaman istimewa sepanjang menjalani proses pembelajaran dan pengajaran di sini, lebih-lebih lagi pada musim pandemik COVID-19 yang masih melanda dunia sehingga kini. Semoga keadaan semakin pulih dan dapat kembali seperti sedia kala tidak lama lagi.

FBK Terap Elemen Pedagogi Abad 21 dalam Dua Program Baharu

Fakulti Bahasa dan Komunikasi (FBK) akan menawarkan dua program akademik baharu bermula ambilan Sesi 2021/2022. Dua program tersebut adalah Sarjana Muda Bahasa Melayu Kontemporari dengan Media Interaktif (Kepujian) dan Sarjana Muda Perhubungan Awam dengan Media Kontemporari.

Kedua-dua program ini akan dilaksanakan menggunakan pendekatan 2U2I. Menerusi pendekatan ini, pelajar akan menjalani kuliah selama tiga tahun di universiti dan setahun kuliah di industri bersama penyelia industri yang terpilih.

Senario ini menjadi kekuatan kepada program ini kerana penyediaan kandungan program merangkumi kurikulum tersedia masa hadapan. Malah pendekatan 2U2I juga dilihat sebagai satu kelebihan kepada program ini kerana pelajar akan mempelajari subjek terpilih secara terus daripada pihak industri.

Dekan FBK, Prof. Madya Dr. Mohd Nazri Latiff Azmi, menekankan, penawaran dua program baharu ini merupakan satu kejayaan bagi fakulti sebagai inisiatif untuk memartabatkan bidang bahasa dan komunikasi dengan mengaplikasikan elemen pedagogi abad ke-21 dalam kurikulum program.

Pelajar bukan sahaja didedahkan dengan teori semata-mata malah, mereka juga akan didedahkan dengan kemahiran praktikal, *interpersonal*, digital, kepemimpinan dan keusahawanan.

Menurut beliau lagi, pelajar program ini juga akan mendapat pendedahan tentang cara mengaplikasi ilmu dan kemahiran yang dipelajari di universiti dalam situasi pekerjaan sebenar kerana pelajar akan menjalani sesi perkuliahan di industri selama dua semester.

Pameran UniSZA di Persada 40 Tahun: Transformasi KUSZA-UDM-UniSZA Serlahkan Transisi Keilmuan UniSZA

Umpama resmi padi, makin berisi makin menunduk ke bumi. Sekalipun menunduk, namun sentiasa tidak pernah putus dalam memberi kebaikan dan manfaat kepada yang lain. Walaupun tinggi teguh berdiri, tidak pernah lupa diri, tidak pernah bermegah diri namun masih mencengkam akar di bumi. Begitulah diibaratkan sebuah institusi pengajian tinggi, UniSZA selama 40 tahun menabur bakti mendidik anak bangsa menjadi insan madani yang mampu menyemai budi kepada agama, bangsa dan negara.

Usia empat dekad ini menjadikan UniSZA lebih matang, teguh dan stabil bersama-sama menerjah arus perdana pendidikan. Nilai-nilai murni keislaman menjadi tunjang kekuatan padu UniSZA yang menghadirkan kecemerlangan dan kegemilangan dalam dunia pendidikan anak watan. Biar pun pelbagai transformasi berlaku, UniSZA tetap setia mengalirkan ilmu dan memperkukuh akhlak semua pelajarinya tanpa mengira agama dan bangsa. Empat dekad UniSZA berdiri, membentang ilmu, merai kecemerlangan, mewajahkan Negeri Terengganu sebagai sebuah negeri yang mempunyai khazanah ilmu, yang tidak lapuk dek hujan, tak lekang dek panas.

Bersempena empat dekad penubuhan institusi ilmu ini, pameran ‘UniSZA Di Persada 40 Tahun: Transformasi KUSZA-UDM-UniSZA’ telah dijelmakan untuk pengisian nurani selain memberi peluang semua warga UniSZA menyingkap sejarah tersebut. Pameran yang berlangsung di Atrium Perpustakaan Al-Wathiqu Billah (PWB), mampu membuka minda dan menggamit segala kenangan UniSZA sehingga menempa nama sebagai sebuah institusi pengajian tinggi tersohor di Pantai Timur.

Pameran dibahagikan kepada beberapa segmen, antaranya Menelusuri Sejarah KUSZA, Menempa Gagasan, Menggarap Kecemerlangan, Kemilau Kesohoran dan Transisi Empat Dekad UniSZA. Pameran ini memberi inti pati berguna kepada warga UniSZA. Sejarah yang terlakar menjadi pemangkin kepada UniSZA untuk sentiasa terpatih kukuh sebagai institusi pendidikan yang tidak pernah jemu menabur bakti untuk ibu pertiwi.

PWB Adaptasi Medium Baharu Program Pendidikan Pengguna Literasi Maklumat Sepanjang PKPP

Situasi pandemik COVID-19 telah menjadikan pendidikan negara mengalami anjakan paradigma dalam norma baharu yang telah mengubah kaedah pengajaran dan pembelajaran. Walaupun negara masih dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP), ia tidak menjejaskan proses perkembangan dan penyebaran ilmu dalam kalangan warga pengajian tinggi.

Perpustakaan Al-Wathiqu Billah (PWB) mengaplikasikan penggunaan internet dan aplikasi dalam talian bagi membantu para pelajar mendapat pendedahan berkenaan kemudahan yang disediakan di perpustakaan. Program Pendidikan Pengguna Literasi Maklumat yang dijalankan melalui dalam talian tersebut mampu memberi ilmu, kemahiran serta panduan berguna kepada pelajar supaya mereka mendapat informasi pelbagai sumber dan kemudahan yang disediakan oleh perpustakaan. Walaupun ia dijalankan secara dalam talian, mereka masih dapat mengakses segala maklumat yang diperlukan dengan mudah, cepat dan berkesan tanpa perlu berada di perpustakaan.

Ini merupakan usaha berterusan PWB bagi memastikan semua pelajar UniSZA khususnya tidak ketinggalan untuk menggunakan kemudahan yang ada dalam PWB sekalipun berada dalam situasi pandemik yang tidak menentu. Program atas talian tersebut yang sebelum ini dijalankan secara bersemuka telah mendapat reaksi positif daripada para pelajar yang terlibat. Program yang bermula pada 1 November 2020 itu diadakan secara berterusan untuk membolehkan para pelajar mendapat pelbagai informasi yang tepat mengenai perpustakaan.

Program ini telah dikendalikan bersama oleh Puan Aina Kartini Mohamad Salleh, Puan Norhazura Yunus, Cik Nur Solehah Izzat Ullah Sheikh, Encik Zawari Zainon, Encik Muhamad Baharin Gani dan Tengku Nur Najiah Tengku Dzulkifli.

Pelajar UniSZA Menerima Bantuan Data Internet Percuma




Pejabat Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) telah menganjurkan Majlis Penyerahan Bantuan Data e-Learning Plan (EL30) Mahasiswa UniSZA pada 8 November 2020 bertempat di Dewan Al-Muktafi Billah Shah, UniSZA. Bantuan ini merupakan usaha pihak universiti meringankan beban pelajar untuk menanggung kos bagi mengikuti Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) secara dalam talian. Pelajar akan menerima simkad Celcom E-Learning dan dibiayai oleh UniSZA selama empat bulan mulai 8 November 2020.

Penyerahan telah disempurnakan oleh Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) Prof. Dr Hafizan Juahir dan diserahkan kepada wakil pelajar, Saudara Muhamad Ikmal Firdaus Mustafa berjumlah RM468,000.00. Seramai

3,900 pelajar UniSZA dalam kalangan B40 akan menerima bantuan pelan data internet percuma ini. Pelan pascabayar Celcom e-Learning 30 menawarkan pakej 3G dan 4G/LTE kelajuan internet, akses tanpa had ke laman web dan enam aplikasi terpilih iaitu Microsoft Teams, Zoom Meeting, Skype, Google Meet, CISCO Webex dan YouTube serta menikmati panggilan suara tanpa had dan 10GB kuota data bulanan.

Bantuan ini melibatkan dua fasa iaitu fasa pertama melibatkan peruntukan berjumlah RM468,000.00 menggunakan peruntukan UniSZA manakala bagi fasa kedua melibatkan peruntukan sebanyak RM480,000.00 menggunakan peruntukan wang zakat Tabung Haji. Jumlah keseluruhan pelajar yang akan menerima bantuan pelan data daripada UniSZA adalah seramai 7,900 orang.

Diharap dengan bantuan daripada UniSZA ini para pelajar dapat mengikuti sesi pembelajaran dan pengajaran dengan berkesan dan selesa serta menggunakan kemudahan yang diberikan ini dengan sebaiknya.





Penyerahan Bangunan Akademik dan Pentadbiran Kampus Besut

Majlis penyerahan bangunan Akademik dan Pentadbiran UniSZA Kampus Besut telah diadakan pada 8 Disember 2020 bertempat di Bilik Mesyuarat Senat bangunan berkenaan.

Majlis ini telah dihadiri oleh Naib Canselor UniSZA, Prof. Dato' Dr. Hassan Basri Awang Mat Dahan; Pengarah Jabatan Kerja Raya (JKR) Terengganu, Ir. Yusuf Abd. Ghani; Pengarah Kampus Besut, Prof. Dr. Mohd Nordin Abdul Rahman; Pengurusan Tertinggi UniSZA, Pegawai JKR dan Pegawai UniSZA.

Menurut Naib Canselor, bangunan ini merupakan salah satu fasiliti Projek Perkembangan Kampus Besut. Bangunan tersebut akan dijadikan pusat pentadbiran yang menempatkan unit-unit di Kampus Besut termasuk Pejabat Pengarah Kampus Besut, Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA), Unit Sukan dan Rekreasi, Unit Kaunseling, Pusat Islam, Pusat Pengurusan Infostruktur dan Rangkaian serta Unit Kewangan.

Kemuncak program ini adalah upacara penyerahan dokumen yang disampaikan oleh Pengarah JKR Terengganu kepada Pengarah Pusat Pengurusan Harta Benda UniSZA, Ir. Haji Mohd Yasim A. Ghani. Upacara ini telah disaksikan oleh Naib Canselor dan Pengurusan Tertinggi UniSZA.



Program PUSPA Innovation Competition 2020

Pusat Asasi Sains dan Perubatan UniSZA (PUSPA) telah mengadakan program *PUSPA Innovation Competition 2020* secara dalam talian kepada pelajar Program Asasi Sesi 2020/2021 pada 21 dan 24 November 2020. Seramai 92 orang pelajar dan 12 orang pensyarah PUSPA yang berperanan sebagai mentor kepada setiap kumpulan telah menghasilkan 23 produk inovasi untuk bersaing dalam pertandingan ini. Seramai enam orang juri jemputan yang terdiri daripada pensyarah UniSZA turut terlibat dalam program ini. Keterlibatan pelajar dalam pertandingan ini secara tidak langsung telah memperlihatkan satu budaya kerjasama yang mantap serta bersaing secara positif dalam kalangan pelajar di samping menonjolkan kreativiti sebagai aspek utama.



Secara keseluruhannya, sebanyak 23 produk yang berjaya dihasilkan iaitu *V-E Learning, Galexio Space Game, Electrico, Senrensareta Food Container, Long-Life Fresh Flower, Portable T-Flash, Forklift X20 Pro, Banpeel Fertilizer, Furzgen Jenga Mindstacker, SnaPHYSICS, Periodic Table Game, Cocoware, Acne Cream, Meat Flatten Machine, Gem Pascal Bridge, H4 Hydraulic Robotic Arm, Cassa Moisturizing Powder, Solar Charger Kit, Natural Liptint, Zea Smartphone Projector, Sanimask dan Natural Lipobuster*. Pingat emas dimenangi oleh produk *V-E Learning, Galexio Space Game, Electrico, Senrensareta Food Container, Long-Life Fresh Flower, Portable T-Flash, Forklift X20 Pro, Banpeel Fertilizer dan Furzgen*. Kumpulan yang memenangi pingat emas ini telah menerima hadiah wang tunai sebanyak RM300. Manakala, pingat



perak pula dimenangi oleh kumpulan yang menghasilkan produk *Jenga Mindstacker, SnaPHYSICS, Periodic Table Game, Cocoware, Acne Cream dan Meat Flatten Machine* dan membawa pulang wang tunai sebanyak RM200. Pingat gangsa pula dimenangi oleh kumpulan yang menghasilkan produk *Gem Pascal Bridge, H4 Hydraulic Robotic Arm, Cassa Moisturizing Powder, Solar Charger Kit, Natural Liptint, Zea Smartphone Projector, Sanimask dan Natural Lipobuster* dan membawa pulang hadiah wang tunai sebanyak RM100.

Majlis perasmian penutup bagi program ini telah dirasmikan oleh Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), Prof. Dr. Hafizan Juahir secara dalam talian pada 24 November 2020. Penganjuran program ini merupakan satu kejayaan kepada para pelajar. Kejayaan ini menyuntik motivasi dalam diri pelajar bahawa mereka mampu melangkah dengan lebih jauh ke arah mengembangkan potensi diri di samping meningkatkan prestasi akademik. Daya fikir yang lebih tinggi, kreatif, inovatif dan keupayaan menghasilkan sesuatu produk inovasi dipercayai akan menjadikan seseorang pelajar lebih berkualiti. Pengarah PUSPA, Prof. Madya Dr. Sharifah Wajihah Wafa Syed Saadun Tarek Wafa mengucapkan tahniah dan syabas kepada pelajar PUSPA yang terlibat dalam pertandingan ini.

Taman Inkubator Agropreneur Mampu Jana Hasil Lumayan

Fakulti Biosumber dan Industri Makanan (FBIM) UniSZA diwujudkan untuk menyokong usaha kerajaan menjadikan bidang pertanian sebagai *third engine of growth* yang dapat memacu ekonomi negara disamping melahirkan insan profesional dalam bidang tersebut. Sehingga kini FBIM telah melahirkan hampir seribu graduan dalam bidang pertanian dan bioteknologi.

Setelah 15 tahun beroperasi, pihak FBIM yang berperanan menjalankan tiga teras kefungsiannya iaitu pengajaran, penyelidikan dan perkhidmatan bagi pengembangan dalam masyarakat telah mengambil inisiatif untuk mewujudkan Taman Inkubator Agropreneur (TIA) bertujuan membantu alumni FBIM melibatkan diri dalam sektor perniagaan berasaskan pertanian.

Pada peringkat permulaan, enam alumni ISM Bioteknologi Pertanian ambilan 16/17 iaitu Saudara Mohd Eeyad Arief Mohd Nor Asri, Saudara Muhamad Azzuan Sa'idan, Saudara Mohammad Aliff Fahmi Harun, Saudara Muniruddin Hambali Hamdan, Saudari Mariana Mohammad dan Saudari Nurul Fatini Saiful Lazim telah terlibat secara langsung dalam projek ini. Kesemua mereka ini telah bernaung di bawah syarikat yang didaftarkan iaitu Mekar Greentech Solution.

Para peserta telah diberikan latihan secara teori dan praktikal melalui beberapa kursus pemantapan sebelum memulakan projek ini. Kursus tersebut merangkumi pengajaran berkaitan kaedah pengurusan perniagaan berasaskan pertanian, kaedah kawalan makhluk perosak untuk tanaman ladang dan kaedah pemasaran pertanian. Kursus ini bertujuan memastikan mereka telah bersedia untuk menjadi seorang agropreneur.

Projek pertama yang telah dilaksanakan adalah penanaman Melon Manis Terengganu dan Melon variety Permai. Hasil tuaian berjaya dijual untuk memenuhi permintaan daripada warga UniSZA. Ini menunjukkan bahawa projek ini boleh dikembangkan dengan lebih meluas jika kuantiti tanaman dipertingkatkan.

Projek penanaman seterusnya yang akan dijalankan oleh mereka ialah jagung madu, keledak dan terung bermula pada Februari 2021. Kejayaan yang telah dilakarkan oleh mereka ini membuktikan bahawa alumni FBIM mampu menjana pendapatan tinggi melalui aktiviti perniagaan berasaskan pertanian.



UniSZA Tawar Program Sarjana Muda Sains Kejururawatan (Kepujian)

UniSZA bakal menawarkan satu program baharu iaitu Sarjana Muda Sains Kejururawatan (Kepujian) pada sesi kemasukan 2021/2022. Penawaran program ini sejajar dengan keperluan tenaga kejururawatan berkemahiran dalam perawatan holistik, memiliki kemahiran insaniah berteraskan Islam yang memenuhi keperluan masa kini, serta permintaan dalam pasaran tempatan dan antarabangsa.

Pada prinsipnya, UniSZA adalah Universiti Islam Integrasi Kontemporari yang bakal melahirkan insan holistik berteraskan nilai Naseem melalui pendidikan cemerlang dan penyelidikan berimpak tinggi dalam memperkasakan masyarakat. Program Sarjana Muda Sains Kejururawatan ini mementingkan

pencapaian cemerlang dalam bidang akademik, efisien, berfikir secara kritis, penerapan kemahiran insaniah, penguasaan teknologi maklumat serta berdaya saing dalam keusahawanan profesion kejururawatan.

Kurikulum program ini menekankan pengajaran dan pembelajaran (PdP) yang interaktif melalui pendedahan latihan klinikal di hospital dan klinik Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mengikut ketetapan piawaian akademik oleh Lembaga Jururawat Malaysia. Program ini juga bakal menghasilkan graduan jururawat terlatih, bertanggungjawab dan beretika. Di samping itu, berupaya menjalankan penyelidikan membangunkan pengetahuan dan kemahiran perawatan, serta perkembangan profesion kejururawatan setanding negara luar.





Anugerah Kecemerlangan Staf Fakulti Farmasi

Bagi menghargai dan mengiktiraf sumbangan serta pencapaian staf fakulti sepanjang tahun 2020, Fakulti Farmasi (FF) telah mengadakan Majlis Penyampaian Anugerah Kecemerlangan Staf pada 7 Disember 2020. Tujuan utama anugerah ini diperkenalkan adalah untuk memberi penghargaan kepada staf di samping menyuntik semangat dan motivasi kepada semua staf untuk mencapai kecemerlangan.

Majlis yang disempurnakan oleh Dekan FF, Prof. Dr. Lua Pei Lin ini menawarkan lima kategori anugerah iaitu Anugerah Pengajaran, Anugerah Khidmat Komuniti, Anugerah Penerbitan, Anugerah Penyelidikan dan Anugerah Staf Contoh (Pentadbiran). Seramai lima orang staf dipilih untuk menerima anugerah tersebut iaitu Dr. Zalina Zahari bagi Anugerah Penerbitan; Dr. Syaliza Omar bagi Anugerah Pengajaran; Puan Fairuz Zakaria dan Cik Nur Ain Naziha Othman bagi Anugerah Staf Contoh (Pentadbiran); dan ChM. Dr. Norsyafikah Asyilla Nordin bagi Anugerah Penyelidikan dan Anugerah Khidmat Komuniti.

Pihak fakulti merakamkan ucapan tahniah kepada semua penerima dan diharap ia menjadi inspirasi kepada semua staf untuk memberikan komitmen dan perkhidmatan terbaik kepada fakulti serta universiti. Penganjuran anugerah sebegini juga diharap mampu membudayakan kerja berpasukan dan berintegriti.



FBIM Anjur Majlis Anugerah Kecemerlangan Staf dan Pelajar

Fakulti Biosumber dan Industri Makanan (FBIM) telah mengadakan Majlis Anugerah Kecemerlangan dan Anugerah Staf dan Pelajar pada 17 Disember 2020. Majlis tersebut dilaksanakan secara bersemuka dan saluran maya melalui *Facebook* FBIM bagi memenuhi keperluan pematuhan SOP yang ditetapkan oleh pihak UniSZA. Majlis dimulakan dengan ucapan alu-aluan oleh Dekan FBIM, Prof. Madya Dr. Khamsah Suryati Mohd, disusuli dengan majlis perasmian. Sebanyak lapan anugerah staf dan lima anugerah pelajar telah diberikan dalam majlis tersebut.

Majlis ini menyediakan beberapa kategori anugerah yang dimenangi oleh Prof. Madya Dr. John Tang Yew Huat bagi Anugerah Pengajaran, diikuti oleh Anugerah Khidmat Komuniti yang dimenangi oleh Prof. Madya Dr. Connie Fay Komilus, manakala Dr. Saiful Iskandar Khalit pula menerima Anugerah Penyelidikan. Selain itu, Dr. Azman Azid pula menerima Anugerah Penerbitan, Prof. Madya Dr. Nalini Arumugam menerima Anugerah Pensyarah Popular dan Anugerah Pengajaran Harapan diberikan kepada Dr. Norhayati Ngah. Seterusnya Anugerah Staf Pentadbiran Terbaik (pegawai) menjadi milik Encik Mohd Naziruddin Zahari dan Encik Mohamad Hanafis Awang menerima Anugerah Staf Pentadbiran Terbaik (staf pelaksana).

Bagi penerima anugerah pelajar pula, Saudari Nur A'qilah Farhanan Anuarsadat menerima Anugerah Tokoh Akademik (SM Bioteknologi Pertanian), Saudari Maythini A/P Som Mhit menerima Anugerah Tokoh Akademik (SM Teknologi Makanan), dan Saudari Prisca Yong Jing Jie menerima Anugerah Tokoh Akademik (Produksi dan Kesihatan Haiwan). Kategori Anugerah Tokoh Holistik pula diberikan kepada Saudari Noor Asmawani Donia, diikuti Saudari Siti Nur Aishah Ramli sebagai penerima Anugerah Tokoh Kepimpinan, manakala Saudara Ahmad Naqib Shahir Azman menerima Anugerah Tokoh Keusahawanan dan Saudara Muhammad Khairul Izwan Izani memperoleh Anugerah Tokoh Sukan.

Penganjuran majlis ini diharapkan dapat menyuntik semangat dan memberikan inspirasi kepada seluruh warga FBIM untuk terus kekal cemerlang. Kebanyakan warga fakulti yang hadir di majlis tersebut memberi reaksi positif dan berharap ia dapat dijadikan sebagai acara tahunan yang berprestij.



FBK Anjur Anugerah Tokoh Siswa dan Anugerah Kecemerlangan Staf

Persatuan Pelajar Fakulti Bahasa dan Komunikasi (FALCOM) telah mengadakan Majlis Anugerah Tokoh Siswa Fakulti Bahasa dan Komunikasi (FBK) pada 19 Disember 2020. Objektif majlis ini adalah untuk meraikan kecemerlangan dan memberi penghargaan atas kejayaan kepada pelajar FBK, di samping menjadi satu wadah pertemuan bagi pelajar dan staf fakulti.

Pelajar Sarjana Muda Pengajian Bahasa Arab (Dengan Kepujian), Saudari Nur Syahirah Mohamad Tarmizi, dinobatkan sebagai penerima Anugerah Tokoh Siswa FBK. Beliau turut menerima Anugerah Tokoh Program berdasarkan penglibatan aktif dalam pelbagai aktiviti sepanjang tempoh pengajian. Anugerah Tokoh Akademik pula diterima oleh Saudari Siti Farhana Muhammad Abdul Nasir yang juga merupakan pelajar dalam bidang pengajian bahasa Arab. Selain itu, penerima bagi Anugerah Tokoh Keusahawanan pula disandang oleh Saudari Nur Syafiqah Mat Sidik pelajar Sarjana Muda Bahasa Inggeris dengan Komunikasi (Kepujian). Majlis ini turut meraikan para pelajar yang menerima Anugerah Dekan berdasarkan keputusan peperiksaan bagi sesi 2019/2020.

Seterusnya pada 5 Januari 2021, FBK turut menganjurkan Majlis Anugerah Kecemerlangan Staf bertempat di Dewan Senat setelah usai mesyuarat fakulti pertama pada tahun 2021.

Pihak kedekanan bersetuju menyediakan enam kategori anugerah iaitu Anugerah Penerbitan Makalah Jurnal, Anugerah Penerbitan Buku, Anugerah Inovasi dan Pengkomersialan Produk, Anugerah Pengajaran (Inovasi e-Pembelajaran), Anugerah Khidmat Komuniti dan Anugerah Ahli Akademik Harapan. Penerima anugerah dipilih berdasarkan pencapaian staf sepanjang tahun 2020.

Anugerah Penerbitan Makalah Jurnal telah diterima oleh Dr. Isyaku Hassan, Prof. Madya Dr. Radzuwan Ab. Rashid dan Prof. Madya Dr. Kamariah Yunus. Penerima dipilih berdasarkan jenis indeks dan bilangan artikel yang diterbitkan pada tahun 2020 yang disahkan dalam *Automated Data Management System (ADAMs)*.

Penerima Anugerah Penerbitan Buku pula dipilih berdasarkan penerbitan buku atau e-buku yang disahkan menerusi laman web ADAMs pada tahun 2020. Prof. Madya. Dr. Elsayed Mohamed Salem, Prof. Madya Dr. Mohd Nazri Latiff Azmi, Dr. Isyaku Hassan, Prof. Madya Dr. Radzuwan Ab. Rashid dan Prof. Madya Dr. Zulazhan Ab. Halim telah menerima anugerah bagi kategori tersebut.

Anugerah Inovasi dan Pengkomersialan Produk pula dianugerahkan kepada Prof. Madya Dr. Radzuwan



Ab. Rashid berikutan lesen produk inovasi beliau iaitu *Virtual Speaking Buddy (VirSBud)* yang menerima bayaran sebanyak RM10,000.00. Anugerah ini juga diberikan kepada Encik Mohd Fauzi Abdul Hamid dan Prof. Madya Dr. Zulazhan Ab. Halim kerana telah mendapat kelulusan pendaftaran harta intelek bagi produk iGQA: Infografik Qawaid Arabiyyah.

Fakulti juga telah menyediakan Anugerah Pengajaran (Inovasi e-Pembelajaran) khusus bagi staf yang menerima pingat emas dalam pertandingan inovasi e-pembelajaran. Antara penerima anugerah ini adalah Puan Nur Salina Ismail, Encik Mohd Fauzi Abdul Hamid, Prof. Madya Dr. Zulazhan Ab. Halim, Encik Mohd Shahrizal Nasir, Puan Norhayati Che Hat, Dr. Nurazan Mohamad Rouyan, Encik Mohd Firdaus Yahaya dan Encik Shafeerul Hafes Sha'ari.

Selain itu, Dr. Mohd Ala-Uddin Othman merupakan penerima tunggal Anugerah Khidmat Komuniti berdasarkan bilangan penglibatan beliau dalam aktiviti komuniti sepanjang tahun 2020. Beliau juga membantu ahli fakulti lain dalam membuka peluang untuk perkongsian kepakaran bersama komuniti. Semua penerima anugerah berdasarkan rujukan data telah disahkan di laman web ADAMs.

Anugerah terakhir iaitu Anugerah Akademik Harapan ditetapkan mengikut pusat pengajian dan calon dipilih berdasarkan umur penerima tidak melebihi 40 tahun pada tahun penilaian dan mempunyai pencapaian cemerlang secara holistik dalam penyelidikan, penerbitan, pengajaran, sumbangan universiti/komuniti serta lain-lain sepanjang tahun 2020. Penerima anugerah ini ialah Dr. Zurina Khairuddin, Dr. Norasyikin Osman dan Puan Nor Jijidiana Azmi.

Kesemua penerima anugerah telah diberikan buku ilmiah atau motivasi dan sijil. Fakulti juga berhasrat untuk meneruskan penganjuran majlis ini bagi meningkatkan motivasi dalam kalangan staf agar lebih cemerlang pada tahun mendatang.


FUHA anjur *Annual General Assembly 2020* Secara dalam Talian

Annual General Assembly (AGA) merupakan acara tahunan yang dianjurkan oleh Fakulti Undang-Undang dan Hubungan Antarabangsa (FUHA). Objektif utama penganjuran majlis ini adalah untuk meraikan pencapaian cemerlang para pelajar dan staf FUHA. Penganjuran program ini juga merupakan platform perkongsian ilmu daripada tokoh bidang Undang-undang dan Hubungan Antarabangsa.

AGA edisi 2020 diadakan pada 9 Disember 2020 dan istimewanya kali ini ia diadakan secara dalam talian melalui aplikasi *Cisco Webex* di samping paparan secara langsung di laman sosial *Facebook* rasmi UniZA.

Majlis dimulai dengan bacaan doa oleh Ketua Pusat Pengajian Hubungan Antarabangsa, Encik Abdul Majid Hafiz Mohamed, dan disusuli dengan ucapan perasmian oleh Dekan FUHA, Prof. Dr. Zuhairah Ariff Abd. Ghadas. Seramai 37 orang pelajar Diploma Undang-Undang, 164 orang pelajar Ijazah Sarjana Muda Undang-Undang dengan Kepujian dan 137 orang pelajar Ijazah Sarjana Muda Hubungan Antarabangsa dengan Kepujian telah berjaya mendapat Anugerah Dekan pada sesi akademik 2019/2020. Majlis ini turut disertakan dengan penyampaian hadiah kepada tiga orang pelajar yang memenangi tempat pertama, kedua dan ketiga dalam *Public Speaking Competition*. Selain itu, seramai 28 kakitangan FUHA juga mendapat Sijil Perkhidmatan Cemerlang bagi tahun 2019.

Selain itu, satu syarahan akademik bertajuk *Application of Mediation in The Syariah Courts of Malaysia* oleh Ketua Pengarah/ Ketua Hakim Syarie, Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia, Dato` Dr. Haji Mohd Na`im Haji Mokhtar turut diadakan. Perkongsian ini bertujuan memberi pendedahan dan pengetahuan kepada warga UniZA khususnya pelajar berkenaan *Sulh* dan Mediasi di Malaysia. Di samping itu, turut berlangsung pembentangan laporan oleh wakil Persatuan Pelajar Undang-undang (LAWSOC), Persatuan Pelajar Hubungan Antarabangsa (IRISS), *Asian Law Students Association* (ALSA) dan Kelab Mut. Majlis ini berlangsung dengan lancar dan mendapat maklum balas positif dalam kalangan warga UniZA khususnya pelajar FUHA.





Majlis Apresiasi Kecemerlangan Staf dan Majlis Apresiasi Kecemerlangan Pelajar 2020 Fakulti Sains Kesihatan

Penganjuran Majlis Apresiasi Kecemerlangan Staf (MAKES) pada setiap tahun adalah untuk meraikan pencapaian dan penghargaan kepada staf akademik dan staf pentadbiran yang telah menunjukkan prestasi cemerlang dalam perkhidmatan kepada fakulti pada tahun 2020 yang seterusnya memberi motivasi kepada warga fakulti bagi meningkatkan kecemerlangan dalam diri masing-masing. Dalam pada masa yang sama, Fakulti Sains Kesihatan (FSK) turut menganjurkan Majlis Apresiasi Kecemerlangan Pelajar (MAKEP) yang memberi satu pengiktirafan tertinggi kepada pelajar bagi menghargai kecemerlangan akademik, jasa dan sumbangan yang telah diberikan kepada fakulti mengikut kategori Tokoh Apresiasi Kecemerlangan Pelajar 2020 dan sekali gus meraikan mahasiswa yang bergraduat pada tahun 2020.

MAKES berlangsung pada 21 Disember tahun lalu di Dewan Perdana. Dekan FSK, Prof. Dr Sakinah Harith memberi ucapan dalam majlis tersebut dengan pengharapan agar semua staf di FSK terus maju dalam pekerjaan dan mengucapkan tahniah kepada pemenang setiap anugerah daripada kalangan staf akademik atau staf pentadbiran. Beliau juga mengharapkan lebih banyak sumbangan dan kejayaan daripada semua staf untuk tahun akan datang yang merangkumi pencapaian individu khususnya dan fakulti secara keseluruhannya. Kategori penganugerahan meliputi Anugerah Akademik Fakulti, Anugerah Penyelidikan dan Inovasi Fakulti, serta Anugerah Insaniah Fakulti. Selain itu, program ini turut dimeriahkan dengan beberapa permainan oleh Ketua Pusat Pengajian Bioperubatan, Dr Anuar Md Zain. Antaranya seperti permainan *The Longest Yard*, *Crossword* dan *Cup Staking*. Dua pusingan cabutan bertuah untuk semua hadirin turut diadakan.

Pada 23 Disember pula, MAKEP diadakan secara dalam talian melalui aplikasi *Cisco Webex*. Dalam ucapan perasmian, Dekan menyatakan bahawa beliau amat menggalakkan para pelajar untuk lebih bergiat aktif dalam aktiviti yang dianjurkan agar dapat mencungkil dan menyerlahkan bakat dalam diri pelajar. Beliau juga mengucapkan tahniah kepada para pelajar yang menerima anugerah dan mengucapkan terima kasih kepada pelajar yang telah menyumbang jasa dan tenaga kepada fakulti. Beliau mengharapkan majlis ini dapat diteruskan pada sesi akan datang.

Dapat disimpulkan bahawa program sebegini dapat memberi galakan kepada pelajar untuk sentiasa mempertingkatkan prestasi akademik serta penglibatan pelajar dalam program komuniti dan kemasyarakatan serta aktiviti fakulti dan persatuan pelajar. Penganjuran sebegini dapat memotivasikan pelajar untuk lebih giat dan bersemangat untuk menyumbang ilmu dan tenaga dalam menaikkan nama UniSZA di mata masyarakat dan negara seterusnya memupuk semangat daya saing yang tinggi.



Majlis Anugerah Cemerlang Fakulti Informatik dan Komputeran 2019/2020



Ketika negara sedang dilanda wabak pandemik yang menyebabkan semua urusan Pengajaran dan Pembelajaran diadakan secara dalam talian, Fakulti Informatik dan Komputeran (FIK) tetapi jua mengadakan Majlis Anugerah Cemerlang (MAC) bagi sesi 2019/2020, tetapi secara dalam talian pada 18 November 2020 bagi meraikan pelajar-pelajar yang mendapat kejayaan cemerlang dalam bidang akademik dan kokurikulum.

Majlis perasmian yang disempurnakan oleh Dekan FIK, Prof. Madya. Dr. Ahmad Nazari Mohd Rose itu telah disiarkan secara langsung di *Facebook Live* tepat jam 3.00 petang dan disertai lebih kurang 250 orang penonton yang terdiri daripada kalangan pelajar, pensyarah serta kakitangan FIK.

Dekan dalam ucapan perasmiannya menyatakan sejak bermulanya pandemik ini, kesunyian dan kerinduan para pensyarah kepada para pelajar yang menjadi denyut nadi kampus semakin terasa. Beliau turut memaklumkan bahawa sebilangan pelajar FIK telah menerima insentif bantuan bagi pembelian data dan bantuan peminjaman laptop bagi memastikan mereka tidak ketinggalan dalam pembelajaran secara dalam talian. Segala usaha semua pihak adalah perlu bagi memastikan para pelajar tidak akan ketinggalan dalam pembelajaran.

Turut diraikan pada hari tersebut adalah daripada kalangan staf akademik dan staf sokongan yang menunjukkan prestasi terbaik dalam kategori penyelidikan, penerbitan, pengajaran harapan dan staf sokongan terbaik.

Dengan adanya program seperti ini, ia diharapkan menjadi satu galakan kepada para pelajar dan staf untuk berusaha lebih gigih demi mencapai kejayaan dan menimbulkan rasa minat dalam kalangan pelajar untuk terus cemerlang dan berjaya dalam bidang akademik dan kokurikulum seterusnya memberikan motivasi kepada ibu bapa untuk terus membantu anak-anak mereka mencapai kejayaan.



UniSZA Students Shine in International Summer Course Programme

Two students from the Faculty of Health Sciences (FSK) participated in a virtual credited mobility, Summer Course 2020 Programme, which was hosted by Institut Pertanian Bogor (IPB) University, Indonesia late 2020. The nearly 100 participants came from different Asian countries such as Thailand, Indonesia, and Malaysia (UniSZA, UPM, USM and UKM).

Thivya A/P Thrunawkarasu and Aliyah Nur Hannah Raffee earned outstanding results in the Maternal and Child Nutrition Programme in Indonesia. This summer course focused on the overview of maternal and child nutrition programmes in Indonesia, the Philippines, Thailand, and Malaysia and emphasised nutrition education in Asia. Evaluation for the programme was done via online quizzes after each lecture session. Our students praised the programme for having amazing interaction among the participants as well as the lecturers and guest lecturers. Other activities conducted during this one-week programme were an online poster competition on maternal health, brainstorming sessions on product development, and virtual presentations by group work.

Moreover, the students had a golden opportunity to participate in a virtual tour of Tempehland, which is known for its *tempeh* production. There were numerous engaging virtual fitness sessions which were offered and conducted between the programmes to encourage the participants to stay active and alert. This one-week programme was indeed a fun and insightful session. Thivya and Aliyah had a tremendous international experience together with other international students by engaging their ideas with others and interacting with different cultures on the subject matter.

Moreover, the students had a golden opportunity to participate in a virtual tour of Tempehland, which is known for its *tempeh* production. There were numerous engaging virtual fitness sessions which were offered and conducted between the programmes to encourage the participants to stay active and alert. This one-week programme was indeed a fun and insightful session. Thivya and Aliyah had a tremendous international experience together with other international students by engaging their ideas with others and interacting with different cultures on the subject matter.

In early 2021 Thivya was awarded the ‘Best Student’ in the SC200 Summer Course on Maternal and Child Nutrition Programme in Indonesia while Aliyah was awarded the ‘Second Finalist’ for IPB Nutrition poster Competition in the same course. The best student award was selected based on criteria such as active participation during the lecture sessions, post quiz marks as well as final test marks. The experience and awards gained by these students have motivated them to participate in more mobility programmes virtually and physically in the future.



FSK Anjur Program Kerjasama dengan Sekolah Kebangsaan Lembah Bidong

Fakulti Sains Kesihatan (FSK) telah menerima jemputan daripada Majlis Guru SK Lembah Bidong (SEKELAB) untuk berkerjasama mengadakan program komuniti di radius berhampiran. Pihak FSK amat berbesar hati menerima jemputan ini memandangkan FSK sentiasa terbuka dan fokus bagi membantu komuniti dalam aspek penjagaan kesihatan dan kebajikan. Setelah perbincangan dijalankan, program ini digembleng bagi mengetahui masalah komuniti setempat dengan menyumbang beberapa keperluan harian kepada keluarga pelajar sekolah yang telah dikenal pasti serta mendapatkan maklumat awal mengenai permasalahan umum serta kesihatan yang dialami oleh komuniti tersebut.



Sehubungan itu, program ini telah diadakan pada 26 Oktober 2020 di Dewan Khalid Al Walid, SK Lembah Bidong. Pelaksanaan awal program ini dimulai dengan majlis menandatangani kerjasama persefahaman antara warga FSK yang diketuai oleh Dekan, Prof. Dr Sakinah Harith dan Guru Besar SK Lembah Bidong, Encik Mohd Amri Husa dengan tema 'Jalinan Sinergi Prihatin (UniSZA & SEKELAB)'. Dalam perancangan jalinan kerjasama ini juga, terdapat aktiviti lain yang telah diadakan iaitu program 'Komuniti Jaulah Musaadah'. Setelah usai perasmian dan taklimat program tersebut, sesi kunjungan dan ramah mesra telah diadakan ke rumah-rumah asnaf keluarga pelajar sekolah bersama rombongan urusetia program dari pihak sekolah dan FSK.

Selain itu, perancangan jangka panjang FSK dalam program ini adalah untuk menyumbang ilmu dan tenaga bersesuaian dengan hala tuju UniSZA sebagai sebuah 'Universiti Komuniti'. Peranan sesebuah universiti semakin berkembang dengan kepakaran yang dimiliki dalam pelbagai bidang yang membolehkan ia digunakan untuk pembangunan modal insan secara holistik. Sehubungan itu, menerusi konsep 'Komuniti Universiti' FSK memperluas peranan universiti dalam penyebaran ilmu dan maklumat bagi membantu pembangunan komuniti termasuk para pelajar sekolah serta perkongsian kepakaran dalam bidang inovasi, sains dan teknologi serta pendedahan ilmu dalam bidang sains kesihatan.



Fakulti Biosumber dan Industri Makanan anjur SULAM

SULAM atau 'Universiti untuk Masyarakat' diperkenalkan oleh Kementerian Pendidikan bermula pada tahun 2015. Ia merupakan usaha murni ke arah merealisasikan moto UniSZA iaitu Ilmu Demi Faedah Insan. Program ini memerlukan pelajar membantu menyelesaikan masalah dan berkongsi isu semasa komuniti sekali gus mereka boleh belajar sesuatu daripada masyarakat. SULAM merealisasikan proses pengajaran dan pembelajaran secara tiga penjurua yang melibatkan masyarakat, agensi luar dan universiti untuk mencorakkan dan mengukuhkan pengalaman para pelajar semasa berada dalam kelompok masyarakat.



komuniti tani yang jauh dari Kampus Besut, iaitu Kebun Komuniti Bandar KK4 di Putrajaya. Menariknya, Kebun Komuniti Bandar KK4 ini sudah sekian lama melaksanakan konsep pertanian moden iaitu Kebun Bandar Putrajaya. Kejayaan Model Komuniti Kebun Bandar KK4 yang dinaungi oleh Perbadanan Putrajaya dengan khidmat nasihat MARDI ini telah menjadi tumpuan pelbagai agensi kerajaan dan bukan kerajaan, kumpulan masyarakat dan univesiti untuk bertukar kemahiran dan pengalaman mengamalkan pertanian menggunakan gabungan teknologi moden seperti Rumah Hijau, fertigasi, kaedah hidroponik dan hidropot. Pihak FBIM juga bertuah kerana berpeluang bekerjasama dengan pihak Kebun Komuniti Bandar KK4 yang mengamalkan, mendidik dan mengkomersialkan pertanian bandar melalui penyertaan komuniti setempat.


Sepanjang dua minggu perjalanan program SULAM, pelbagai proses pengajaran dan pembelajaran dilaksanakan secara dalam talian. Diharapkan kolaborasi antara FBIM dengan komuniti kebun KK4 Putrajaya dan Perbadanan Putrajaya dalam program SULAM ini bukanlah kali pertama dan terakhir, malah diharapkan SULAM merupakan satu titik permulaan untuk kerjasama yang lebih erat pada masa hadapan.



FBIM telah melangsungkan program SULAM buat pertama kalinya bagi sesi II 2019/2020 melalui kursus Pengembangan Pertanian yang melibatkan 24 orang pelajar ISM Bioteknologi Pertanian Semester Tiga. Mereka berkolaborasi dengan Komuniti Kebun Bandar KK4 Persint 14 Putrajaya, dengan sokongan pihak Bahagian Landskap dan Taman, Perbadanan Putrajaya.

Perasmian Program SULAM ini berlangsung secara dalam talian pada 3 Januari 2021, yang dirasmikan oleh Pengarah Kampus Besut, Prof. Dr. Mohd Nordin Abdul Rahman. Majlis perasmian turut diraikan oleh Wakil Naib Presiden Landskap dan Taman, Perbadanan Putrajaya iaitu Encik Mohammad Salleh yang juga Pengarah Bahagian Taman dan Rekreasi. Ia turut disertai oleh Timbalan Dekan FBIM, Prof. Madya Dr. John Tang Yew Huat; Timbalan Dekan Akademik dan Siswazah, Dr Nornasuha Yusoff; Ketua Pusat Pengajian Sains Pertanian dan Bioteknologi, Encik Burhanuddin Mohd Ghazali; Ketua Komuniti Kebun Bandar KK4 serta ahli-ahlinya, kakitangan Perbadanan Putrajaya serta warganegara Presint 14 Putrajaya.

Program ini membuka peluang kepada FBIM menerokai





Warga UniSZA Bantu Penduduk Kemaman

Seramai 80 orang warga UniSZA terlibat dalam Misi Bantuan Banjir KPT-UniSZA bagi membantu operasi pasca banjir di Kemaman yang merupakan daerah terburuk dilanda bencana itu di Terengganu. Misi bantuan ini digerakkan oleh Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) bertujuan menyelaraskan misi bantuan banjir yang dijalankan oleh semua universiti.

Misi bantuan yang diadakan pada 12 Januari, diketuai oleh Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Prof. Dr. Mohd Afandi Salleh disertai oleh 40 orang pelajar dan 40 orang staf dari Pejabat Timbalan Naib Canselor (HEPA), Pusat Islam, Pejabat Pendaftar, Pusat Pembangunan Holistik Pelajar, Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan, Kolej Kediaman dan Kesihatan Pelajar, Pusat Kerjaya, Teknousahawan dan Jaringan Pintar, Pusat Pengurusan Infrastruktur dan Rangkaian serta Pusat Komunikasi Korporat dan Pengurusan Perhubungan. Misi bantuan ini juga mendapat kerjasama daripada Angkatan Pertahanan Awam (APM) Negeri Terengganu, Pejabat Daerah Kemaman dan Pejabat Dun Chukai.



Misi bantuan kali ini melibatkan dua kawasan di Kemaman iaitu Taman Fikri 2 dan Bandar Baru Bukit Mentok. Tumpuan utama adalah untuk membersihkan dan membaik pulih kediaman penduduk yang terjejas akibat banjir di samping menyalurkan sedikit sumbangan bantuan keperluan asas. Sebanyak 25 buah rumah, tadika, balai raya serta surau telah dibersihkan oleh sukarelawan UniSZA dibantu oleh penduduk setempat yang turut sama membantu melancarkan lagi proses pembersihan.

Misi ini akan diteruskan oleh pasukan Hero Komuniti UniSZA di beberapa negeri lain yang dilanda banjir antaranya Johor, Perak, Pahang dan Kelantan. Ini merupakan satu inisiatif sukarelawan UniSZA untuk membantu golongan kurang bernasib baik.



Majlis Penyerahan Mock Cheque Bantuan Pendidikan Dana Inspirasi Malaysia (IPT)



Pejabat Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) dengan kerjasama Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia (YaPEIM) telah menganjurkan Majlis Penyerahan *Mock Cheque* Bantuan Dana Pendidikan Malaysia (IPT) pada 30 Disember 2020 bertempat di Dewan Al-Muktafi Billah Shah (DABS).

Majlis ini diadakan sebagai simbolik penyerahan sumbangan berjumlah RM296,500 kepada UniZA untuk diagihkan kepada pelajar-pelajarnya yang terpilih melibatkan 593 orang. Setiap pelajar tersebut menerima sumbangan sebanyak RM500. Dana Inspirasi Malaysia (Inspirasiku) ini merupakan kesinambungan inisiatif baharu selepas Program Sumbangan Makanan Foodbank YaPEIM.

Naib Canselor dalam ucapannya merakamkan ucapan ribuan terima kasih kepada pihak YaPEIM atas sumbangan ini. Bantuan ini amat bermakna kepada para mahasiswa dan ibu bapa mereka yang memerlukan terutamanya dalam situasi pandemik COVID-19 sekarang. Beliau sekali lagi mengalu-alukan hubungan kerjasama yang erat antara pihak YaPEIM dengan UniZA dalam melaksanakan apa jua usaha yang memberikan kebaikan bersama.

Majlis ini telah disempurnakan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), Senator Datuk Dr. Haji Zulkifli Mohamad Al-Bakri. Beliau turut berasa gembira dapat bersama-sama dengan semua warga UniZA dalam majlis penyerahan ini.



Program Tuisyen Percuma untuk Penduduk B40 Bandaraya Kuala Terengganu

Program secara percuma ini dinamakan sebagai ‘Program Komuniti Miskin Bandar 3T (*Teens Tuition Teens*)’ yang dikhususkan untuk para pelajar yang akan menduduki peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Pelajar yang terpilih ini merupakan penduduk bandar Dun Ladang yang terdiri daripada keluarga B40.

Program ini bertujuan memberi bimbingan akademik dan membantu meningkatkan semangat serta motivasi pelajar yang akan menduduki peperiksaan Sijil Peperiksaan Malaysia (SPM) supaya mempunyai keterampilan akademik yang baik. Untuk merealisasikan pelaksanaan tersebut, Pusat Asasi Sains dan Perubatan UniSZA (PUSPA) dan Majlis Perwakilan Pelajar dengan kerjasama Pejabat Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) telah mengadakan program tersebut pada 2 November 2020 hingga 28 Januari tahun ini. Tuisyen ini diadakan pada setiap Isnin dan Selasa bertempat di Fakulti Perubatan.

‘Program 3T’ ini dikendalikan oleh 20 orang pelajar dari PUSPA dan Fakulti Pengurusan Perniagaan yang mengajar subjek Fizik, Kimia, Biologi, Matematik Tambahan, Matematik Moden dan Prinsip Akaun. Program ini telah menarik seramai 40 orang pelajar yang terdiri daripada tiga buah sekolah iaitu SMK Panji Alam, SMK Seri Budiman dan SMK Padang Negara.

Keterlibatan pelajar sebagai fasilitator secara tidak langsung dapat melatih pelajar dalam menyampaikan ilmu berbentuk teori dan praktikal kepada pelajar sekolah menengah atas teras khidmat komuniti di samping meningkatkan integrasi sosial dalam kalangan pelajar UniSZA terhadap golongan miskin bandar serta masyarakat yang kurang berkemampuan.





Program Mobiliti 'International Virtual Exchange Lecture'

Ketika negara berhadapan dengan krisis pandemik COVID-19, pihak Fakulti Farmasi (FF) telah mengambil inisiatif melaksanakan program mobiliti secara dalam talian iaitu *International Virtual Exchange Lecture* melibatkan kerjasama antara FF UniSZA dengan Fakultas Farmasi, Universitas Padjadjaran, Indonesia (UNPAD).

Program yang berlangsung bermula 26 November hingga 28 Disember 2020 ini melibatkan empat sesi kuliah yang disampaikan melalui aplikasi *Cisco Webex*. Kursus yang terlibat ialah *Dosage Form Design I (Liquid and Semi-Liquid)*. Kursus ini turut ditawarkan oleh Fakultas Farmasi UNPAD pada semester yang sama.

Bagi tujuan pengantarabangsaan, sesi pembelajaran turut memberi tumpuan kepada elemen perkongsian budaya. Antara aktiviti yang dicadangkan ialah kuiz bahasa, coretan sejarah negara, klip video budaya tarian, makanan dan lagu berunsur kebudayaan yang bersesuaian dan bermanfaat untuk kedua-dua pihak.

Pelajar diminta untuk membentang dan berkongsi kebudayaan di negara masing-masing supaya lebih mengenali adat dan tradisi mereka. Selain itu juga, antara topik yang disampaikan oleh kedua-dua pihak ialah *Physicochemical Characteristics of Drugs* oleh Puan Anis Chaerunisaa (Fakultas Farmasi, UNPAD), manakala *Industrial and Extemporaneous Preparation of Liquid Dosage Forms* disampaikan oleh Dr. Zalina Zahari dan *Nanomedicine and Advancement* oleh Dr. Mulham Alfatama (FF, UniSZA.)

Inisiatif pelaksanaan program ini adalah untuk memupuk pembelajaran dalam talian secara global sebagai sebahagian daripada usaha *non-credited virtual mobility (inbound & outbound)* bagi mewujudkan budaya pengantarabangsaan dalam kalangan pelajar serta kolaborasi pengajaran holistik yang bersifat merentas budaya dan benua.

Program Mobiliti Outbound FIK di Universiti Pertahanan Nasional Veteran, Jakarta

Hasil pemeteraian Memorandum Persefahaman (MoA) antara Fakulti Informatik dan Komputeran (FIK) dengan Universiti Pertahanan Nasional Veteran Jakarta (UPNVJ), FIK telah menerima penawaran program mobiliti pelajar ke UPNVJ. Meskipun dunia dilanda wabak pandemik COVID-19, namun hal ini tidak menghalang kedua-dua buah universiti berlainan negara ini ditemukan dalam satu program mobiliti.

Program Mobiliti Berkredit (*Outbound*) ini diadakan secara maya bermula 21 Oktober 2020 sehingga 20 Februari 2021. Penganjuran program ini memberi peluang

kepada pelajar FIK untuk mendapatkan pengalaman pendidikan dengan mengikuti program akademik yang ditawarkan oleh universiti luar negara. Selain itu, objektif yang ingin dicapai melalui program ini adalah untuk memperluaskan pengalaman pendidikan pelajar FIK, memberi peluang kepada pelajar meningkatkan kefahaman mengenai isu dan perspektif global berkaitan bidang ilmu yang diceburi, meluaskan aktiviti MoA yang ditandatangani oleh kedua-dua buah universiti dan dapat melatih pelajar FIK sebagai duta kecil Malaysia.

The First Virtual Conference: Global Health Sciences Conference 2020 (GHSC 2020)

Faculty of Health Sciences grasped a great opportunity to organize the first ever international conference renowned as the Global Health Sciences Conference 2020 (GHSC 2020) on 12th December 2020 using Webex platform. This event was co-organized by five international institutions who have MOU with FSK such as Universitas Teuku Umar, Aceh, Indonesia (UTU), Universitas ‘Aisyiyah, Yogyakarta, Indonesia (UNISA), Politeknik Kesehatan Yogyakarta, Indonesia (POLKESYO), Sekolah Tinggi Ilmu Kesehatan, Syedza Saintika Padang, Indonesia (STIKES) and Rajamangala University of Technology Thanyaburi, Thailand (RMUTT). GHSC2020 was officiated by Acting Deputy Vice Chancellor (Research and Innovation), Prof. Dr. Hafizan Juahir.

The theme of the conference, “Pandemic Challenges in Health Sustainability” was very relevant and pertinent in the current scenario in which the health is dominated by infectious diseases and also by non-communicable diseases which pose challenges to global health sustainability.

GHSC 2020 has created a great platform to discuss current landscape and next steps for sustainability in health setting that bring together all academicians, clinicians, researchers, healthcare providers and students from within and outside Malaysia to share their thoughts, experience and develop collaborative research networking discussing the cutting-edge development in health sciences to foresee the risk and challenges during the pandemic. Therefore, the implementation is by embarking a systematic strategy to improve health care setting based on scientific evidences through innovate new ideas, improve assess in health care, readjust the processes and improve practice of health care that can be gained from this conference.

Moreover, GHSC 2020 is a global gathering with renowned speakers, presentations, panel discussions and valuable networking opportunities. The keynote speech was delivered by Prof. Dr. Tony Merriman from University of Otago, New Zealand with a title “The Role Of The Environment In Gout Onset And Outcomes”. Conference presentations and discussions related to the following areas: Bridging the Gap in Biomedical Research, Featuring New Trends of Research in Nutrition and Dietetics, Recent Advancements of Research in Medical Imaging and Exploring Novel Researches in Rehabilitation. Each of the scope featured plenary speakers who are well-known in their field to garner diverse scholars in disseminating the research experiences in health sciences. They were Prof. Dr. Enas Mohamed Shahine (Sultan bin Abdul Aziz Humanitarian City, Riyadh, Kingdom

GLOBAL HEALTH SCIENCES CONFERENCE 2020 (GHSC 2020)
"Pandemic Challenges in Health Sustainability"

12 DEC 2020
8.30AM - 5.00PM

KEYNOTE SPEAKER
Prof. Dr. Tony Merriman

PLENARY SPEAKER
Prof. Dr. Yeo Chew Chieng
Prof. Dr. Enas Mohamed Shahine
Assoc. Prof. Dr. Peter Kench
Madam Nurul Huda Ibrahim

SCOPES
Bridging the Gap in Biomedical Research
Featuring New Trends of Research in Nutrition and Dietetics
Recent Advancements of Research in Medical Imaging and Exploring Novel Researches in Rehabilitation

GOALS
To provide a platform for researchers, clinicians, and students to share their thoughts and experiences in health sciences.
To foster collaborative research networking and discuss the cutting-edge development in health sciences.
To foresee the risk and challenges during the pandemic.

WHO SHOULD APPLY
Researchers in health sciences and related fields
Clinicians and healthcare providers
Students and postgraduate researchers

ABSTRACT AND FULL PAPER
Abstracts should be submitted to the conference website by the deadline.
Full papers should be submitted to the conference website by the deadline.
Abstracts and full papers should be submitted to the conference website by the deadline.

ORAL PRESENTATION
Presentations will be held in a virtual format.
Presentations will be held in a virtual format.

E-POSTER PRESENTATION
Presentations will be held in a virtual format.
Presentations will be held in a virtual format.

CONFERENCE LANGUAGE
English

AWARD
Best Oral Presentation Award
Best E-Poster Presentation Award

REGISTRATION FEE
Local: RM 100.00
Regional: RM 150.00
International: RM 200.00

MORE INFORMATION
Email: ghsc2020@unisa.edu.my
Contact: Prof. Dr. Hafizan Juahir
Phone: 011-2222-2222
Website: www.unisa.edu.my/ghsc2020

CO-ORGANIZER:
Universiti Sultan Zainal Abidin, Politeknik Kesehatan Yogyakarta, Sekolah Tinggi Ilmu Kesehatan, Rajamangala University of Technology Thanyaburi, and Universitas 'Aisyiyah Yogyakarta.



of Saudi Arabia), Prof. Dr. Yeo Chew Chieng (Universiti Sultan Zainal Abidin, Malaysia), Associate Professor Dr. Peter Kench (University of Sydney, Australia) and Madam Nurul Huda Ibrahim (Family Health Development Division, Ministry of Health Malaysia).

This event had attracted approximately 200 participants from inside and outside Malaysia with involvement of six countries. This first edition of GHSC has been successfully organized with a hope to have a consecutive event in the following years.



Anugerah Sukan UniSZA 2019 Penutup Tirai 2020

Pusat Sukan dan Rekreasi (PSR) telah menganjurkan Majlis Anugerah Sukan 2019 yang berlangsung dengan penuh meriah pada 29 Disember 2020 di Dewan Auditorium Perpustakaan UniSZA. Majlis ini telah dirasmikan oleh Naib Canselor UniSZA, Prof. Dato' Dr. Hassan Basri Awang Mat Dahan. Majlis yang dijalankan bagi mengiktiraf para atlet, pegawai dan penggiat sukan ini telah dijalankan pada skala yang kecil dengan jemputan yang terhad berikutan daripada keadaan pandemik COVID-19 yang masih belum reda. Dalam memastikan majlis berprestij ini turut dirasai kemegahannya oleh mereka yang tidak dapat hadir, pihak jawatankuasa penganjur telah menyiarkan majlis ini secara langsung menerusi *Facebook* Pusat Sukan UniSZA.

Dalam majlis ini, Saudara Muhammad Khalis Jasmiad, atlet sukan Rowing serta Saudari Nur Aina Yasmine Halim, atlet sukan memanah telah dinobatkan sebagai Olahragawan dan Olahragawati UniSZA bagi tahun 2019 berikutan kecemerlangan mereka mewakili negara ke temasya Sukan SEA 2019. Antara anugerah lain yang turut diberikan dalam majlis tersebut ialah Olahragawan dan Olahragawati Harapan yang diterima oleh Saudara Wan Mohamad Hakim Wan Hussain dan Saudari Iman Aisyah Norazam; pasukan terbaik lelaki (Pasukan E-Sports); dan wanita (Pasukan Sukan Air (Kayak-Rowing)). Majlis anugerah ini turut menghargai para jurulatih. Anugerah Jurulatih Cemerlang telah diberikan kepada Encik Adnan Ahmad bagi acara memanah; Encik Zulharisam Awang bagi acara bola sepak dan Encik Nor Amirul Mohamad. Manakala Anugerah Pengurus Cemerlang pula telah diberikan kepada Encik Muhammad Syifa' Mokhtar (Pasukan E-Sports UniSZA) dan Puan Emmy Shazeerah Suzairah (Pasukan Rowing UniSZA). Bagi anugerah jasmu dikenang pula, penerima anugerah terdiri daripada Encik Tony Azman Hassan, Encik Muhamad Syukri Zakaria, Encik Muhammad Rabani Hisham, Encik Muhammad Ikmal Firdaus Mustafa, Encik Muhammad Ridhwan Mohammad dan Pasukan Sorak UniSZA (Ultras Rhino Maniac). Selain itu, seramai 84 atlet telah menerima insentif sukan bagi yang telah berjaya memenangi pingat sepanjang tahun 2019.





Program Persatuan, Kelab dan Sekretariat Pelajar

Pandemik COVID-19 telah mengubah corak dan gaya hidup penduduk sesebuah negara di seluruh dunia. Hal ini termasuk cara mereka beraktiviti, bekerja dan mendapatkan pendidikan. Di negara ini, sektor pendidikan merupakan antara yang mengalami perubahan dari aspek strategi untuk menyalurkan ilmu kepada masyarakat. Persatuan, kelab dan sekretariat pelajar menjalankan program dan aktiviti mereka secara maya kerana pandemik COVID-19 yang melanda.

Dengan demikian, Sekretariat Pelajar UniSZA telah mengatur beberapa program menarik dan melaksanakannya walaupun dalam keadaan yang terbatas. Program berkenaan ialah 'E-Volunteer: Sukarelawan di Ambang COVID-19' yang telah diadakan pada 26-29 Oktober 2020 anjuran Persatuan Sukarelawan UniSZA (PERSIS). Selain itu, Forum Perdana bertajuk 'Akhlak Rasulullah Idola Remaja Muslim' turut diadakan pada 6 November 2020 anjuran Sekretariat Rakan Muda UniSZA (SRN). Malah, terdapat juga program yang lain seperti Forum Isu Semasa bertajuk 'Pilihan Raya Presiden di Amerika Syarikat' yang diadakan pada 14 November 2020 anjuran Kelab Orator Bahasa Melayu UniSZA. Malah, Bicara Kenegaraan Malaysia: Impian Generasi Anak Muda, Realiti dan Cabaran anjuran Persatuan Mahasiswa Kontemporari Islam UniSZA (PMKI) juga diadakan.

Program yang diadakan ini dapat membentuk mahasiswa yang beradab, berakhlak mulia, membina semangat patriotisme dan manusiawi yang tinggi serta cinta kepada negara. Bahkan, aktiviti seperti ini mampu menerapkan kepekaan kepada khidmat masyarakat, berdaya saing serta kecaknaan terhadap isu semasa sama ada di dalam dan luar negara. Kadar tontonan bagi setiap program yang dijalankan ialah seramai 3,000 hingga 35,000 orang.

Penganjuran program sebegini diharapkan mampu memberi suntikan baharu kepada semua mahasiswa dalam memacu kecemerlangan pada masa akan datang. Gandingan moderator daripada mahasiswa bersama pengurusan tertinggi universiti dan tokoh-tokoh masyarakat memberikan pengalaman yang sangat berharga kepada mereka.





SEDIMENTASI DI SUNGAI TERENGGANU

Penulis: Mohd Khairul Amri Kamarudin, Noorjima Abd. Wahab

ISBN: 978-967-2231-64-6

Harga: RM21.00

Abstrak

Buku ini memaparkan perbincangan isu-isu sedimentasi, hakisan dan perubahan guna tanah yang berlaku sepanjang Lembangan Sungai Terengganu. Selain memaparkan pelbagai isu penting berdasarkan data dan hujah saintifik, buku ini turut membincangkan tentang cabaran dalam menangani masalah sedimentasi di kawasan lembangan sungai dari pelbagai perspektif. Berbekalkan pelbagai maklumat dan ilmu berkaitan persekitaran yang melibatkan kajian sedimentasi dalam aspek hidrologi, buku ini dapat dijadikan panduan atau rujukan oleh para penyelidik, ahli akademik, para pelajar dan pihak berkaitan dalam menjalankan kajian berkaitan sedimentasi di lembangan sungai.



BANJIR DAN KESIAGAAN KOMUNITI DI MALAYSIA

Penulis: Norsiah Ahmad, Wan Anisah Endut, Rosmaria Jaffar, Nurul Huda Mustafa

ISBN: 978-967-2231-63-9

HARGA: RM28.00

Abstrak

Banjir 2014 merupakan bencana alam terburuk berlaku dalam tempoh 30 tahun di Malaysia yang meragut banyak nyawa, mengorbankan harta benda dan menyebabkan kerugian yang amat besar. Walaupun pihak kerajaan telah mengalami langkah pemulihan serta menyediakan pelan tindakan untuk masa hadapan, adakah kita bersedia untuk menghadapi bencana sebegini jika bencana berulang? Hasil kajian ke atas mangsa banjir 2014 di Negeri Terengganu dan Kelantan mengupas isu kesiagaan individu dan komuniti (ISK). Lapan item yang dipilih menguji setakat mana mereka bersedia dan apakah yang perlu ditingkatkan bagi memastikan bencana akan datang dapat dihadapi dengan kerugian yang minima.



TAKAFUL PERLINDUNGAN HARTA BENDA

Penulis: Mohamad Abdul Hamid, Norizan Remli, Wan Nazjmi Mohamed Fisol

ISBN: 978-967-2231-55-4

Harga: RM21.00

Abstrak

Buku ini ditulis sebagai rujukan persediaan untuk pelajar diploma dan ijazah pendidikan tinggi serta mereka yang ingin memahami tentang takaful dan perlindungan harta benda. Selain memberikan kefahaman asas, buku ini turut memperincikan tentang risiko, Takaful Am, prinsip-prinsip syariah serta aplikasi, amalan operasi, keperluan peraturan dan pengetahuan produk berkaitan. Buku ini secara umumnya disusun dalam lapan bab meliputi pelbagai jenis takaful seperti Takaful Kebakaran, Takaful Kebakaran Standard, Takaful Gangguan Perniagaan, Takaful Marin, Takaful Kargo, Takaful Kapal dan sebagainya. Kemunculan buku ini akan menambah lebih banyak bacaan berkaitan takaful dan dapat digunakan sebagai panduan bukan sahaja oleh para pelajar tetapi juga oleh masyarakat.



KITAB AL-KIFAYAH KARANGAN TOK PULAU MANIS


PENULIS: Zurita Mohd Yusoff, Hasanulddin Mohd, Jamalluddin Hashim

ISBN: 978- 967-2231-77-6

HARGA: RM52.00

ABSTRAK

Tok Pulau Manis atau nama sebenar beliau, Syeikh Abdul Malik bin Abdullah merupakan ulama kelahiran Terengganu yang telah banyak memberi sumbangan terhadap perkembangan Islam di Terengganu. Karya fikah beliau berjudul al-Kifayah telah menjadi rujukan penting bagi perkara-perkara yang berkaitan asas hukum syarak yang perlu diketahui oleh seorang Muslim. Kitab al-Kifayah yang bertulisan Jawi ini dikarang oleh Tok Pulau Manis sekitar tahun 1690-1700 Masihi dan menjadi teks rujukan bagi pelajar pondok yang juga diasaskan oleh beliau. Terdapat juga bukti menunjukkan kitab ini telah tersebar ke Patani dan negeri-negeri lain. Tok Pulau Manis menumpukan perbincangan beliau kepada asas-asas akidah dan fikah bagi seorang Muslim seperti Rukun Iman, Rukun Islam, bab taharah, solat, puasa, zakat, akikah, penyembelihan dan binatang halal serta haram dimakan. Fakta-fakta dalam kitab ini banyak disandari dengan pandangan muktamad dalam Mazhad Shafi'i dan contoh-contoh permasalahan yang dikemukakan juga banyak bersesuaian dengan ciri-ciri kehidupan masyarakat Melayu ketika itu. Cara persembahannya yang ringkas tetapi padat menjadikan kitab ini sesuai digunakan dalam kuliah agama atau pengajian di madrasah dan masjid. Bagi membantu masyarakat khususnya pembaca memahami isi kandungan kitab ini yang banyak menggunakan bahasa Melayu klasik dengan tulisan Jawi lama, penulis mengambil inisiatif untuk mentransliterasinya ke tulisan Rumi dan mentahkiknya dengan menggunakan tiga naskhah. Buku ini juga diusahakan untuk diterbitkan sebagai salah satu usaha memelihara manuskrip karya ulama silam tempatan yang sarat dengan mutiara ilmu untuk digali oleh generasi hari ini.



UNDANG-UNDANG WASIAT WAJIBAH DI MALAYSIA DAN DI BEBERAPA NEGARA ISLAM

PENULIS: Mohd Shukri Jusoh

ISBN: 978-967-2231-83-7

HARGA: RM34.00

ABSTRAK

Wasiat wajibah adalah sebahagian daripada bentuk harta pusaka yang digabungkan dengan konsep wasiat. Di beberapa negara Islam, ia dikenali sebagai Wasiat Qanun iaitu satu bentuk wasiat diperuntukkan oleh undang-undang kepada cucu yatim yang terdinding daripada mendapat harta pusaka si mati oleh individu tertentu. Terdapat beberapa negara Islam seperti Mesir, Syria, Pakistan dan Malaysia terutamanya negeri Selangor, Melaka dan Negeri Sembilan yang memperuntukkan undang-undang yang berkaitan dengan wasiat wajibah dalam perundangan mereka, manakala negeri-negeri lain di Malaysia belum bersedia untuk memperkenalkan undang-undang tersebut. Buku ini membincangkan tentang konsep wasiat wajibah dan pemakaiannya dalam sistem perundangan Islam. Selain itu, fokus perbincangan juga ditumpukan kepada pelaksanaan undang-undang wasiat wajibah di beberapa negara Islam dan melihat secara perbandingan pemakaian undang-undang tersebut secara sistematik dan menyeluruh di beberapa negara Islam serta mengenal pasti tahap pemakaiannya di Malaysia.



PEMBANGUNAN PERISIAN MULTIMEDIA UNTUK KANAK-KANAK PRA SEKOLAH

PENULIS: Nor Azah Abdul Aziz, Norasikin Fabil, Zawawi Ismail

ISBN: 978-967-2231-78-3

HARGA: RM39.00

ABSTRAK

Buku ini menfokuskan kepada pembangunan perisian multimedia interaktif untuk kanak-kanak prasekolah bermula dengan mengenali kanak-kanak, memilih model atau teori pembelajaran dan membangunkan perisian multimedia interaktif yang bersesuaian dengan perkembangan dan pembelajaran kanak-kanak. Teori, model, contoh laman web dan perisian multimedia interaktif yang dibincangkan dalam buku ini diharap dapat menambahkan ilmu pengetahuan pembaca tentang kanak-kanak prasekolah dan dapat membangunkan perisian multimedia interaktif yang sesuai dengan kanak-kanak di Malaysia berasaskan kurikulum prasekolah tanpa menyekat kreativiti pembangunan multimedia. Bahkan buku ini secara istimewanya turut menfokuskan pembangunan dan pendekatan serta model berasaskan Islamik dan amat sesuai dalam melahirkan insan yang seimbang. Selamat membaca! Semoga beroleh manfaat di dunia dan akhirat.

Buku ini sesuai untuk penyelidik, ahli akademik, pelajar dan pembangunan perisian multimedia interaktif amnya dan pembangunan perisian multimedia interaktif kanak-kanak prasekolah, khususnya. Selain itu, ia juga bersesuaian untuk program pengajian yang mempunyai subjek Multimedia, Studio Multimedia, Pembangunan Aplikasi Multimedia, Subjek Awal Kanak-kanak dan lain-lain disiplin ilmu yang berkaitan.